

دوکومن روجوعن

DOKUMEN RUJUKAN

**DASAR
PENDIDIKAN
RABBANI**

KELANTAN



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**DOKUMEN RUJUKAN
DASAR PENDIDIKAN
RABBANI KELANTAN**

CETAKAN PERTAMA: 2020
ISBN: 978-967-18329-2-9

Diterbitkan oleh:

Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan,
Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi
KERAJAAN NEGERI KELANTAN
Aras 8, Mabna MBI, Kompleks Kota Darul Naim,
15503 Kota Bharu, Kelantan

Diurusetikan oleh:



Institut Latihan Perguruan Kelantan (ILPK)
Jalan Maktab, Taman Orkid,
16100 Pengkalan Chepa, Kelantan

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua, sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Kerajaan Negeri Kelantan.

ISI KANDUNGAN

• Panel Penulis dan Pentashih	vi
• Perutusan Menteri Besar Kelantan	viii
• Prakata Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi Kerajaan Negeri Kelantan	x
• Prakata Pengerusi Panel Pakar Penggubalan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan	xi
• Prakata Pengarah Institut Latihan Perguruan Kelantan	xii
• Sekalung Penghargaan	xiii
• Senarai Singkatan	xiv

Pengenalan	1
Sumber Wahyu	2
Konsep Pendidikan Rabbani	3
Rasional Dasar	7
Falsafah, Visi dan Misi Dasar Pendidikan Rabbani	8
Matlamat Pendidikan Rabbani Kelantan	9
9 Nilai Teras Rabbani	10
Logo Pendidikan Rabbani	11
Prinsip Pendidikan Rabbani	12
1. Prinsip 1: Ilmu Bermatlamatkan Allah	13
1.1 Ilmu Adalah Milik Allah SWT	15
1.2 Ilmu Bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah	17
1.3 Ikhlas Berilmu Kerana Allah	20
1.4 Bermatlamatkan Akhirat	23
2. Prinsip 2: Keutamaan Ilmu & Kefaqihan	27
2.1 Keutamaan Ilmu Fardhu 'Ain	29
2.2 Pengajian Mengikut Turutan Ilmu	32
2.3 Pembangunan Individu Faqih	34
2.4 Pengintegrasian Ilmu Aqli dan Naqli	37
3. Prinsip 3: Kemenjadian Insan Mulia	39
3.1 Kecintaan Ilmu Pengetahuan	41
3.2 Melazimi Suruhan Agama	43
3.3 Berkeperibadian Mulia	46
3.4 Hidup Bermasyarakat	49
3.5 Keprihatinan Terhadap Alam Sekitar	52
4. Prinsip 4: Pengamalan & Penyebaran Ilmu	55
4.1 Pembudayaan Ilmu	57
4.2 Penghayatan Ilmu	60

4.3	Perkongsian Ilmu	62
4.4	Penyebaran Ilmu Secara Meluas	64
4.5	Pemartabatan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu dan Peningkatan Penguasaan Bahasa Lain	68
5.	Prinsip 5: Pembelajaran & Pengkajian Berterusan	69
5.1	Peningkatan Potensi dan Kemahiran	71
5.2	Pengaplikasian Ilmu Pengetahuan dan Teknologi	73
5.3	Pembinaan Jiwa Insan Pendidik	75
5.4	Pembudayaan Amalan Berguru	77
5.5	Pelaksanaan Penyelidikan Berterusan	80
6.	Prinsip 6: Pembangunan & Pengislahan Masyarakat	83
6.1	Pembangunan Holistik dan Seimbang	85
6.2	Pengislahan Secara Berhikmah	88
6.3	Kewajipan Melaksanakan 'Amar Ma'aruf Nahi Mungkar	90
6.4	Mempelajari Bahasa Kaum Tempatan	93
6.5	Berkemahiran dalam Penyelesaian Masalah	95
6.6	Pengukuran Berterusan Secara Sainifik	98
7.	Prinsip 7: Kebersamaan Tanggungjawab	101
7.1	Keutamaan Peranan Ibu Bapa	103
7.2	Kerjasama Institusi Kerajaan, Swasta dan Masyarakat	106
7.3	Kepemimpinan dan Kompetensi Pemimpin Pendidikan	109
7.4	Pentadbiran Menjiwai Pendidikan	112
7.5	Kelestarian Pengurusan Dana	114
7.6	Pengukuhan Amalan Persekutuan	118
8.	Prinsip 8: Bertepatan Realiti Semasa	121
8.1	Kecukupan Keperluan Fardhu Kifayah dalam Kehidupan	123
8.2	Penggunaan Teknologi Terkini	125
8.3	Pengukuhan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Semasa	128
8.4	Cakna Kepada Realiti Kehidupan	130
9.	Prinsip 9: Kelestarian Ilmu	133
9.1	Penyepaduan Akal dengan Wahyu	135
9.2	Pengintegrasian Disiplin Ilmu	136
9.3	Keperluan Memenuhi Fitrah Manusia Sejagat	138
9.4	Pengiktirafan Sumbangan Ilmuan Silam	140
9.5	Pendokumentasian Ilmu	142
9.6	Pengawalseliaan Kualiti Institusi Pendidikan	144
9.7	Jaminan Kesahihan Sumber	146
	Rujukan	149
	Lampiran	154

PANEL PENULIS

Azizi Umar

Nurhafilah Musa

Mazlan Ibrahim

Mohd Huzairi Awang @ Husain

Habib Mat Som

Arifin Mamat

Wahibah Tahir

Mohd Abdul Nasir Abd Latif

Noor Hisham Md Nawawi

Kamarulzaman Abdul Ghani

Adnan Abd Rashid

Shukeri Mohamad

PANEL PENTASHIH

Zainuddin Che Ismail

Aminudin Basir @ Ahmad

PERUTUSAN MENTERI BESAR KELANTAN



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ، الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِیْنَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰی رَسُوْلِهِ الْاَمِیْنِ وَعَلٰی اٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِیْنَ

Pendidikan adalah tunjang sesebuah tamadun yang akan membawa masyarakat ke arah yang lebih baik. Pendidikan adalah proses pembangunan insan yang akan membawa hayat manusia berakhir kepada Rab iaitu Allah SWT.

Cabaran besar dalam proses pendidikan ini ialah dimensi pengaruh pendidikan mdel yang dirosakkan oleh Barat kerana memisahkan Tuhan dengan urusan manusia, Negara kita, Malaysia tidak terlepas dari perangkap ini melalui penjajahan ke atas negara umat Islam.

Kerajaan Negeri Kelantan telah menetapkan dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI) sebagai panduan kepada semua sektor pentadbirannya termasuk pendidikan. Malahan sektor ini dikaitkan dengan pembangunan insan. Ia memberi konotasi bahawa pembangunan insan itu sendiri adalah melalui pendidikan yang benar dan berorientasi rabbani sebagaimana yang tercatat dalam al-Quran al-Karim.

Sememangnya konsep pendidikan Islam ialah konsep pendidikan rabbani yang bersumberkan bimbingan ilahi. Pendidikan rabbani dapat melahirkan manusia yang baik dan bertanggungjawab kepada diri, keluarga dan masyarakat demi mencapai kebahagiaan hakiki dengan berpandukan wahyu daripada Allah SWT. Malah, Rasulullah SAW telah memperkenalkan konsep pendidikan rabbani dan berkonsep belajar seumur hidup, mempraktikkan ilmu serta menyebarkannya.

Dasar Pendidikan Rabbani yang dibangunkan ini bertujuan meluaskan skop pendidikan yang bukan sahaja dalam konteks pendidikan Islam sahaja tetapi merentasi bidang-bidang lain. Kerajaan Negeri juga berhasrat melebarkan falsafah baharunya yang bersifat rabbani ke seluruh institusi-institusi lain di Kelantan. Dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam dan orientasi yang berfalsafah kepada konsep 'Ubudiyyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI) adalah menjadi sandaran Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan ini.

Saya berterima kasih sebanyak-banyaknya kepada YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli bin Dato' Haji Hassan, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi serta seluruh penggerak jawatankuasa DPRK yang sejak awal lagi telah berusaha untuk membangunkan dasar ini secara lebih efisien. Semoga ia menjadi rujukan semua pihak dalam arena pendidikan.

Wassalam

YAB Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob, S.J.M.K, D.J.M.K (Kelantan)
(Dato' Bentara Kanan)
Menteri Besar Kelantan.

PRAKATA
**PENGERUSI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN INSAN,
PENDIDIKAN, PENGAJIAN TINGGI, SAINS DAN TEKNOLOGI
KERAJAAN NEGERI KELANTAN**



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ، الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِیْنَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰی رَسُوْلِ اللّٰهِ وَعَلٰی آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِیْنَ

Sebagaimana yang diamanahkan oleh kerajaan negeri yang mendokong Islam melalui dasarnya Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI), saya mengambil tanggungjawab merealisasikannya dalam aspek pendidikan melalui portfolio saya. Hasil kerjasama daripada semua pihak terutama yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) ini diperkenalkan.

Sejak kemerdekaan, negara kita semacam kehilangan punca dan arah tuju dalam pendidikan dengan acuan yang dibentuk oleh Barat. Hatta sebahagian daripada pelajar aliran agama yang menerima pendidikan pada peringkat sekolah terpaksa berakhir dalam sistem Barat pada peringkat pengajian tinggi. Kita masih berada dalam kerangka yang luar dari Islam dengan ikatan struktur *federalism* yang ada. Tanpa sedar sepenuhnya, kita masih menjadi ejen kepada tamadun yang asing dari agama kita sendiri. Pendidikan tidak dapat menyelesaikan masalah manusia kecuali hanya sekadar memenuhi keperluan dunia semata-mata.

Kerajaan Kelantan bertekad mengemukakan dimensi baru ini kepada mereka yang menghayati Islam dengan mengharapkan ia dilihat dari perspektif demokrasi oleh orang-orang bukan Islam. Susulan itu DPRK ini akan mencemerlangkan masyarakat Malaysia dan mereka yang beragama khususnya agama Islam. Mereka akan menjadi warga yang lebih baik dengan orientasi Rabbani ini.

Wassalam

YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli bin Dato' Haji Hassan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan,
Pengajian Tinggi, Sains Dan Teknologi.
Kerajaan Negeri Kelantan.

PRAKATA

PENGERUSI PANEL PAKAR PENGGUBALAN DASAR PENDIDIKAN RABBANI KELANTAN



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Syukur ke hadrat Allah SWT atas inayat dan hidayah-Nya, dokumen rujukan ini dapat diterbitkan. Ucapan jutaan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri Kelantan dan Institut Latihan Perguruan Kelantan (ILPK). Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada panel pakar penggubalan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan. Demikian juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dengan penerbitan dokumen rujukan ini secara langsung atau tidak langsung. Semoga usaha ini akan menjadi satu alternatif yang holistik dalam pembinaan masyarakat dan menjadi medium untuk memahami ajaran Islam secara lebih dekat.

Dokumen rujukan ini akan memperincikan prinsip Pendidikan Rabbani kepada amalan-amalan terbaik bagi setiap prinsip tersebut. Dokumen ini merupakan manifestasi daripada dokumen asas yang dibukukan sebagai rujukan utama kepada setiap pelaksanaan prinsip tersebut.

Akhir kata, dokumen ini adalah salah satu usaha untuk menyebarkan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan kepada seluruh masyarakat di Malaysia khususnya masyarakat di Negeri Kelantan. Oleh hal yang demikian, isi kandungan dokumen ini perlu dikupas dalam konteks alternatif yang praktikal dalam sistem pendidikan Islam serta disiplin ilmu yang lain agar dapat memenuhi kehendak sistem pendidikan dan masyarakat Malaysia bercirikan modal insan yang baik sekali gus menyumbang kepada pembangunan tamadun bangsa.

Wassalam

Profesor Dato' Dr. Ab Halim bin Tamuri

Pengerusi Panel Pakar Penggubalan

Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan

PRAKATA

PENGARAH INSTITUT LATIHAN PERGURUAN KELANTAN



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ، الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِیْنَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰی رَسُوْلِ اللّٰهِ وَعَلٰی آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِیْنَ

Syukur ke hadrat Allah SWT di atas kurnian nikmat masa dan tenaga yang dianugerahkan kepada kita dalam menjayakan kerja harian sebagai ibadat kepadaNya. Dokumen rujukan ini sendiri adalah sebagai sebahagian daripada kerja tersebut.

Dalam memacu peranan Institusi Latihan Perguruan Kelantan (ILPK) membantu aspek pemeraksanaan pendidikan di Kelantan, usaha menerbitkan dokumen rujukan ini bukan sahaja sebagai rakaman bahan, tetapi diharapkan menjadi khazanah keperustakaan negeri kepada dunia pendidikan. Dokumen rujukan ini merupakan kesinambungan usaha dan idea yang telah diadakan sebelum ini. Era evolusi Industri 4.0 kini menjadi cabaran kepada negeri Kelantan yang mengambil dasar Membangun Bersama Islam (MBI) dan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) dalam gerakan pendidikannya.

Sebagai Pengarah ILPK, ucapan jutaan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri Kelantan yang membantu dan menyokong usaha untuk membangun dokumen rujukan ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada panel pakar penggubalan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan yang terlibat dalam memberi sumbangan idea dan tenaga untuk menghasilkan dokumen rujukan ini.

Semoga sumbangan dokumen rujukan ini memberi makna yang besar kepada semua pihak.

Wassalam

Dr. Yaacob bin Haji Yusoff Awang
Pengarah
Institut Latihan Perguruan Kelantan (ILPK)

SEKALUNG PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmatNya, dokumen rujukan ini dapat dihasilkan. Semoga usaha penulisan dokumen ini diterima sebagai ibadah untuk menyebarkan ilmu dan perkongsian pengalaman.

Setinggi-tinggi penghargaan terutamanya kepada Cikgu Wan Ab Halim Wan Ismail, Pendaftar Institut Latihan Perguruan Kelantan (ILPK) di atas kesungguhan bagi memastikan penyelarasan pembangunan dokumen rujukan ini berjalan dengan lancar. Penyelarasan ini turut dibantu oleh pegawai-pegawai penyelidik, Ustaz Soleh Ibrahim dan Ustaz Mohd Nordin Jaafar selain staf pelaksana, Nik Mohd Fakhriy Abd Wahab dan Aminy Hifzullah Imtiaz Mohamad Daud.

Jutaan terima kasih juga kepada sekumpulan jurulatih utama (Mursyid dan Murabbi Pendidikan Rabbani daripada Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang diketuai oleh Ustaz Zulkipli Mat Yusof, Timbalan Pengarah ILPK. Juga beberapa orang peserta daripada Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), wakil institusi pondok dan sekolah persendirian. Mereka terpilih dalam proses penyebaran awal dokumen ini selain memberikan input bermakna kepada sekumpulan panel pakar.

Perasaan bangga juga ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Mohd Zahiri Awang Mat yang terlibat serius pada peringkat awal pembangunan dokumen ini sebelum berhijrah ke Brunei Darussalam. Selain itu, bantuan penyediaan dokumen turut disumbangkan oleh Cik Nur Nabihah Hassan, pembantu Ketua Penulis yang sangat komited dan teliti dalam proses penghasilan dokumen ini.

Akhirnya, kepada semua pihak dan individu yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini. Hanya Allah SWT yang dapat membalas segala kebaikan yang telah dihulurkan.

SENARAI SINGKATAN

RA	Radhiallahu 'Anhu/ha
SAW	Sallahu 'Alaihi Wasallam
SWT	Subhanahu Wa Ta'ala
t.th.	Tanpa tarikh
t.tp.	Tanpa tempat
t.pt	Tanpa penerbit
AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
ANM	Arkib Negara Malaysia
DPRK	Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan
ICT	Information and Communication Technology
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPW	Institusi Pendidikan Wakaf
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JAM	Jabatan Amal Malaysia
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
MAIK	Majlis Agama Islam Kelantan
MBI	Membangun Bersama Islam
MMBI	Merakyatkan Membangun Bersama Islam
MQA	Malaysian Qualifications Agency
MQR	Malaysian Qualification Register
PAK-21	Pendidikan Alaf Ke-21
PCK	Pedagogical Content Knowledge
PdP	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PERMATA	Persatuan Maahad Tahfiz
PERSIAP	Persatuan Sekolah-Sekolah Persendirian Kelantan
PMDG	Pondok Moden Darussalam Gontor Ponogoro
PPBA	Prosedur Pendigitalan Bahan Audiovisual
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PSH	Pendidikan Sepanjang Hayat
SRITI	Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam
TWI	Tabung Wakaf Indonesia
UDHR	Universal Declaration of Human Rights
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMI	Ubudiyah, Mas'uliyah, Itqan
UNIDA	Universiti Darussalam Gontor
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia

PENGENALAN

Dokumen Rujukan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) telah disiapkan oleh sekumpulan panel pakar dalam pelbagai bidang pendidikan. Dokumen ini dibangunkan setelah DPRK dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan pada 9 Jamadil Akhir 1438H bersamaan dengan 25 Februari 2018 di Kota Darul Naim, Kota Bharu.

Ia merupakan rujukan utama dalam pelaksanaan dasar tersebut. Dasar tersebut telah menghasilkan Sembilan prinsip pendidikan Rabbani dan 46 amalan terbaik untuk dijadikan panduan kepada setiap entiti pelaksanaan. Setiap amalan terbaik pula didokumentasikan sebagai rujukan mengikut kategori sumber, maksud, penghuraian amalan terbaik, model yang boleh dicontohi dan beberapa cadangan praktikal bagi mencapai hasil pelaksanaan Sembilan prinsip yang ditetapkan. Bagi kategori sumber wahyu, panel pakar sedaya upaya mendapatkan sumber yang paling autoriti bermula sumber wahyu al-Quran, hadith-hadith Sahih, pandangan daripada ahli tafsir dan ulama muftakar. Turut dijadikan sumber tambahan ialah beberapa pepatah Arab dan kesusasteraan peradaban Melayu seperti peribahasa, kata-kata hikmah, pantun dan sebagainya yang mempunyai nilai estetika yang sangat tinggi.

Pembangunan dokumen rujukan ini sudah tentu memerlukan penambahbaikan dan pemurnian. Ia masih belum sempurna dan memerlukan komentar, maklum balas dan teguran dari pelbagai pihak. Sebarang pandangan amat dihargai.

Pendokumentasian dokumen rujukan ini akan memberikan momentum baharu kepada setiap entiti pendidikan dan masyarakat di Kelantan khususnya untuk bersiap sedia dengan paradigma baharu dalam dunia pendidikan yang lebih mencabar.

Dr. Azizi Umar
Universiti Kebangsaan Malaysia
Ketua Penulis

SUMBER WAHYU

Firman Allah SWT:

مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَ وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ
لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِي مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّانِيِّينَ بِمَا
كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ ﴿٧٩﴾

Maksudnya:

“Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya al-Kitab dan hikmah serta pangkat kenabian, kemudian dia tergamak mengatakan kepada orang ramai: Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahku dengan meninggalkan perbuatan menyembah Allah, tetapi (sepatutnya dia berkata): Hendaklah kamu menjadi orang-orang Rabbaniyyin (yang hanya menyembah Allah Ta’ala dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya.”

(Surah Ali ‘Imran: 79)

Daripada Ibn ‘Abbas RA, dikatakan Nabi SAW bersabda:

مَا مِنْ مُؤْمِنٍ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى، حُرٍّ أَوْ مَمْلُوكٍ، إِلَّا وَلِلَّهِ عَلَيْهِ حَقٌّ وَاجِبٌ أَنْ
يَتَعَلَّمَ مِنَ الْقُرْآنِ وَيَتَفَقَّهُ فِي دِينِهِ؛ ثُمَّ قَرَأَ هَذِهِ آيَةَ: ﴿...﴾ وَلَكِنْ كُونُوا
رَبَّانِيِّينَ بِمَا كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ الْكِتَابَ... ﴿...﴾

Maksudnya:

“Tidaklah seseorang mukmin lelaki atau perempuan itu bebas/merdeka dan tidak juga dia dimiliki/ditawan, melainkan Allah SWT memiliki hak ke atasnya, dgn dia mempelajari al-Quran dan bertafaqquh (mendalami) agamanya (sebagai menunaikan hak Allah). Kemudian, Rasulullah SAW membaca ayat ini: ... ولكن كونوا ربانيين ... (Ali ‘Imran, ayat 79).”

KONSEP PENDIDIKAN RABBANI

AKAR BAHASA

Perkataan rabbaniyyin (ربانيين) atau rabbaniyyun (ربانيون) adalah dalam bentuk jamak (جمع) atau kata banyak daripada perkataan Rabbaniy (رباني). Kata ini berasal daripada kata rabb (رب). Dari sudut bahasa bermaksud 'Tuhan' dengan erti pencipta, pemelihara, pendidik dan pengatur. Dalam al-Quran, perkataan rabbaniy (رباني) disebut sebanyak 3 kali. **“Rabbani berasal dari perkataan rabb, dengan tambahan huruf alif, nun dan ya yang dinisbahkan dengan maksud mubalaghah (مبالغة) iaitu bagi tujuan memperkuat penyampaian maksud.”** (Al-Alusi - Ruhul Ma'ani)

Rabb ialah Allah SWT. Manakala rabbani bererti makhluk yang sangat dekat dengan rabb, mengenal-Nya, dan sentiasa mentaati-Nya. Dalam buku Lisanul Arab, **“Rabbani ialah seseorang yang memiliki ilmu pengetahuan mendalam mengenai ketuhanan berbanding ilmu lain.”**

KONSEP PENDIDIKAN RABBANI

Pendapat Ahli Tafsir:

1. Imam Abu Ja'far al-Tabari berkata:

أن الرباني المنسوب الى الرَّبَّانِ: الذي يربُّ الناس، وهو الذي يصلح
أمورهم ويربها، ويقوم بها.

Maksudnya:

Perkataan Rabbani yang dinisbahkan kepada *rabba* merujuk kepada orang yang mendidik manusia; iaitu orang yang menambahbaik segala urusan mereka, mendidik dan membangunkannya. (Jami'ul Bayan)

2. Imam Ibn al-'Arabi berkata:

رباني عبارة عن الذي يُرَبِّي الناس بصغار العلم قبل كباره، وكأنه يقتدي
بالرب سبحانه وتعالى في تيسير الأمور المجملّة

Maksudnya:

Rabbani ialah yang mendidik dengan ilmu yang mudah-mudah sebelum mendidik dengan sesuatu yang lebih susah atau sulit seolah-olah ia mengikut perintah Allah dalam memudahkan segala perkara. (*Ahkam al-Quran*)

3. Al-Tabarsi berkata:

كونوا ربانيين وفيه أقوال: (١) كونوا علماء فقهاء. (٢) علماء حكما. (٣)
كونوا حكماء أتقياء. (٤) كونوا مدبر أمر الناس في الولاية بالإصلاح. (٥)
كونوا معلمين للناس من علمكم.

Maksudnya:

Terdapat lima perkara mengenai pengertian *Rabbaniyyin*, iaitu para ahli dalam bidang hukum agama (*fuqaha'*), ahli agama sekaligus ahli hikmah, ahli hikmah yang bertaqwa kepada Allah, orang yang banyak memikirkan kemaslahatan masyarakat dan orang yang mengajar masyarakat. (*Majma' al-Bayan fi al-Quran*).

4. Imam al-Baghawi berkata:

الربانيون الذين جمعوا مع العلم البصائر بسياسة الناس.

Maksudnya:

Rabbani adalah mereka yang dapat mengadunkan ilmu yang dimiliki dengan realiti kehidupan manusia. (*Ma'alim al-Tanzil*).

5. Imam al-Qurtubi berkata:

والربانيّ الذي يجمع إلى العلم البصر بالسياسة.

Maksudnya:

Rabbani ialah orang yang mampu menghimpunkan bersama ilmu yang dimilikinya dan kemampuan untuk memahami siasah semasa. (*Al-Jami' al-Ahkam fi al-Quran*).

6. Imam Ibn Kathir berkata:

كونوا ربانيين: أي حكماء، علماء، حلماء، فقهاء، أهل عبادة، وأهل
تقوى

Maksudnya:

Rabbani ialah orang yang bijaksana, alim, penyantun, faqih, 'abid dan bertaqwa. (*Tafsir al-Quran al-'Azim*).

7. Imam al-Zamakhshari berkata:

وعن الحسن العلماء ربانيين. وقيل علماء معلمين. وتعلمون من التعلم
تدرسون تقروءن. وتدرسون من التدرّس

Maksudnya:

Rabbani ialah seorang yang faqih, yang membina ilmunya daripada kajian yang dilakukan. (*Tafsir Al-Kasyyaf*).

8. Syed Qutb berkata:

كونوا ربانيين؛ منتسبين إلى الرب، عبادا له وعبيدا، توجهوا إليه وحده
بالعبادة، وخذوا عنه وحده منهج حياتكم.

Maksudnya:

Rabbani diertikan dengan menyakini kita sebagai hamba-Nya, Allah itu sebagai Rabb. Ini berasaskan kepada apa yang telah dipelajari dalam al-Quran dan menjadikannya sebagai manhaj kehidupan (*Fi Zilal al-Quran*).

9. Sa'id Hawwa berkata:

وهو الشديد التمسك بدين الله، العلماء، والفقهاء، والحلماء. كونوا
ربانيين بسب كونكم معلمين دارسين

Maksudnya:

Rabbani ialah orang yang berpegang teguh dengan agama Allah, seorang yang alim lagi bijaksana, bersikap penyantun, serta bersungguh-sungguh dalam melakukan ketaatan kepada Allah. Ianya lahir daripada ilmu yang dimiliki dan mengajarkannya kepada orang lain. (*Al-Asas fi al-Tafsir*).

10. HAMKA berkata:

“Orang yang rabbani, selama hidupnya belajar dan mengajar, mengajar dan belajar, sampai dia tahu rahsia mengapa dia diperintahkan.” (*Tafsir Al-Azhar*)

10. M. Quraish Shihab berkata:

“Terus menerus membahas dan mempelajari kitab suci kerana firman Allah sangat luas kandungan maknanya sehingga semakin digali semakin banyak yang dapat diperoleh. Walaupun alam raya ciptaan-Nya tidak berubah namun rahsia Al-Quran tidak pernah berhenti, dari saat ke saat ditemui ilmu baru yang belum ditemui sebelum ini.” (*Tafsir Al-Misbah*)

RASIONAL DASAR

1. Perkembangan pendidikan di Kelantan adalah hasil pengorbanan para ulama dan dokongan istana dalam mengubah masyarakat di negeri ini kepada cara hidup Islam sebenar.
2. Sistem pengajian pondok yang menjadi institusi awal dalam pendidikan berorientasikan keperluan masyarakat, bersumberkan wakaf dan zakat sehingga menaikkan nama Kelantan dikenali sekitar nusantara dan dunia Islam.
3. Sejarah, tradisi kebudayaan dan khazanah Kelantan dalam aspek pendidikan, dipercayai cukup berupaya dan meyakinkan untuk memandu penentuan hala tuju pendidikan Negara pada masa depan. Persekitaran ini hanya dapat dilakukan dengan kepemimpinan politik yang menjanjikan komitmen tinggi terhadap agama Islam.
4. Kejayaan negeri Kelantan sebagai hub pendidikan Islam setakat ini menunjukkan potensi tersebut sangat besar. Ia seharusnya lebih dinamik pada masa depan. Kelantan mesti merubah paradigma pendidikan kepada pendidikan beracuan Islam sepenuhnya bagi meningkatkan pencapaian orang-orang Islam sendiri. Kelantan seharusnya menjadi faktor penyokong kepada satu gagasan pendidikan baru yang lebih kontemporari.

Dengan gagasan baru yang dipertegaskan seperti di atas untuk penerusan dan kelangsungan hubungan dengan akhirat, Kelantan mengambil **Pendidikan Rabbani sebagai dasar utama.**

FALSAFAH, VISI DAN MISI DASAR PENDIDIKAN RABBANI

FALSAFAH

SATU USAHA BERTERUSAN BERMATLAMATKAN ALLAH MENERUSI PELAKSANAAN PENDIDIKAN SECARA HOLISTIK DAN SEIMBANG. INI BERTUJUAN UNTUK MEMBENTUK KEMENJADIAN INSAN MULIA YANG BERKEMAHIRAN TINGGI DAN REALISTIK SERTA MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN DAN PENGISLAHAN MASYARAKAT, NEGARA DAN UMMAH. KESEMUA USAHA INI DEMI MENCAPAI KESEJAHTERAAN DUNIA DAN AKHIRAT.

VISI

PENERAJU PENDIDIKAN KE ARAH PEMBENTUKKAN MASYARAKAT RABBANI.

MISI

MEMBANGUNKAN MASYARAKAT MELALUI SISTEM PENDIDIKAN YANG HOLISTIK KE ARAH KEMENJADIAN INSAN MULIA YANG FAQIH, REALISTIK DAN BERTANGGUNGJAWAB.

MATLAMAT PENDIDIKAN RABBANI KELANTAN

1. Mewujudkan acuan ilmu berdasarkan wahyu sebagai teras pengetahuan.
2. Penyemaian dan pembinaan elemen ketuhanan dalam proses pendidikan.
3. Pembangunan kurikulum yang bersifat holistik dan futuristik.
4. Latihan berterusan untuk peningkatan profesionalisme pendidik.
5. Perkongsian pintar secara sistematik antara institusi pendidikan.
6. Mewujudkan persekitaran pembelajaran kondusif secara teori dan amali.
7. Penerapan kemahiran kritis, kreatif dan inovatif dalam pembelajaran dan pemudahcaraan.

9 NILAI TERAS RABBANI

BERIMAN

BERILMU

BERTAQWA

BERAMAL

ISTIQAMAH


PRIHATIN

TANGGUNGJAWAB

TELADAN

BIJAKSANA

LOGO PENDIDIKAN RABBANI



PRINSIP PENDIDIKAN RABBANI



PRINSIP 1

ILMU BERMATLAMATKAN ALLAH

ILMU YANG DITUNTUT ADALAH BERTERASKAN
DAN TERARAH KEPADA ALLAH SWT

AMALAN TERBAIK

- 1. Ilmu adalah milik Allah.**
- 2. Ilmu bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah.**
- 3. Ikhlas berilmu kerana Allah.**
- 4. Bermatlamatkan akhirat.**

HASIL PELAKSANAAN

- 1. Pengakuan bahawa ilmu adalah kurniaan Allah Taala.**
- 2. Memperakui sumber asal ilmu adalah bertunjangkan al-Quran dan al-Sunnah.**
- 3. Ikhlas dalam proses pencarian ilmu.**
- 4. Matlamat pencarian ilmu untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.**

RUJUKAN AMALAN TERBAIK

1.1 ILMU ADALAH MILIK ALLAH SWT

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

وَدَسَّعُوكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٧٥﴾

Maksudnya:

Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: “Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja.” (Surah al-Isra’, 17: 85).

2. Firman Allah SWT:

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَٰؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣١﴾

Maksudnya:

Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Ia berfirman: “Terangkanlah kepada-Ku nama benda-benda ini semuanya, jika kamu golongan yang benar.” (Surah al-Baqarah, 2: 31).

3. Firman Allah SWT:

قُلْ لَوْ كَانَ الْبَحْرُ مِدَادًا لِكَلِمَاتِ رَبِّي لَنَفِدَ الْبَحْرُ قَبْلَ أَنْ تَنْفَدَ كَلِمَاتُ رَبِّي وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهِ مَدَدًا ﴿١٨﴾

Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad): “Kalaulah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis Kalimah-kalimah Tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis Kalimah-kalimah Tuhanku, walaupun Kami tambah lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan.” (Surah al-Kahfi, 18: 109).

B. MAKSUD

Semua ilmu yang dimiliki manusia adalah bersumberkan daripada Allah.

C. HURAIAN

Allah menciptakan manusia sebagai makhluk yang berakal, justeru perlu dimanfaatkan bagi tujuan memperoleh ilmu. Allah adalah pemilik mutlak segala bentuk ilmu dan Dia akan menganugerahkan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Kisah Nabi Musa AS dan Nabi Khidir AS

Nabi Musa AS pernah terlintas dalam fikirannya bahawa beliau mempunyai kelebihan dan kemuliaan yang tinggi dengan mukjizat serta pengetahuan yang dimilikinya. Hal ini telah mendapat teguran daripada Allah SWT yang mengingatkan baginda bahawa keluasan ilmu adalah tidak terbatas dan lebih luas untuk dimiliki oleh seseorang walaupun dia adalah seorang Rasul. Lalu Allah memerintahkan Nabi Musa AS berjumpa dengan seorang hamba yang soleh bagi menambah ilmu dan pengetahuan Nabi Musa AS. Hamba tersebut adalah Nabi Khidir AS.

Ketika berjalan bersama Nabi Musa AS, Nabi Khidir AS telah melakukan tiga perkara yang menyebabkan Nabi Musa hilang sabar dan bertanya mengenainya sedangkan baginda sudah berjanji untuk tidak bertanyakan apa-apa. Nabi Musa AS tidak mengetahui bahawa setiap perbuatan yang dilakukan oleh Nabi Khidir a.s. adalah dalam pengetahuan-Nya. Dalam perjalanan mereka, Nabi Khidir AS telah melakukan beberapa perkara yang luar biasa iaitu; menebuk perahu seorang nelayan yang membantu mereka kerana tidak mahu perahu tersebut dirampas oleh pemerintah yang zalim; membunuh seorang kanak-kanak (yang dalam pengetahuannya) apabila dewasa kelak akan derhaka kepada kedua orang tuanya dan telah membina semula tembok yang hampir roboh di sebuah perkampungan yang penduduknya bakhil kerana dibawahnya terdapat harta anak-anak yatim. Kisah ini menjelaskan bahawa seluas apa pun ilmu yang

dimiliki, pasti akan ada orang lain yang lebih pandai dan alim daripadanya. Firman Allah SWT:

﴿٧٦﴾ نَرْفَعُ دَرَجَاتٍ مِّنْ نَّشَأٍ ۗ وَفَوْقَ كُلِّ ذِي عِلْمٍ عَلِيمٌ

Maksudnya:

... Kami tinggikan pangkat kedudukan sesiapa yang Kami kehendaki, dan tiap-tiap orang yang berilmu pengetahuan, ada lagi di atasnya yang lebih mengetahui. (Surah Yusuf, 12: 76).

E. CADANGAN

- i. Kempen “Ilmu Kita Milik Allah” dalam amalan tarbiyah secara berterusan.
- ii. Mewujudkan Galeri Ilmu yang meliputi kepelbagaian disiplin.
- iii. Menghubungkan ilmu sains teknologi hari ini dengan pemilikan Allah.

1.2 ILMU BERSUMBERKAN AL-QUR'AN DAN AL-SUNNAH

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

﴿٧٤﴾ وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ إِلَّا لِتُبَيِّنَ لَهُمُ الَّذِي اخْتَلَفُوا فِيهِ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

Maksudnya:

Dan tiadalah Kami menurunkan al-Quran kepadamu (wahai Muhammad SAW) melainkan supaya engkau menerangkan kepada mereka akan apa yang mereka berselisihan padanya; dan supaya menjadi petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman.” (Surah al-Nahl, 16: 64)

2. Firman Allah SWT:

﴿٧١﴾ كَتَبْنَا إِلَيْكَ مَبْرُوكًا لِّدَّبَّرُوا آيَاتِهِ ۗ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya:

(Al-Quran ini) sebuah kitab yang kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad SAW), kitab yang banyak faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat dan mengambil iktibar.” (Surah Sad, 38: 29).

3. Firman Allah SWT:

وَأَذْكُرَنَّ مَا يُتْلَىٰ فِي بُيُوتِكُنَّ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ وَالْحِكْمَةِ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ لَطِيفًا خَبِيرًا ﴿٣٤﴾

Maksudnya:

Dan ingatlah (serta amalkanlah) apa yang dibaca di rumah kamu dari ayat-ayat Allah (al-Quran) dan kisah pengetahuan (hadis-hadis Rasulullah SAW). Sesungguhnya Allah SWT Maha Halus tadbir-Nya, lagi Maha Mendalam pengetahuan-Nya. (Surah al-Ahzab, 33: 34).

4. Daripada Malik ibn Anas RA:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا إِنِ تَمَسَّكْتُمَا بِهِمَا: كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya:

Telah kutinggalkan kepada kalian dua perkara yang mana tidak akan sesat jika kalian berpegang dengannya iaitu Kitab Allah SWT (al-Quran) dan al-Sunnah. (Riwayat Malik, al-Muwatta', Kitab al-Qadr, 3/899).

5. Imam Syafi'i berkata:

العلم قال الله وقال الرسول، وما سواهما وسواس الشيطان

Maksudnya:

Ilmu itu firman Allah dan sabda Rasul-Nya, dan apa yang selain daripada keduanya adalah gangguan syaitan.

B. MAKSUD

Semua ilmu adalah bertunjangkan kepada wahyu.

C. HURAIAN

Al-Quran dan Hadis mengandungi semua prinsip ilmu yang memandu manusia mengatur, mentadbir dan mengurus kehidupan di dunia kerana ia adalah sumber ilmu yang sempurna dan hakiki.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Kisah Burung Gagak

Setelah berlakunya pergaduhan di antara dua putera Nabi Adam AS iaitu Habil dan Qabil sehingga Habil terbunuh, Allah SWT telah menghantar seekor burung gagak untuk menggali tanah dan mengebumikan seekor burung gagak yang lain sebagai isyarat panduan kepada Qabil supaya mengebumikan mayat Habil dengan cara yang sama. Kisah ini ada termaktub dalam al-Quran:

فَطَوَّعَتْ لَهُ نَفْسُهُ قَتْلَ أَخِيهِ فَقَتَلَهُ فَأَصْبَحَ مِنَ الْخٰسِرِينَ ﴿٣١﴾
فَبَعَثَ اللَّهُ غُرَابًا يَبْحَثُ فِي الْأَرْضِ لِيُرِيَهُ كَيْفَ يُورِي سَوْءَةَ أَخِيهِ
قَالَ يَنْوِيْلَتِي أَعْجَزْتُ أَنْ أَكُونَ مِثْلَ هَذَا الْغُرَابِ فَأُوْرِي سَوْءَةَ أَخِي
فَأَصْبَحَ مِنَ النَّٰدِمِينَ ﴿٣٢﴾

Maksudnya:

Maka nafsu jahat (Qabil) mendorongnya (sehingga tergamak) membunuh saudaranya, lalu ia membunuhnya. Oleh itu menjadilah dia dari orang-orang yang rugi. Kemudian Allah hantarkan seekor burung gagak (menyuruhnya) mengorek-ngorek di bumi supaya diperlihatkan kepada (Qabil) bagaimana cara menimbus mayat saudaranya. (Qabil) berkata: "Wahai celakanya aku! Alangkah lemah serta bodohnya aku, aku tidak tahu berbuat seperti burung gagak ini, supaya aku dapat menimbuskan mayat saudaraku?". Kerana itu menjadilah ia dari golongan orang yang menyesal. (Surah al-Ma'idah, 5: 30-31).

E. CADANGAN

- i. Membudayakan pelajar dan guru supaya sentiasa merujuk kepada sumber asal ilmu dalam usaha memperoleh ilmu.
- ii. Pembinaan persekitaran sekolah yang kondusif bermodelkan al-Quran dan al-Sunnah.

1.3 IKHLAS BERILMU KERANA ALLAH

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

قُلْ أَتَحَاجُّونَنَا فِي اللَّهِ وَهُوَ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ وَلَنَا أَعْمَلُنَا وَلَكُمْ
أَعْمَلُكُمْ وَنَحْنُ لَهُ مُخْلِصُونَ ﴿١٣٩﴾

Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad SAW): “Patutkah kamu membuat bantahan dengan kami tentang Allah? Padahal Dialah Tuhan kami dan Tuhan kamu. Bagi kami amal kami dan bagi kamu pula amal kamu (kalau diikhlasikan), dan kami adalah (mengerjakan amal dengan) ikhlas kepada-Nya.” (Surah al-Baqarah, 2: 139).

2. Firman Allah SWT:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ
وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ ﴿٥﴾

Maksudnya:

Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlasikan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah Agama yang benar. (Surah al-Bayyinah, 98: 5).

3. Daripada ‘Umar al-Khattab RA:

إنما الأعمال بالنيات، وإنما لكل امرئ ما نوى

Maksudnya:

Setiap amalan bergantung kepada niatnya dan setiap orang hanya mendapatkan sesuai dengan niatnya. (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab Bad' al-Wahyu, Bab Kayf Kana Bad' al-Wahyu ila Rasul Allah SAW, no. 1).

4. Daripada Sahl ibn 'Abd Allah al-Tustari:

الناس كُلُّهُمْ مَوْتَى إِلَّا الْعُلَمَاءَ، وَالْعُلَمَاءَ سَكَّرَى إِلَّا الْعَامِلِينَ، وَالْعَامِلُونَ
كُلُّهُمْ مَغْرُورُونَ إِلَّا الْمُخْلِصِينَ، وَالْمُخْلِصِينَ عَلَى وَجَلٍ حَتَّى يَدْرِي مَاذَا
يَخْتَمُ لَهُ بِهِ

Maksudnya:

Semua manusia akan binasa melainkan ulama dan ulama pula berada dalam keadaan kekhayalan melainkan yang beramal. Mereka yang beramal semuanya dalam keadaan tertipu melainkan yang ikhlas dan semua yang ikhlas berada dalam keadaan kebimbangan sehinggalah diketahui kesudahan kehidupannya. (al-Ghazali, *Ihya' 'Ulum al-Din*, Kitab al-'Ilm, Bab 6, Af'at al-'Ilm, hlm. 85-86).

5. Hasan al-Basri berkata:

ولولا العلماء لكان الناس كالبهائم

Maksudnya:

Seandainya bukan kerana ilmu, maka manusia itu seperti haiwan ternakan. (*Adab al-Hasan al-Basri wa Zuhduhu wa Mawa'zuhu*, Bayrut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, hlm. 66).

6. Syeikh Tahir Jalaluddin bermadah:

*Gunanya Cuma ilmu dipuja
Kerana hendak belajar bekerja
Mencari wang membuat belanja
Makan dan pakai itulah sahaja*

*Siapa Beriktikad demikian ini
Ia menghinakan ilmu Rabbani
Menghinakan kejadian bangsa insani
Menyamakan manusia seperti haiwani*

B. MAKSUD

Niat dalam menuntut ilmu hanyalah ikhlas kerana Allah.

C. HURAIAN

Semua usaha dalam proses pencarian ilmu adalah didorong oleh ketulusan hati kepada Allah bagi memperoleh manfaat di dunia dan akhirat. Keikhlasan mendorong seseorang memberikan komitmen dalam pencarian ilmu.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Pengorbanan Guru Pondok

Guru-guru di sekolah pondok adalah model terbaik untuk dicontohi sebagai suatu usaha menuntut dan menyebarkan ilmu dengan niat ikhlas semata-mata kerana Allah. Kebanyakan daripada sekolah pondok terutamanya pondok tradisional tidak mempunyai sumber kewangan yang tetap, sebaliknya pengurusan mereka bergantung kepada derma daripada orang ramai, yuran pelajar, sumbangan wakaf dan sedekah. Guru-guru yang mengajar di sekolah pondok mengetahui akan hal ini dan mereka tetap berkorban masa dan tenaga untuk mengajar para pelajar mereka meskipun secara percuma tanpa meminta sebarang ganjaran. Suatu ketika dahulu, guru-guru di sekolah pondok hanya mendapat khidmat tenaga daripada muridnya yang membantu mereka mengerjakan tanah sawah, kerja-kerja pertukangan atau kerja-kerja kebajikan yang lain. Namun semua ini tidak melunturkan semangat mereka untuk terus mengajar para pelajar di pondok kerana matlamat mereka hanya satu, iaitu adalah untuk menyampaikan ilmu dan menyebarkan dakwah Islam seluasnya melalui para pelajar mereka.

Model kedua aplikasi model pembelajaran Bandura iaitu satu model pembelajaran yang berasaskan peniruan kepada individu yang boleh mempengaruhi.

E. CADANGAN:

- i. Kesanggupan untuk bekerja dan dan menyumbang di luar waktu kerja.
- ii. Mewujudkan kesedaran minda keberdikarian dan keusahawanan dalam kalangan pelajar dan alumni.

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ إِلَهٌُ وَاحِدٌ ۚ فَمَن كَانَ
يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ ۚ
أَحَدًا ﴿١١﴾

Maksudnya:

Maka sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh, dan janganlah ia mempersekutukan sesiapaupun dalam ibadatnya kepada Tuhannya. (Surah al-Kahfi, 18:110).

2. Firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ
وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢﴾

Maksudnya:

Dialah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan Keesaan Allah dan Kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (dari i'tiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad SAW) itu adalah dalam kesesatan yang nyata. (Surah al-Jumu'ah, 62: 2).

3. Imam al-Shafi'i berkata:

من أراد الدنيا فعليه بالعلم، ومن أراد الآخرة فعليه بالعلم، ومن أرادهما
معاً فعليه بالعلم

Maksudnya:

Barangsiapa yang menginginkan dunia maka hendaklah dengan ilmu, barangsiapa yang menginginkan akhirat, maka hendaklah dengan ilmu, barangsiapa yang menginginkan keduanya, maka hendaklah dengan ilmu. (al-Nawawi, Muqaddimah, Bab Naba Imam al-Syafie, Fasl Nawadir min Hikam al-Shafi'i, hlm. 31).

4. Daripada Anas ibn Malik RA:

مَنْ كَانَتْ الْآخِرَةُ هَمَّهُ جَعَلَ اللَّهُ غِنَاهُ فِي قَلْبِهِ وَجَمَعَ لَهُ شَمْلَهُ، وَأَتَتْهُ الدُّنْيَا وَهِيَ رَاغِمَةٌ، وَمَنْ كَانَتْ الدُّنْيَا هَمَّهُ جَعَلَ اللَّهُ فَقْرَهُ بَيْنَ عَيْنَيْهِ، وَفَرَّقَ عَلَيْهِ شَمْلَهُ، وَلَمْ يَأْتِهِ مِنَ الدُّنْيَا إِلَّا مَا قُدِّرَ لَهُ

Maksudnya:

Barangsiapa yang kehidupan akhirat menjadi tumpuannya maka Allah akan memberi rasa cukup dalam hatinya, menyatukan urusannya yang berserakan dan dunia datang kepadanya tanpa dia cari, dan barangsiapa yang keinginannya hanya untuk kehidupan dunia maka Allah akan jadikan kemiskinan selalu membayangi di antara kedua matanya, menceraikan beraiakan urusannya dan dunia tidak akan datang kepadanya kecuali sekadar apa yang telah ditentukan baginya (al-Tirmidhi, Kitab al-Ru'ya, Bab 40).

5. Raja Ali Haji bermadah:

Barang siapa tiada memegang agama,
sekali-kali tiada boleh dibilangkan nama.

Barang siapa mengenal yang empat,
maka ia itulah orang yang makrifat.

Barang siapa mengenal Allah,
suruh dan tegahnya tiada ia menyalah.

Barang siapa mengenal diri,
maka telah mengenal akan Tuhan yang bahri.

Barang siapa mengenal dunia,
tahulah ia barang yang teperdaya.

Barang siapa mengenal akhirat,
tahulah ia dunia mudarat.

(Gurindam 12, Fasal 1)

6. Al-Attas berkata:

Ilmu dalam dunia pendidikan bukan hanya berperanan sebagai suatu prinsip sahaja, bahkan turut memainkan peranan yang sangat penting bagi mencapai tujuan-tujuan spiritual manusia (*The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*).

B. MAKSUD

Ilmu menjadi jambatan menuju akhirat.

C. HURAIAN

Menuntut ilmu tidak terhenti untuk memenuhi tujuan di dunia semata-mata tetapi menjangkau matlamat sehingga ke akhirat.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Pengajaran dari Kisah Isra' dan Mikraj

Ketika berlakunya peristiwa Isra' dan Mikraj, Baginda Nabi SAW telah diperlihatkan tentang suasana syurga dan neraka sebagai pembalasan amalan kehidupan mereka semasa hidup di dunia.

E. CADANGAN

- i. Pendokumentasian bahan berkaitan alam akhirat dalam pebagai bentuk visual berdasarkan al-Quran, Sunnah dan Kisah Sirah Rasulullah.
- ii. Memasukkan komponen pentaksiran pelajar satu elemen berkaitan dengan ukhrawi sesuai dengan aras perkembangan pelajar.

PRINSIP 2

KEUTAMAAN ILMU DAN KEFAQIHAN

PENDIDIKAN YANG MENJURUSKAN KE ARAH MELAHIRKAN INDIVIDU
YANG MEMAHAMI TINGKATAN ILMU DAN MENCAPAI TAHAP KEPAKARAN
DALAM BIDANGNYA

AMALAN TERBAIK

- 1 Keutamaan ilmu fardu ain
- 2 Pengajian mengikut turutan ilmu
- 3 Pembangunan individu faqih
- 4 Pengintegrasian ilmu aqli dan naqli

HASIL PELAKSANAAN

- Penguasaan ilmu fardu ain dengan sempurna 1
- Pemerolehan ilmu mengikut susunan keutamaan 2
- Kefaqihan dalam setiap bidang yang diceburi 3
- Pengintegrasian ilmu dalam diri dan masyarakat 4

RUJUKAN AMALAN TERBAIK

2.1

KEUTAMAAN ILMU FARDU 'AIN

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١١٢﴾

Maksudnya:

Katakanlah, “Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.” (Surah al-An‘am, 6: 162).

2. Firman Allah SWT:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ
تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١٠﴾

Maksudnya:

Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa Melihat segala yang kamu kerjakan. (Surah al-Baqarah, 2: 110).

3. Firman Allah SWT:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ
مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa. (Surah al-Baqarah, 2: 183).

4. Firman Allah SWT:

...وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً ﴿٤﴾

Maksudnya:

... dan bacalah al-Quran itu dengan perlahan-lahan. (Surah al-Muzzammil, 73: 4).

5. Daripada ‘Abdullah ibn ‘Umar RA:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ
وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَصَوْمِ رَمَضَانَ وَحَجِّ الْبَيْتِ لِمَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ
سَبِيلًا

Maksudnya:

Dibina Islam itu atas lima perkara; penyaksian bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah SWT, Nabi Muhammad SAW adalah pesuruh Allah SWT, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan menunaikan fardu haji bagi sesiapa yang mampu melakukannya. (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab Iman, Bab Du'a'ukum Imanukum).

B. MAKSUD

Pembentukan individu muslim perlu bertitik tolak daripada kefahaman, amalan dan penghayatan yang jitu terhadap kewajipan fardu ain.

C. HURAIAN

Ilmu fardu ain adalah satu kewajipan terhadap setiap individu Muslim. Ini bertujuan memastikan mereka mampu melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna terhadap Allah SWT, keluarga, masyarakat dan negara.

D. Model Amalan Terbaik

Model Penghayatan Solat al-Ghazali

Model Penghayatan Solat al-Ghazali adalah contoh terbaik bagi menjelaskan tentang keutamaan ilmu fardu ain dalam kehidupan. Imam al-Ghazali dalam *Ihya' 'Ulum al-Din* telah menggariskan enam cara secara berperingkat bagi mencapai kekusyukan dalam solat. Iaitu:

- i. *Hudur al-Qalb* (Hadirkan Hati). Iaitu memisahkan diri dan membuang semua perkara duniawi yang tidak berkaitan dengan solat dan tidak ada hubungan dengan Allah SWT.
- ii. *Tafahhum* (Memahami). Iaitu berusaha untuk memahami segala makna bacaan dan doa yang dilafazkan dalam solat.
- iii. *Al-Ta'zim* (Meagungkan Allah SWT). Berusaha untuk menghadirkan perasaan kerdil dan hina di hadapan Allah SWT ketika hendak memulakan solat iaitu ketika mengangkat takbir.
- iv. *Al-Haybah* (Merasa gerun kepada Allah SWT). Menghadirkan rasa takut dan gerun kepada Allah SWT dengan membayangkan azab di dalam kubur, Padang Mahsyar, gambaran neraka dan seumpamanya.
- v. *Al-Raja'* (Berharap kepada Allah SWT). Iaitu sentiasa menaruh harapan agar solat dan setiap amalan akan diterima oleh Allah SWT dan dapat membantu kita di akhirat kelak.
- vi. *Al-Haya'* (Malu). Menghadirkan rasa malu kepada Allah SWT atas kekurangan dan kelemahan diri agar tidak lalai dan sentiasa bersyukur sebagai seorang Hamba kepada Allah SWT.

E. CADANGAN

- i. Mewujudkan perkongsian pintar dalam pelaksanaan kurikulum dengan memberikan penumpuan kepada aspek pemahaman, amalan dan penghayatan terhadap fardu ain.
- ii. Memasukkan aktiviti fardu ain dalam kalendar sekolah seperti Bulan Sembahyang, Minggu Zakat dan Bulan Haji.

A. SUMBER

Firman Allah SWT:

إِنَّا أَنْزَلْنَا التَّوْرَةَ فِيهَا هُدًى وَنُورٌ تَحْكُمُ بِهَا النَّبِيُّونَ الَّذِينَ
 أَسْلَمُوا لِلَّذِينَ هَادُوا وَالرَّبَّانِيُّونَ وَالْأَحْبَارُ بِمَا اسْتُحْفِظُوا مِنْ كِتَابِ
 اللَّهِ وَكَانُوا عَلَيْهِ شُهَدَاءَ فَلَا تَخْشَوُا النَّاسَ وَاخْشَوْنَ اللَّهَ وَلَا تَشْتَرُوا
 بِعَائِيَّتِي ثَمَنًا قَلِيلًا وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ
 الْكَافِرُونَ

Maksud:

Sesungguhnya Kami telah menurunkan Kitab Tawrat, yang mengandungi petunjuk dan cahaya yang menerangi; dengan kitab itu nabi-nabi yang menyerah diri (kepada Allah SWT) menetapkan hukum bagi orang-orang Yahudi, dan (dengannya juga) ulama dan pendita-penditanya (menjalankan hukum Allah), sebab mereka diamanahkan memelihara dan menjalankan hukum-hukum dari Kitab Allah SWT (Tawrat) itu, dan mereka pula adalah menjadi penjaga dan pengawasnya (dari sebarang perubahan). Oleh itu janganlah kamu takut kepada manusia tetapi hendaklah kamu takut kepadaKu (dengan menjaga diri dari melakukan maksiat dan patuh akan perintahKu; dan janganlah kamu menjual (membelakangkan) ayat-ayatKu dengan harga yang sedikit (kerana mendapat rasuah, pangkat dan lain-lain keuntungan dunia); dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah SWT (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang kafir. (Surah al-Ma'idah, 5: 44).

رباني عبارة عن الذي يُرَبِّي الناس بصغار العلم قبل كباره، وكأنه يقتدي
بالرب سبحانه وتعالى في تيسير الأمور المجملّة

Maksudnya:

Rabbani ialah yang mendidik dengan ilmu yang mudah-mudah sebelum mendidik dengan sesuatu yang lebih susah atau sulit seolah-olah ia mengikut perintah Allah dalam memudahkan segala perkara. (Ibn al-'Arabi, *Ahkam al-Quran*)

B. MAKSUD

Mempelajari setiap ilmu berdasarkan keutamaan dan susunan yang betul bagi memastikan keluhuran semua disiplin ilmu diikuti.

C. HURAIAN

Memastikan setiap ilmu yang dipelajari secara tertib bermula daripada peringkat asas, sederhana dan sehingga ke peringkat yang paling tinggi. Ini bagi memastikan setiap disiplin ilmu itu dipelajari secara tersusun, kemas dan mantap.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Kebanyakan daripada ulama silam mempelajari ilmu daripada guru-guru mereka secara berperingkat menurut keutamaan tingkatan ilmu. Bermula daripada Ilmu Adab, Akidah, Akhlak, Syariat dan lain-lain.

E. CADANGAN

- i. Menyemak semula pelaksanaan kurikulum dengan penumpuan diberikan kepada penyusunan ilmu berdasarkan keutamaan.
- ii. Menstruktur pembelajaran dengan memastikan setiap aktiviti PdPc dilaksanakan secara teratur berdasarkan turutan ilmu menerusi bimbingan guru.

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٩﴾

Maksud:

... katakanlah, “Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui?”. Sesungguhnya orang yang dapat mengambil peringatan hanyalah orang yang berakal sempurna. (Surah al-Zumar, 39: 9).

2. Daripada Ibnu Abbas RA, dikatakan Nabi SAW bersabda:

مَا مِنْ مُؤْمِنٍ ذَكَرٍ أَوْ أَنْثَى، حُرٍّ أَوْ مَمْلُوكٍ، إِلَّا وَلِلَّهِ عَلَيْهِ حَقٌّ وَاجِبٌ أَنْ يَتَعَلَّمَ مِنَ الْقُرْآنِ وَيَتَفَقَّهَ فِي دِينِهِ؛ ثُمَّ قَرَأَ هَذِهِ الْآيَةَ: ﴿...﴾ وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّانِيِّينَ بِمَا كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ الْكِتَابَ... ﴿...﴾

Maksudnya:

“Tidaklah seseorang mukmin lelaki atau perempuan itu bebas/merdeka dan tidak juga dia dimiliki/ditawan, melainkan Allah SWT memiliki hak ke atasnya, dgn dia mempelajari al-Quran dan bertafaqquh (mendalami) agamanya (sebagai menunaikan hak Allah). Kemudian, Rasulullah SAW membaca ayat ini: ... ولكن كونوا ربانيين ... (Ali ‘Imran, ayat 79).” (Riwayat Ibn ‘Abbas)

3. Daripada Mu‘awiyah ibn Abu Sufyan:

مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ.

Maksudnya:

Barangsiapa yang Allah kehendaki baginya kebaikan, diberi kefahaman dalam agamanya. (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab Fard al-Khumus).

4. Kata Ulama:

كونوا ربانيين وفيه أقوال: (١) كونوا علماء فقهاء. (٢) علماء حكما. (٣)
كونوا حكماء أتقياء. (٤) كونوا مدبر أمر الناس في الولاية بالإصلاح. (٥)
كونوا معلمين للناس من علمكم.

Maksudnya:

Terdapat lima perkara mengenai pengertian *Rabbaniyyin*, iaitu para ahli dalam bidang hukum agama (*fuqaha'*), ahli agama sekaligus ahli hikmah, ahli hikmah yang bertaqwa kepada Allah, orang yang banyak memikirkan kemaslahatan masyarakat dan orang yang mengajar masyarakat (*al-Tabarsi, Majma' al-Bayan fi al-Quran*).

4. Kata Ulama:

كونوا ربانيين: أي حكماء، علماء، حلماء، فقهاء، أهل عبادة، وأهل
تقوى

Maksudnya:

Rabbani ialah orang yang bijaksana, alim, penyantun, faqih, 'abid dan bertaqwa. (*Ibn Kathir, Tafsir al-Quran al-'Azim*).

B. MAKSUD

Satu proses membangunkan individu yang menguasai ilmu dan kemahiran secara mendalam.

C. HURAIAN

Individu faqih memiliki kefahaman kukuh yang diperlukan dalam sesuatu disiplin ilmu yang akan diceburi di peringkat masing-masing sesuai dengan tuntutan semasa. Pembangunan individu faqih bertujuan untuk melahirkan individu yang mampu berinteraksi dengan permasalahan semasa berdasarkan ilmu dan kemahiran serta berkemampuan untuk menawarkan penyelesaian. Ia juga memberi maksud usaha penggantian individu pakar secara berkesinambungan.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Mempelajari *Fiqh* Imam al-Shafi'i

Model yang terbaik bagi membina pembangunan individu faqih adalah dengan mempelajari pengalaman dan menguasai kefaqihan ilmu Imam al-Shafi'i menerusi pembuktian hasil karangan kitab-kitab beliau seperti:

- i. *Matn Safinat al-Naja* (Bahtera Keselamatan).
- ii. *Matn Abu Syuja'*.
- iii. *Sharh Ibn Qasim 'ala Matn Abu Syuja'*.
- iv. *Al-Tahrir Tanfi' al-Bab li Zakariyya al-Ansari*.
- v. *Tuhfat al-Tullab* (Sayarat Tanfi' al-Bab).
- vi. *Umdat al-Salikin wa 'Uddat al-Nasik*.
- vii. *Minhaj al-Talibin*.
- viii. *Nihayat al-Muhtaj*.

E. CADANGAN

- i. Membudayakan pembelajaran secara *talaqqi* yang meliputi pelbagai disiplin ilmu.
- ii. Menjalankan PdPc berasaskan kepada konsep *discovery learning* (pembelajaran berasaskan penemuan).
- iii. Merangka pelan penggantian kepada guru pakar.

2.4 PENINTEGRASIAN ILMU AQLI DAN NAQLI

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

وَأَبْتَعْ فِي مَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ
الدُّنْيَا

Maksudnya:

Dan tuntutanlah dengan harta yang Allah kurniakan kepadamu akan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah kamu lupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia ... (Surah al-Qasas, 28: 77).

2. Daripada Ibn 'Amr RA:

اعْمَلْ لِدُنْيَاكَ كَأَنَّكَ تَعِيشُ أَبَدًا، وَاَعْمَلْ لِآخِرَتِكَ كَأَنَّكَ تَمُوتُ غَدًا

Maksudnya:

Bekerjalah untuk duniamu, seakan kamu hidup selamanya, dan bekerjalah untuk akhiratmu seakan kamu akan mati keesokannya. (*Kitab Islah al-Masajid min al-Badi' wa al-'Awa'id*: 68)

B. MAKSUD

Pengintegrasian ini meliputi ilmu aqli dan naqli yang menggabungkan aspek wahyu dan ilmu akal bertujuan melahirkan individu yang seimbang secara holistik.

C. HURAIAN

Mengintegrasikan apa yang dikenal sebagai ilmu agama dan ilmu duniawi supaya peribadi yang lahir daripada sistem pendidikan itu bukan sahaja mempunyai kecerdasan mental dan perspektif Islam tetapi juga mempunyai budi pekerti, jiwa yang luhur dan akhlak yang utama.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

i. Model Ismail Faruqi di Universiti Islam

The task of islamizing knowledge (in concrete terms, to islamize the disciplines, or better, to produce university level textbooks recasting some twenty disciplines in accordance with the Islamic vision).

Maksudnya:

Tanggungjawab mengislamkan ilmu pengetahuan, mengislamkan disiplin ilmu atau menghasilkan buku teks peringkat universiti dengan beberapa disiplin ilmu abad ke-20

yang dibentuk semula dan disesuaikan dengan visi Islam. (Ismail Raji al-Faruqi).

ii. **Maahad Integrasi Tahfiz dan Teknologi JAIS**

Maahad Tahfiz Sains Integrasi dan Teknologi di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) adalah bermatlamat untuk:

1. Mendidik pelajar dengan keperibadian Islam.
2. Membekalkan ilmu yang memenuhi tuntutan duaniawi dan ukhrawi.
3. Memperkembangkan potensi pelajar dari segi minat, kreativiti, sahsiah dan kepimpinan.
4. Memberi peluang kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang ilmu.
5. Memberi peluang kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang ilmu dalam negara dan luar negara.

Bagi mencapai misi mereka untuk mendidik dan membentuk generasi al-Quran serta memperjuangkan warisan ilmu untuk mengurus tadbir dunia serta mendapat keredhaan Allah, kurikulum sekolah ini dilaksanakan dengan dua aliran iaitu Aliran Tahfiz dan Aliran Turath. Aliran Tahfiz dilaksanakan dengan kadar peratusan pengajian al-Quran sebanyak 50%, akademik 35% serta pengajian agama sebanyak 15%. Manakala bagi Aliran Turath pula, kurikulum yang dilaksanakan ialah dengan menyepadukan pengajian al-Quran sebanyak 50%, akademik 35% dan turath 15%. Ini selaras dengan visi JAIS iaitu bagi membangunkan sebuah pusat warisan ilmu yang melahirkan khalifah yang unggul.

E. **CADANGAN**


- i. Pengintegrasian elemen aqli dan naqli dalam kurikulum.
- ii. Menggabungkan strategi pengajaran di antara pendekatan tradisi (*traditional approach*) dan pendekatan kontemporari (*contemporary approach*).

PRINSIP 3


KEMENJADIAN INSAN MULIA

MENDIDIK INDIVIDU KE ARAH PEMBENTUKAN
PERIBADI BERADAB DAN BERAKHLAK MULIA

AMALAN TERBAIK



HASIL PELAKSANAAN



RUJUKAN AMALAN TERBAIK

3.1 KECINTAAN ILMU PENGETAHUAN

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

قَالَ لَهُ مُوسَىٰ هَلْ أَتَّبِعُكَ عَلَىٰ أَنْ تُعَلِّمَنِي مِمَّا عَلَّمْتَ رُشْدًا ﴿٦٦﴾

Maksudnya:

Nabi Musa berkata kepadanya, “Bolehkah aku mengikutmu, dengan syarat engkau mengajarku dari apa yang telah diajarkan oleh Allah kepadamu, ilmu yang menjadi petunjuk bagiku? (Surah al-Kahfi, 18: 66).

2. Imam al-Nawawi menukilkan daripada Abi Yahya bin Abi Kathir:

لَا يُسْتَطَاعُ الْعِلْمُ بِرَاحَةِ الْجِسْمِ

Maksudnya:

Ilmu tidak mampu diperolehi dengan tubuh yang malas (tidak bersungguh-sungguh) (*Sharh al-Manzum al-Maymiyyah fi al-Adab al-Shar'iyah* 6/14).

3. Firman Allah SWT:

... يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۗ وَاللَّهُ

بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

Maksudnya:

... Allah meninggikan orang yang beriman di antara kamu, dan juga orang yang diberi ilmu pengetahuan akan darjat. Dan Allah Maha Mengetahui tentang apa yang kamu lakukan (Surah al-Mujadalah, 58: 11).

4. Peribahasa Melayu mengatakan:

“Kerana sebutir mutiara, lautan dalam orang salami.”

Maksudnya:

Orang yang berilmu tetap akan dicari tidak kira di mana pun keberadaannya.

5. Sayyidina ‘Ali ibn Abi Talib berkata:

لَيْسَ الْيَتِيمُ الَّذِي قَدْ مَاتَ وَالِدُهُ إِنَّ الْيَتِيمَ يَتِيمُ الْعِلْمِ وَالْأَدَبِ

Maksudnya:

Orang yang yatim itu bukanlah yang kematian ayahnya, akan tetapi orang yang yatim adalah mereka yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan dan adab. (Qasidah ‘Asr al-Islami; Laysa al-Baliyyat fi Ayyamina ‘Ajbān, no. 15497).

B. MAKSUD

Kecintaan seseorang kepada ilmu pengetahuan akan menjadikannya insan yang hidup berpedoman, mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah serta tahu membezakan antara hak dan batil.

C. HURAIAN

Tanpa ilmu pengetahuan, manusia akan terjerumus dalam gaya hidup picisan dan seterusnya tercicir dalam arus pembinaan masyarakat madani. Masyarakat memerlukan golongan berilmu sebagai rujukan yang sangat berharga. Orang yang berilmu akan sentiasa berguna kepada agama serta masyarakat di sekelilingnya selagi mana mereka memanfaatkan ilmu yang dimiliki dengan sebaik mungkin. Kehidupan masa kini perlu berbekalkan ilmu dalam menghadapi cabaran.

D. Model Amalan Terbaik

Zaman Pemerintahan Khalifah Harun al-Rashid

Zaman pemerintahan Khalifah Harun al-Rashid sehingga kini dianggap sebagai zaman keemasan peradaban Islam kerana Kota Baghdad ketika itu telah menjadi pusat perdagangan dan pusat ilmu. Kecintaan Khalifah Harun al-Rashid terhadap ilmu jelas terbukti dengan sumbangan baginda dalam

memajukan bidang pendidikan dan intelektual. Antara sumbangan tersebut termasuklah:

- i. Penubuhan perpustakaan agung yang dinamakan Bayt al-Hikmah dan institusi-institusi pendidikan yang berfungsi sebagai agen penyebaran ilmu serta pusat kegiatan pembukuan dan penterjemahan karya-karya besar dari pelbagai sumber oleh cendekiawan Islam.
- ii. Mengembangkan dan menyusun semula ilmu pengetahuan Islam yang berhubung dengan dasar Islam dan hukum-hakam.
- iii. Pemerintahan Khalifah Harun al-Rashid ini juga turut disebutkan sebagai zaman kegemilangan Kerajaan 'Abbasiyyah kerana baginda bukan sahaja dapat membangunkan kerajaan Islam dengan kemakmuran ekonomi yang teguh, malah berjaya mewujudkan suasana masyarakat yang cinta kepada ilmu pengetahuan.

E. CADANGAN

- i. Menanam kesedaran dalam memanfaatkan kealiman tokoh ilmuan dan para ulama.
- ii. Menjadikan kecintaan terhadap ilmu pengetahuan sebagai satu budaya dalam kehidupan.

3.2

MELAZIMI SURUHAN AGAMA

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ
أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٢٠٠﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang yang berkata, “Tuhan kami ialah Allah”, kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul, akan turunlah kepada mereka malaikat dengan berkata, “Janganlah kamu bimbang (dari berlakunya kejadian yang tidak baik terhadap kamu) dan janganlah kamu berdukacita, dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh

Syurga yang telah dijanjikan kepada kamu.” (Surah Fussilat, 41: 30).

2. Firman Allah SWT:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَنْ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ﴿٤﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٥﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya berjayalah orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya. Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia. Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya dengan menunaikan zakat harta itu. Dan mereka yang menjaga kehormatannya. (Surah al-Mukminun, 23: 1-5).

3. Sa'id Hawwa berkata:

وهو الشديد التمسك بدين الله، العلماء، والفقهاء، والحلماء. كونوا ربانيين بسب كونكم معلمين دارسين

Maksudnya:

Rabbani ialah orang yang berpegang teguh dengan agama Allah, seorang yang alim lagi bijaksana, bersikap penyantun, serta bersungguh-sungguh dalam melakukan ketaatan kepada Allah. Ianya lahir daripada ilmu yang dimiliki dan mengajarkannya kepada orang lain. (*Al-Asas fi al-Tafsir*).

4. Raja Ali Haji bermadah:

Barang siapa mengenal yang tersebut, tahulah ia makna takut.
Barang siapa meninggalkan sembahyang, seperti rumah tiada bertiang.
Barang siapa meninggalkan puasa, tidaklah mendapat dua termasa.
Barang siapa meninggalkan zakat, tiadalah hartanya beroleh berkat.
Barang siapa meninggalkan haji, tiadalah ia menyempurnakan janji.
(*Gurindam 12*, Fasal 2)

B. MAKSUD

Setiap pelajar yang berilmu hendaklah sentiasa patuh dalam melaksanakan perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya. Mereka perlu beristiqamah dalam melaksanakan perintah Allah.

C. HURAIAN

Individu yang berkeperibadian mulia hendaklah istiqamah dalam melaksanakan segala suruhan agama seperti solat, menutup aurat, beradab, menghormati para guru dan sebagainya. Melazimi dalam melakukan suruhan agama juga merupakan metodologi dakwah yang berkesan yakni dengan memberi contoh ikutan dan cerminan masyarakat.

D. Model Amalan Terbaik

Model Pendidikan al-Ghazali

Mengaplikasikan model pendidikan al-Ghazali, model 3P iaitu penekanan kepada aspek keteladanan, pembiasaan dalam menjauhi perkara yang merosakkan dan perawatan jiwa dengan koreksi diri.

Sebagai guru dan pembimbing, al-Ghazali menggariskan agar para guru mendidik dan menyayangi muridnya seperti mana anak sendiri sebagai tauladan kepada mereka. Guru hendaklah ikhlas serta istiqamah terlebih dahulu dalam amalannya sebelum meminta murid supaya istiqamah. Guru juga berperanan dalam menjauhi perkara yang boleh merosakkan peribadi dan memberi nasihat serta larangan kepada murid. Memberi nasihat kepada murid secara sindiran tanpa menjatuhkan air muka mereka adalah salah satu kaedah pencegahan yang efisien terutamanya dalam mendidik mereka supaya melazimi suruhan agama.

E. CADANGAN

- i. Istiqamah dengan amalan wajib dan membiasakan diri dengan amalan sunat.
- ii. Mengadakan program secara berterusan dalam kalangan pelajar seperti berinfak pada setiap Hari Jumaat, berpuasa Sunat, memulakan pembelajaran dengan bacaan doa, al-Fatihah, bacaan al-Quran dan tazkirah.

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ
الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا ﴿٦٣﴾

Maksudnya:

Dan hamba-hamba Allah al-Rahmaan ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan-santun, dan apabila bercakap kepada orang yang jahil, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak diingini. (Surah al-Furqan, 25: 63).

2. Daripada Abu Hurayrah RA:

إِنَّمَا بَعَثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya:

Sesungguhnya aku (Muhammad) diutuskan bagi menyempurnakan akhlak. (Hadith Riwayat Abu Hurairah, no. 305).

3. Daripada Abu Hurayrah RA:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ، وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah SWT (dalam memberi balasan amal) tidak melihat kepada rupa dan harta kalian, akan tetapi Allah SWT melihat kepada hati dan amalan kalian (Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Birr wa al-Sillah wa al-Adab, Bab Tahrim Zulum al-Muslim).

4. Pepatah Arab mengatakan:

الْقُدْوَةُ الْحَسَنَةُ خَيْرٌ مِنَ الْوَصِيَّةِ

Maksudnya:

Menunjukkan contoh yang baik adalah lebih baik daripada memberi perintah. (*Muassas al-Amthal li al-'Alamiyyat; Qism al-Awwal / Amthal al-'Arabiyyah, 37*).

5. Buya Hamka berkata:

Kecantikan yang abadi terletak pada keelokan adab dan ketinggian ilmu seseorang. Bukan terletak pada wajah dan pakaiannya.

6. Pantun Melayu mengatakan:

Pisang emas bawa belayar
Masak sebiji di atas peti
Hutang emas boleh dibayar
Hutang budi dibawa mati

Biarlah orang bertanam buluh
Mari kita bertanam padi
Biarlah orang bertanam musuh
Mari kita menanam budi

B. MAKSUD

Manusia perlu menampilkan keperibadian yang mulia lagi soleh sesuai dengan status penciptaannya sebagai sebaik-baik penciptaan. Ia merangkumi aspek hubungan dengan Allah, hubungan dengan manusia dan hubungan dengan alam sekitar.

C. HURAIAN

Insan yang berkeperibadian mulia adalah cerminan sifat seorang hamba yang soleh dan bertaqwa. Keperibadian tersebut perlu ditampilkan dalam kehidupan seharian seperti berbudi bahasa, bersikap pemaaf, merendah diri, penampilan diri yang menarik, hormat menghormati sesama insan, dinamik dan suka melakukan kebajikan.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Karakter Sultan Muhammad al-Fatih.

Sultan Muhammad al-Fatih ialah sebaik-baik pemimpin yang memimpin sebaik-baik tentera menurut hadis Rasulullah SAW. Personaliti atau karakter beliau yang boleh dijadikan model sebagai teras pendidikan dibahagikan kepada 3 bahagian:

1. Akhlak Islam: Beliau adalah seorang yang soleh, berkeperibadian dan berakhlak mulia serta sentiasa melazimi suruhan Agama dengan taat.
2. Aqidah, Syariat, dan semua ilmu dari al-Quran dan Sunnah: Membina Aqidah yang benar dalam dirinya, pemahaman kepada hukum-hakam Allah SWT dan semua ilmu al-Quran dan Sunnah.
3. Ilmu sosial: Sains Politik, Sains Ketenteraan, Sains Kejuruteraan dan Ilmu-ilmu keduniaan yang lain.

Seorang tokoh Barat menyimpulkan kekesalannya terhadap proses pendidikan dunia hari ini dengan mengatakan;

What universities have forgotten: to develop students into good character, professors and scholars hired not as mentors of value and ideals.

Maksudnya:

Apa yang dilupakan oleh Universiti: membangunkan pelajar yang baik karakter, professor dan ahli akademik pula tidak memberikan nilai dan model yang ideal sebagai mentor (Harry R. Lewis, 2016, *Excellence without a Soul*).

E. CADANGAN

- i. Mewujudkan pendidikan kesedaran berkepentingan peribadi mulia yang diaplikasikan dalam kegiatan kokurikulum dan acara-acara anjuran pihak sekolah.
- ii. Mengadakan aktiviti kepimpinan pelajar yang bermodul ke arah pembentukan warga sekolah yang berkeperibadian mulia menurut acuan Islam.

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

يَتَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya:

Wahai manusia, sesungguhnya kami menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya orang yang termulia di antaramu di sisi Allah adalah orang yang paling bertakwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya. (Surah al-Hujurat, 49: 13).

2. Daripada ‘Abd Allah ibn ‘Umar RA:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَاتٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Maksudnya:

Bahawa Rasulullah bersabda, “Seorang Muslim adalah saudara terhadap Muslim (yang lain), dia tidak boleh menganiaya dan tidak akan dianiaya oleh orang lain. Sesiapa yang melaksanakan hajat saudaranya, maka Allah SWT akan melaksanakan hajatnya. Sesiapa yang melapangkan kesudahan seseorang Muslim, maka Allah SWT akan melapangkan kesukarannya pada hari kiamat. Sesiapa yang menutupi aib seseorang Muslim, maka Allah SWT akan menutup aibnya pada hari kiamat.” (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Muzalim, Bab La Yazlim al-Muslim al-Muslima wa la Yuslimuhu; Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Birr wa al-Sillah wa al-Adab, Bab Tahrim Zulumi).

3. Peribahasa Melayu mengatakan:

“Bagaikan aur dengan tebing
Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.”

Maksudnya:

Sentiasa bersatu hati dan bekerjasama dalam sesuatu amalan atau perkara

B. MAKSUD

Pendidikan di sekolah perlu bersifat holistik yang merangkumi juga nilai hidup bermasyarakat sesuai dengan cara atau gaya (*style*) seorang muslim melalui bermasyarakat akan semangat berkasih sayang dan bekerjasama.

C. HURAIAN

Manusia perlu bersosialisasi dalam melangsungkan kehidupan mereka. Dengan bersosialisasi mengikut lunas-lunas Islam, akan menatijahkan banyak faedah dalam konteks dakwah iaitu melaksanakan amar makruf dan mencegah kemungkaran. Kehidupan bermasyarakat juga akan menjadi wadah ke arah melahirkan masyarakat berkasih sayang, berlumba-lumba untuk melakukan kebajikan, saling bantu dan meneguhkan ukhawah dalam kalangan masyarakat pelajar dengan warga sekolah secara keseluruhannya

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Budaya Bersosial dan Berkoloni Semut dan Lebah

Semut dan lebah adalah diantara haiwan yang disebutkan dan dijadikan sebagai nama surah di dalam al-Quran iaitu Surah al-Nahl (Lebah) dan Surah al-Naml (Semut). Persamaan yang jelas antara kedua-dua haiwan dari kumpulan serangga ini adalah cara hidupnya yang berkoloni atau berkumpul dengan struktur pembahagian kerja yang lengkap dalam kalangan mereka. Dalam koloni semut, setiap pekerjaan yang dilakukan adalah secara bersama-sama bagaikan wujud suatu sistem sosial berstruktur yang kemas dalam pergaulan dan pergerakan mereka. Semut sentiasa bergerak secara berkumpul dan konsisten menghimpun makanan mereka sedikit demi sedikit untuk dibawa pulang dan dikongsi bersama koloni mereka. Inilah yang dikatakan sebagai budaya bersosial semut yang wajar dijadikan sebagai contoh untuk manusia hidup secara bermasyarakat. Caryle P. Haskins,

seorang penyelidik yang juga Presiden Institut Carnegie (1956-1971) di Washington menyatakan:

Setelah 60 tahun mengamati dan mengkaji, saya masih takjub melihat betapa canggihnya perilaku sosial semut. Semut adalah merupakan model yang indah untuk kita aplikasikan dalam mempelajari perilaku haiwan.

Lebah juga merupakan contoh terbaik bagi manusia dalam kehidupan bermasyarakat. Rasulullah SAW pernah menyamakan orang mukmin dengan lebah kerana sifatnya yang sentiasa memberi manfaat dan tidak menimbulkan kemudaratan. Sebagaimana yang diriwayatkan oleh 'Abd Allah ibn 'Amr:

أَنَّه سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ
إِنَّ مَثَلَ الْمُؤْمِنِ لَكَمَثَلِ النَّحْلَةِ أَكَلَتْ طَيِّبًا وَوَضَعَتْ طَيِّبًا وَوَقَعَتْ فَلَمْ
تُكْسِرْ وَلَمْ تَفْسُدْ

Maksudnya:

Sesungguhnya dia ('Abdullah) mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Demi dhat jiwa Muhammad di tangan-Nya, perumpamaan orang Mukmin adalah seperti lebah. Lebah itu memakan makanan yang baik-baik dan mengeluarkan yang baik pula. Tidak jatuh tatkala menghinggapi, dan tidak mematahkan yang dihinggapi. (Hadith Riwayat Imam Ahmad).

Analogi terbaik yang boleh menggambarkan karakter dan keistimewaan lebah ialah tentang sifatnya yang tidak akan merosakkan sedikit pun ranting atau pokok yang dihinggapinya walaupun sekecil-kecil pohon. Lebah sememangnya menghinggapi bunga bagi mendapatkan madu, namun, hal ini bukanlah bererti lebah telah merosakkan bunga tersebut demi kepentingannya. Malah, dengan proses tersebutlah berlaku pula proses pendebungaan yang menyebarkan lagi benih bunga tersebut. Madu pula disimpan di dalam sarangnya yang kemudiannya dimanfaatkan oleh manusia dan haiwan lain.

Ini memberi pengajaran kepada manusia bahawa kehidupan bermasyarakat adalah suatu proses hubungan sosial yang berlaku bukan atas dasar untuk memenuhi kepentingan diri. Hidup bermasyarakat tidak akan dapat dicapai tanpa wujudnya sikap saling membantu, bersatu hati dan keterbukaan dalam pergaulan seharian.

E. CADANGAN

Pihak sekolah mewujudkan jaringan masyarakat (kolaborasi) antara sekolah dan institusi masyarakat termasuklah masjid dan NGO dalam menjalankan aktiviti sosial di luar sekolah bagi menarik penglibatan pelajar.

3.5 KEPRIHATINAN TERHADAP ALAM SEKITAR

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ
بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Maksudnya:

Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan buruk mereka, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat). (Surah al-Rum, 30: 41).

2. Firman Allah SWT:

خَلَقَ السَّمَوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرْوَاهَا وَالْقَىٰ فِي الْأَرْضِ رَوَاسِيًّا أَنْ تَمِيدَ
بِكُمْ وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَنْبَتْنَا فِيهَا مِنْ
كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٍ ﴿٣١﴾

Maksudnya:

la menciptakan langit dengan tidak bertiang sebagaimana yang kamu melihatnya; dan la mengadakan di bumi gunung-ganang yang menetapkannya supaya bumi itu tidak menghayun-hayunkan kamu; dan la biakkan padanya berbagai jenis binatang. Dan Kami menurunkan hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan di bumi berbagai jenis tanaman yang memberi banyak manfaat. (Surah Luqman, 31:10).

B. MAKSUD

Manusia perlu mempunyai sikap kepekaan terhadap alam ciptaan Tuhan yang mengandungi pelbagai kemudahan untuk manusia menjalani kehidupan di atas muka bumi.

C. HURAIAN

Alam sekitar yang tercemar dengan pelbagai isu seperti tanah runtuh, banjir kilat, sungai yang kotor, persekitaran udara yang tercemar dengan bahan toksid dan sebagainya adalah kesan dari tindakan manusia yang tidak prihatin terhadap alam sekitar itu sendiri. Alam sekitar yang diduduki manusia seharusnya memiliki keindahan flora dan fauna. Namun ianya telah semakin terhakis akibat dari kerakusan sikap manusia itu sendiri yang memugar alam sekitar tanpa panduan dan adab Islam. Tambahan pula, Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan menyatakan tentang hak untuk hidup yang berkait rapat dengan pemuliharaan dan keprihatinan terhadap alam sekitar.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Kurikulum pendidikan di Jepun sangat wajar untuk dijadikan sebagai model dalam mensinergikan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Alam Sekitar (Kementerian Pendidikan) dengan nilai-nilai Islam. Kurikulum pendidikan di Jepun sangat menekankan aspek berkaitan perkembangan potensi diri serta nilai-nilai dan penjagaan alam sekitar. Antara nilai yang diterapkan termasuklah menghormati alam sekitar, menjadi akrab dengan alam sekitar, serta mempunyai perasaan kasih sayang kepada haiwan dan tumbuh-tumbuhan.

E. CADANGAN


- i. Penglibatan aktif sekolah dan masyarakat dengan penganjuran aktiviti berkaitan mencintai alam sekitar.
- ii. Penerapan elemen Pendidikan Alam Sekitar (alam dan manusia) merentas kurikulum berpandukan acuan Islam.
- iii. Membudayakan amalan kitar semula dalam kalangan masyarakat.

PRINSIP 4

PENGAMALAN DAN PENYEBARAN ILMU

MENTERJEMAHKAN ILMU DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN DAN
MENYEBARLUASKANNYA KEPADA ORANG LAIN

AMALAN TERBAIK



HASIL PELAKSANAAN



RUJUKAN AMALAN TERBAIK

4.1 PEMBUDAYAAN ILMU

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

فَتَعَلَىٰ اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ وَلَا تَعْجَلْ بِالْقُرْآنِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يُقْضَىٰ
إِلَيْكَ وَحْيُهُ وَقُل رَّبِّ زِدْنِي عِلْمًا ﴿١١٤﴾

Maksudnya:

Maka Maha Tinggilah Allah, Yang Menguasai seluruh alam, lagi Yang Benar (pada segala-galanya). Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) tergesa-gesa membaca al-Quran sebelum selesai dibacakan oleh Jibril kepadamu, dan berdoalah dengan berkata: “Wahai Tuhanku, tambahilah ilmuku.” (Surah Taha, 20: 114).

2. Daripada Hasan al-Basri RA, sesungguhnya Abu Darda' RA berkata:

كُنْ عَالِمًا، أَوْ مُتَعَلِّمًا، أَوْ مُحِبًّا، أَوْ مُتَّبِعًا وَلَا تَكُنِ الْخَامِسَ فَتَهْلِكَ قَالَ
قُلْتُ لِلْحَسَنِ: وَمَا الْخَامِسُ؟ قَالَ الْمَبْتَدِعُ

Maksudnya:

Jadilah engkau seorang yang mengajarkan ilmu, atau seorang yang belajar ilmu, atau seorang yang mendengarkan ilmu, atau seorang yang mencintai ilmu. Dan jangan engkau menjadi golongan kelima, Nescaya engkau akan hancur. (Maksud golongan kelima adalah orang yang tidak mempunyai ilmu hingga ia tidak mampu mengajarkan ilmu, belajarpun tidak, mendengarkan ilmu pun tidak, mencintai (mahabbah) kepada ahli-ahli ilmu pun tidak) (*Fath al-Mannan Sharh Musnad al-Jami'*, Juzuk 2; Kitab al-'Ilm, no. 262: 373)

3. Ungkapan hikmah mengatakan:

اطلبوا العلم من المهد إلى الحد

Maksudnya:

Tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad (Shaykh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah (1336H-1417H), Qimat al-Zaman 'ind al-'Ulama', hlm. 30).

4. Buya Hamka berkata:

Semakin banyak ilmu, semakin lapang hidup.

B. MAKSUD

Setiap individu melibatkan diri dalam kegiatan ilmu dan menjadikannya asas dalam setiap aspek kehidupan.

C. HURAIAN

Satu usaha berterusan oleh setiap lapisan masyarakat ke arah menjadikan ilmu sebagai budaya dengan menambah dan menyebarkannya bagi memartabatkan tamadun manusia. Seterusnya ilmu dijadikan asas dalam membuat keputusan dan penyelesaian masalah.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

i. Penyebaran Dakwah Islamiyyah di Rumah al-Arqam ibn Abu al-Arqam

Pada zaman awal penyebaran Islam, Nabi Muhammad SAW melaksanakan aktiviti penyebaran ilmu dan dakwah Islam secara sembunyi selama hampir tiga tahun rentetan tekanan yang diterima daripada puak kafir Quraisy ketika itu. Mereka yang telah memeluk Islam pula terpaksa ke lorong-lorong sunyi untuk beribadat supaya terlindung daripada pandangan orang-orang kafir. Salah satu faktor mengapa pendekatan secara rahsia digunakan adalah bagi mengelakkan berlakunya kejutan terhadap golongan musyrikin Quraisy yang ketika itu sangat taksuf dengan penyembahan berhala.

Setelah bilangan para sahabat yang memeluk Islam semakin bertambah, maka suatu tempat yang khusus perlu ada bagi memudahkan Nabi SAW untuk menyampaikan Islam kepada mereka. Dengan izin Allah SWT, rumah al-Arqam ibn Abu al-Arqam telah dipilih untuk dijadikan sebagai

markas serta pusat penyampaian dakwah dan ilmu Islam ketika itu. al-Arqam telah memeluk Islam ketika masih remaja. Menjadikan rumah beliau sebagai pusat penyebaran dakwah dan ilmu adalah jalan yang selamat bagi meneruskan tugas dakwah Nabi SAW kerana tidak mungkin puak Quraisy akan mengesyaki rumah seorang remaja boleh dijadikan sebagai pusat dakwah Islam. Ini membuktikan bahawa dakwah nabi dalam membudayakan penyampaian ilmu serta ajaran Islam tetap berlangsung walaupun dalam keadaan yang tertekan sepertimana zaman awal Islam.

ii. Kegigihan Imam al-Syafi'iyy dalam Menuntut Ilmu

Nilai pembudayaan ilmu dapat dilihat dengan jelas dalam usaha Imam al-Syafi'iyy untuk menuntut ilmu dan menyebarkannya melalui penulisan buku-bukunya. Semenjak dari kecil lagi beliau telah terdidik dengan budaya dan amalan menuntut ilmu. Kegigihan Imam al-Syafi'iyy terbukti apabila beliau telah berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran ketika berumur 9 tahun dan berjaya menguasai serta menghafaz kitab *al-Muwatta'* karangan Imam Malik walaupun ketika itu beliau masih belum berguru dengan Imam Malik. Sewaktu berumur 15 tahun, tiga perkara besar telah berjaya dicapai oleh Imam al-Syafi'iyy hasil daripada ketekunan beliau menuntut ilmu, iaitu dilantik sebagai salah seorang mufti di Mekah, diiktiraf untuk mengajar ilmu *hadith* di Masjid al-Haram semasa ketiadaan gurunya, dan diizinkan untuk memberi fatwa kepada masyarakat.

Antara budaya ilmu Imam al-Syafi'iyy yang boleh dicontohi termasuklah kesetiaan beliau yang sentiasa berada disamping gurunya ketika mengajar dan memberi syarahan. Beliau juga gigih mengumpul batu-batu, belulang, pelepah tamar dan kertas yang dibuang untuk menulis ilmu yang dipelajarinya agar tidak hilang. Imam al-Syafi'iyy sepanjang zaman remajanya sentiasa menghabiskan masa dengan menuntut ilmu, menulis dan menghafaz ilmu. Beliau juga telah memulakan pengembaraan keilmuan beliau dengan mencari guru dan ulama dari segenap daerah dan tempat bagi mengutip ilmu daripada mereka semenjak dari usianya 20 tahun.

E. CADANGAN

- i. Menterjemahkan ilmu dalam bentuk amali dengan struktur kegiatan di dalam dan luar bilik darjah.
- ii. Mewujudkan budaya membaca dengan mengadakan pertandingan membaca dan 'bedah buku' pada semua peringkat.

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

إِنَّمَا تَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ

Maksudnya:

Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) kepada Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu. (Surah Fatir, 35: 28).

2. Ungkapan hikmah mengatakan:

العلم بلا عمل كالشجر بلا ثمر

Maksudnya:

Ilmu tanpa amalan adalah seperti pokok yang tidak berbuah. (Sharh Kitab al-'Ilm min Sahih al-Bukhari, hlm. 17).

3. Imam al-Qurtubi mengatakan:

فمعنى الربانيّ: العالم بدين الربّ الذي يعمل بعلمه؛ لأنه إذا لم يعمل بعلمه فليس بعالم

Maksudnya:

Rabbani ialah orang yang alim tentang agama Allah yang beramal dengan ilmunya kerana apabila dia tidak beramal dengan ilmunya maka dia bukan orang yang alim. (Al-Jami' li Ahkam al-Quran).

4. Peribahasa Melayu mengungkapkan:

“Muliakan olehmu akan ilmu, nescaya ia akan memuliakan kamu.”

Maksudnya:

Perlu hormat dan amalkan ilmu dalam kehidupan kita, nescaya hidup kita akan dipandang mulia.

B. MAKSUD

Ilmu perlu dipelajari, difahami dan diamalkan dengan ilmu yang dimiliki.

C. HURAIAN

Ilmu yang diperoleh hendaklah difahami, diyakini sehingga tercerna dalam diri dan diterjemahkan melalui amalan kehidupan.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Sistem Pendidikan di Finland

Sistem Pendidikan di Finland sangat terkenal sebagai sistem pendidikan yang sering menjadi rujukan masyarakat dunia semenjak dari peringkat prasekolah sehinggalah ke peringkat pengajian tinggi. Dalam sistem pendidikan di Finland, guru dianggap sebagai dasar teras yang bertindak sebagai ejen perubahan kepada pendidikan.

Pendidikan yang dilaksanakan di Finland jauh berbeza dengan negara-negara lain. Pendidikan di Finland adalah tidak berorientasikan penilaian melalui peperiksaan bahkan perkara utama yang difokuskan di Finland adalah kebolehan para pelajar untuk belajar dan menyerap untuk menyesuaikan diri dengan situasi dunia yang sentiasa berkembang. Oleh itu, semua sekolah di Finland adalah pada tahap yang sama dengan matlamat yang sama. Tidak ada di sekolah pengkelasan murid berasaskan tahap pencapaian. Tidak wujud sekolah elit. Tidak kira dari mana pun datangnya para pelajar, mereka akan tetap memperoleh akses yang sama rata sama ada dari sudut guru yang berkualiti, bahan pembelajaran yang baik serta makanan yang sihat.

E. CADANGAN

- i. Membuat penilaian pelbagai mod dalam proses pentaksiran.
- ii. Mengajukan program-program secara praktikal seperti kem smart solat dan program khidmat masyarakat.

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنْزَلْنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ وَأَهْدَىٰ مِنْ بَعْدِ مَا بَيَّنَّاهُ
لِلنَّاسِ فِي الْكِتَابِ أُولَٰئِكَ يَلْعَنُهُمُ اللَّهُ وَيَلْعَنُهُمُ اللَّعْنُونَ ﴿١٥٩﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan dari keterangan-keterangan dan petunjuk hidayah, sesudah Kami menerangkan kepada manusia di dalam Kitab Suci, mereka itu dilaknat oleh Allah dan dilaknat oleh sekalian makhluk. (Surah al-Baqarah, 2: 159).

2. Daripada Abu Hurayrah RA:

إذا مات الإنسان انقطع عمله إلا من ثلاث؛ صدقة جارية، أو علم ينتفع
به، أو ولد صالح يدعو له

Maksudnya:

Apabila meninggalnya seorang anak Adam, maka terputuslah segala amalannya kecuali pada tiga perkara iaitu sedekah jariah (wakaf), ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang berdoa kepadanya (Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Wasiyah, Bab Ma Yalhaq al-Insan min Thawab ba'd Wafatihi).

3. Daripada Abu Hurayrah RA:

خيارهم في الجاهلية، خيارهم في الإسلام إذا فقهوا

Maksudnya:

Sebaik-baik kalian pada zaman Jahiliyah adalah yang terbaik dalam kalangan kalian pada zaman Islam, Jika mereka faham agama. (Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab Ahadith al-Anbiya', Bab Ishaq ibn Ibrahim; Muslim, *Sahih Muslim*).

4. Daripada Abu Hurayrah RA:

الكَلِمَةُ الْحِكْمَةُ ضَالَّةٌ مَوْلَى الْمُؤْمِنِ، حَيْثَمَا وَجَدَهَا فَهُوَ أَحَقُّ بِهَا

Maksudnya:

Kebijaksanaan itu laksana barang tercipir kepunyaan orang yang beriman. Maka di mana sahaja dia menemuinya maka dialah paling berhak mengambilnya (Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Zuhd, Bab al-Hikmah; al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Kitab al-Isti'zan wa al-Adab, Bab Ma Ja'a fi Fadl al-Fiqh 'ala Ibadat).

5. Peribahasa Melayu mengungkap:

“Tak dahaga si penunggu telaga.”

Maksudnya:

Orang yang berdampingan dengan orang yang berilmu, lambat laun akan berilmu juga.

B. MAKSUD

Ilmu yang diperoleh tidak disembunyikan dan perlu dikongsi untuk kepentingan bersama.

C. HURAIAN

Setiap ilmu dan kepakaran yang dimiliki oleh seseorang perlu dikongsi bersama. Perkongsian ilmu dan kepakaran yang pelbagai dapat membentuk kekuatan ummah.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Salman al-Farisi dan Strategi Perang Khandaq

Salman al-Farisi merupakan salah seorang sahabat yang ada bersama Rasulullah SAW ketika berlakunya Perang Khandaq. Beliau berasal daripada Parsi. Setelah mendapat risikan bahawa sekumpulan orang Yahudi yang dihalau bersama sekutu mereka orang-orang Musyrikin akan datang ke Madinah bagi menawan kota tersebut, Rasulullah SAW telah mengadakan mesyuarat bagi mencari jalan penyelesaian dan membentuk pertahanan yang terbaik. Salman al-Farisi yang mempunyai pengalaman berkaitan strategi perang bangsa Parsi telah mencadangkan agar dibina suatu parit panjang

yang melintang laluan masuk strategik yang sesuai dilalui tentera Ahzab ke kota Madinah bagi menghalang kemaraan pihak musuh.

Perkongsian idea strategi Salman al-Farisi diraikan dan cadangan tersebut telah diterima sebulat suara oleh Rasulullah SAW serta sahabat yang lainnya. Hasilnya, pasukan tentera Islam telah menang dan kota Madinah berjaya dipertahankan. Inilah kesan positif daripada perancangan Salman al-Farisi.

E. CADANGAN

- i. Menggalakkan pelajar berkongsi ilmu dalam kumpulan kecil (pendekatan *jigsaw*)
- ii. Menyediakan platform bagi pelajar berkongsi ilmu secara terbuka.

4.4

PENYEBARAN ILMU SECARA MELUAS

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٤١﴾

Maksudnya:

Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: “Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!” (Surah Fussilat 41:33)

2. Daripada ‘Abdullah ibn ‘Amr,

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً

Maksudnya:

Sesungguhnya Nabi SAW telah bersabda: “Sampaikanlah dariku walaupun sepotong ayat.” (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab Ahadith al-Anbiya, Bab ma Dhukir ‘an Bani Isra’iliyyat).

3. Peribahasa mengatakan:

“Ada kemenyan sebesar lutut jika tidak dibakar takkan berbau.”

Maksudnya:

Ilmu dan kepandaian yang tidak digunakan atau diajarkan kepada orang lain akan hilang dan tidak membawa faedah.

4. Hamka berkata:

Semakin banyak ilmu semakin lapang hidup, semakin kurang ilmu semakin sempit hidup.

B. MAKSUD

Menyebarkan ilmu dengan memanfaatkan pelbagai medium.

C. HURAIAN

Setiap ilmu yang dimiliki perlu disebarluaskan supaya boleh dimanfaatkan untuk pembinaan tamadun manusia.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Amalan pendidikan secara percuma dan dibuka kepada semua dengan kos yang rendah dalam usaha untuk menyebarkan ilmu pengetahuan. Sebagai contoh, sistem pendidikan yang terdapat di Universiti al-Azhar, Mesir.

E. CADANGAN

- i. Mengoptimumkan strategi pembelajaran secara interaktif.
- ii. Mewujudkan platform untuk pelajar berkarya.

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانٍ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ فَيُضِلُّ اللَّهُ
مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٤﴾

Maksudnya:

Dan Kami tidak mengutuskan seorang rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan hukum-hukum Allah kepada mereka. Maka Allah menyesatkan sesiapa yang Dia kehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya), juga memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Dialah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (Surah Ibrahim, 14: 4).

2. Kata-kata hikmah mengungkapkan:

Bahasa disanjung budi dijunjung.

Maksudnya:

Menyanjung bahasa sendiri sebagai akal budi dan ketamadunan bangsa dan pada masa yang sama memperkasakan amalan berbudi bahasa sebagai budaya bangsa yang bersopan santun dan berbudi mulia.

3. Pantun Melayu mengungkapkan:

Yang Kurik Itu Kundi, Yang Merah Itu Saga
Yang Baik Itu Budi, Yang Indah Itu Bahasa

4. Pantun Melayu mengungkapkan:

Dunia kita sering berubah budaya dan adat mula dilupa
Kitalah anak harapan negara kuatkan semula bahasa ibunda

5. Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan:

Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang dalam Parlimen...

6. Akta 32, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67(2) menyatakan:

Kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam Akta ini dan tertakluk kepada perlindungan-perlindungan yang terkandung dalam perkara 152(1) Perlembagaan berhubung dengan mana-mana bahasa lain dan bahasa mana-mana kaum lain dalam Malaysia Bahasa Kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud-maksud rasmi.

B. MAKSUD

Bahasa Melayu perlu dimartabatkan pada kedudukan yang tinggi selaras dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan meningkatkan penguasaan bahasa lain.

C. HURAIAN

Bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa ilmu dan juga diaplikasi dalam semua urusan yang merangkumi bidang pendidikan, perundangan dan segala urusan rasmi negara. Pada masa yang sama bahasa lain juga perlu ditingkatkan penguasaannya seiring dengan keperluan semasa.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Bahasa Melayu sebagai Lingua Franca

Pada abad yang ke-15 dalam sejarah Melayu, Bahasa Melayu telah direkodkan sebagai bahasa *lingua franca*, iaitu bahasa pertuturan utama yang digunakan oleh para pedagang yang datang berdagang di kepulauan Melaka dan hampir dalam semua urusan di Nusantara ini. Buktinya *Thomas Bowrey*, seorang pelayar dan pedagang Inggeris yang bekerja dengan *Syarikat Inggeris India Timur* sekitar tahun 1670-80-an di rantau Melayu telah menyusun sebuah kamus berjudul *English and Malayo Dictionary* pada tahun 1701. Beliau juga pernah menjelaskan bahawa Bahasa Melayu adalah lingua franca dalam aktiviti perdagangan di Kepulauan Melayu.

Jika dahulu Bahasa Melayu telah diangkat tinggi sebagai bahasa pertuturan utama di rantau ini, maka adalah tidak mustahil untuk kita memartabatkan lagi Bahasa Melayu selaku bahasa kebangsaan kita ke peringkat yang lebih baik, iaitu dengan berusaha menjadikannya sebagai bahasa ilmu.

E. CADANGAN

- i. Memperkasa elemen kebahasaan terhadap Bahasa Melayu dan bahasa-bahasa lain.
- ii. Meningkatkan pedagogi dalam pengajaran bahasa.
- iii. Mewujudkan kumpulan pakar bahasa Melayu dan tulisan Jawi.

PRINSIP 5


PEMBELAJARAN DAN PENGKAJIAN BERTERUSAN

**MENINGKATKAN ILMU, KEMAHIRAN DAN MEMBUDAYAKAN KAJIAN
SECARA BERTERUSAN**

AMALAN TERBAIK



HASIL PELAKSANAAN



RUJUKAN AMALAN TERBAIK

5.1 PENINGKATAN POTENSI DAN KEMAHIRAN

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ
بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَآخَرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ
يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا
تُظْلَمُونَ

Maksudnya:

Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah SWT akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya. (Surah al-Anfal, 8: 60).

2. Daripada 'A'ishah RA:

إِنَّ اللَّهَ يَحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتْقِنَهُ

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah menyukai mereka yang melakukan sesuatu pekerjaan dengan rapi (sentiasa menekuni dan memperkemas hasilnya) (al-Baihaqi, *Sunan al-Bayhaqi*, Kitab Shu'ab al-Iman, no. 1867; al-Albani, *Silsilat al-Ahadith al-Sahihah wa Shay' min Fiqhiha wa Qawa'iduha*, Jil. 3, no. 1113, hlm. 106).

3. Peribahasa Melayu mengatakan:

“Mengais hendaklah berkuku.”

Maksudnya:

Hendaklah melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran sebelum melakukan sesuatu pekerjaan.

B. MAKSUD

Setiap manusia dilahirkan mempunyai potensi dan kemahiran tersendiri yang perlu dibangunkan untuk kemajuan sendiri dalam menghadapi kehidupan.

C. HURAIAN

Guru yang berkemahiran dan berkualiti menjadi tuntutan utama dalam menghadapi masyarakat berilmu pada abad ke-21. Guru yang berkemahiran akan sentiasa mengembangkan potensinya sehingga mampu untuk menangani penyampaian kurikulum dan kandungan pendidikan secara berkesan serta mampu untuk memenuhi keperluan pelajarannya sesuai dengan suasana dan perubahan persekitaran semasa. Usaha berterusan ini perlu ditingkatkan potensi dan kualiti pendidik serta membangunkan kemahiran tinggi yang bertujuan membantu proses pembinaan pelajar.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Model Guru Cemerlang

Peningkatan potensi dan kemahiran guru cemerlang yang telah diiktiraf dan sentiasa dirujuk. Pemikiran kritis adalah dasar kepada pembentukan guru atau pendidik yang cemerlang. Oleh itu, guru cemerlang adalah mempunyai sikap yang cenderung untuk membuat refleksi kritis atas setiap maklumat yang diperolehi bagi menjadikannya sebagai guru yang berkemahiran dan mampu untuk menguasai kandungan serta konsep sesuatu ilmu secara mendalam.

E. CADANGAN

- i. Setiap guru perlu mengikuti kursus peningkatan ilmu kemahiran pengajaran sekurang-kurangnya tiga hari dalam setahun.
- ii. Kekerapan ‘*inhouse training*’ pada peringkat sekolah.

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

أَقْرَأَ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ﴿٤﴾

Maksudnya:

Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya. (Surah al-'Alaq, 96: 3-4)

2. Daripada Anas ibn Malik RA:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ بِقَوْمٍ يُلْقِحُونَ. فَقَالَ: لَوْ لَمْ تَفْعَلُوا لَصَلَحَ، قَالَ فَخَرَجَ شَيْصًا. فَمَرَّ بِهِمْ فَقَالَ: مَا لَنَخْلِكُمْ؟ قَالُوا: قَلَّتْ كَذَا وَكَذَا. قَالَ: أَنْتُمْ أَعْلَمُ بِأَمْرِ دُنْيَاكُمْ.

Maksudnya:

Nabi SAW pernah melewati suatu kaum yang sedang mengahwinkan pokok kurma lalu baginda bersabda, “Sekiranya mereka tidak melakukannya, kurma itu akan (tetap) baik”. Tapi setelah itu, ternyata kurma tersebut tumbuh dalam keadaan rosak. Hingga suatu masa, Nabi SAW melewati mereka lagi dan melihat hal itu, baginda bertanya, “Ada apa dengan kurma kalian?.” Mereka menjawab; “Bukankah tuan telah mengatakan hal ini dan hal itu?. Lalu Baginda SAW telah bersabda: “Kalian lebih mengetahui urusan dunia kalian.” (Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Fada'il, Bab Wujub lmtisal ma Qalahu Shar'an).

B. MAKSUD

Menguasai ilmu dan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

C. HURAIAN

Proses pengajaran dan pembelajaran memanfaatkan kemajuan teknologi bagi membolehkan pencapaian objektif secara berkesan.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Pedagogical Content Knowledge (Model Shullman 1986)

Pedagogical Content Knowledge (PCK) ialah satu jenis pengetahuan yang unik bagi seorang guru di mana ianya adalah berdasarkan kepada cara guru mengaitkan pengetahuan pedagogi (pengetahuan kepada cara guru mengajar) yang dimiliki kepada pengetahuan isi kandungan (apa yang perlu diajar). Integrasi kedua-dua jenis pengetahuan tersebut akan menghasilkan pedagogi isi kandungan. PCK yang dicadangkan oleh Shullman (1986), adalah melibatkan beberapa perkara iaitu:

Within the category of pedagogical content knowledge, I include, for the most regularly taught topics in one's subject area, the most useful form of representation of those ideas, the most powerful analogies, illustrations, examples, explanations, and demonstrations- in a word, the ways of representing and formulating the subject that make it comprehensible to others."

Analogi, contoh, penerangan, dan demonstrasi yang efektif.

- i. Kefahaman yang jelas tentang aspek-aspek yang membuatkan pembelajaran sesebuah topik itu senang atau susah.
- ii. Kemungkinan salah faham pelajar tentang sesuatu topik.
- iii. Pengetahuan guru tentang strategi pengajaran yang efektif.

Guru perlu berfikir secara pedagogikal terhadap cara mengajar sesuatu pelajaran daripada perspektif pelajar. Oleh itu guru sendiri perlu menguasai kandungan sesuatu pelajaran dengan menjadikan konsep PCK sebagai dasar teras dan mengubah suai isi kandungan sesuatu pelajaran untuk diaplikasikan dalam pengajaran.

E. CADANGAN

- i. Peningkatan kompetensi guru dalam penggunaan teknologi ICT
- ii. Pembudayaan ICT dalam PdP secara berterusan

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

فِيمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا
 مِن حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا
 عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

Maksudnya:

Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad SAW), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka, dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Maka apabila engkau telah berazam maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertawakal kepada-Nya. (Surah Ali 'Imran, 3: 159).

2. Firman Allah SWT:

فَوَجَدَا عَبْدًا مِّنْ عِبَادِنَا ءَاتَيْنَاهُ رَحْمَةً مِّنْ عِنْدِنَا وَعَلَّمْنَاهُ مِمَّا لَدُنَّا
 عِلْمًا ﴿٦٥﴾

Maksudnya:

Lalu mereka dapati seorang dari hamba-hamba Kami, yang telah Kami kurniakan kepadanya rahmat dari Kami, dan Kami telah mengajarnya satu ilmu; dari sisi Kami. (Surah al-Kahfi, 18: 65).

B. MAKSUD


Pendidik yang menjiwai profesyen keguruan dengan sepenuh hati dan kepedulian yang tinggi.

C. HURAIAN

Pelajar yang terasuh jiwanya adalah natijah daripada pendidik yang memiliki kualiti kependidikan yang penuh sifat keinsanan yang berpaksikan kerangka rabbani. Oleh itu perlu ada satu usaha komprehensif ke arah pembinaan jiwa insan pendidik.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Model 5M: Peranan Guru dalam Pengajaran Bilik Darjah menurut Perspektif Islam



Selain itu, ulama-ulama silam juga membangunkan institusi pentarbiyahan yang bersifat holistik dalam membangun sahsiah guru. Aristotle pernah berkata:

Educating the mind without educating the heart is no education at all.

Maksudnya:

Mendidik minda tanpa mendidik jiwa bukanlah pendidikan yang sebenar.

E. CADANGAN

- i. Mewujudkan modul latihan jiwa insan pendidik.
- ii. Mewujudkan iklim mencintai dan bangga dengan kerjaya keguruan sebagai pembina generasi.

5.4 PEMBUDAYAAN AMALAN BERGURU

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ إِلَّا رِجَالًا نُوْحِي إِلَيْهِمْ فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٧﴾

Maksudnya:

Dan Kami tidak mengutus Rasul-rasul sebelumnya (wahai Muhammad) melainkan orang-orang lelaki yang Kami wahikan kepada mereka; maka bertanyalah kamu kepada *ahl al-dhikr* jika kamu tidak mengetahui (Surah al-Anbiya', 21: 7).

2. Daripada Hasan al-Basri RA, sesungguhnya Abu Darda' RA berkata:

كُنْ عَالِمًا، أَوْ مُتَعَلِّمًا، أَوْ مُجِبًّا، أَوْ مُتَّبِعًا وَلَا تَكُنِ الْخَامِسَ فَتَهْلِكَ مِنَ الْخَامِسِ؟ قَالَ: الْمُبْتَدِعُ

Maksudnya:

Jadilah engkau seorang yang mengajarkan ilmu, atau seorang yang belajar ilmu, atau seorang yang mendengarkan ilmu, atau seorang yang mencintai ilmu. Dan jangan engkau menjadi golongan kelima, nescaya engkau akan hancur. (Maksud golongan kelima adalah orang yang tidak mempunyai ilmu hingga ia tidak mampu mengajarkan ilmu, belajarpun tidak, mendengarkan ilmu pun tidak, mencintai (mahabbah)

kepada ahli-ahli ilmu pun tidak). (al-Bayhaqi, *al-Madkhal ila Sunan al-Kubra*, no. 344).

3. Imam al-Ghazali berkata:

Haiwan yang tidak berakal pun boleh dibentuk dan dididik, apatah lagi manusia yang waras dan berakal itu. Sudah tentu boleh mencapai dan mendapat ilmu dengan mempelajarinya dan belajar.

4. Peribahasa Melayu mengatakan:

“Berburu ke padang datar, dapat rusa belang kaki
Berguru kepalang ajar, bagai bunga kembang tak jadi.”

Maksudnya:

Ilmu yang tidak dipelajari dengan sempurna tidak akan memberi faedah.

5. Peribahasa Melayu mengatakan:

“Bak nyiru bak tampian, bak guru bak anak sasian.”

Maksudnya:

Guru adalah tempat perbendaharaan segala ilmu dan kelakuan serta sifat-sifat terpuji. Jika guru tidak menunjukkan contoh yang baik, maka muridnya akan menurutnya dengan lebih dasyat.

6. Peribahasa Melayu mengatakan:

“Hendak belajar berenang dapatkan itik,
hendak belajar melompat dapatkan tupai.”

Maksudnya:

Hendak belajar sesuatu perkara atau ilmu mestilah bertanya kepada ahli atau orang yang pakar dalam sesuatu bidang.

7. Imam al-Shafi'i berkata:

أَخِي لَنْ تَنَالَ الْعِلْمَ إِلَّا بِسِتَّةٍ سَأُنْبِئُكَ عَنْ تَفْصِيلِهَا بَيَانِ ذِكَاةٍ وَحِرْصٍ
وَاجْتِهَادٍ وَبُلْغَةٍ وَصُحْبَةٍ أُسْتَاذٍ وَطَوَّلُ زَمَانٍ

Maksudnya:

Saudaraku, ilmu itu tidak dapat sama sekali diperoleh melainkan dengan enam perkara, aku akan sebutkan kepadamu penjelasannya iaitu: pintar, rajin, bersungguh, harta, mendampingi guru dan masa yang panjang (*Diwan al-Imam al-Shafi'i*, hlm. 99)

B. MAKSUD

Belajar sesuatu ilmu melalui guru adalah satu tuntutan bagi memastikan kesahihan dan ketepatannya.

C. HURAIAN

Belajar tanpa guru boleh menimbulkan keraguan dan kesalahtafsiran yang boleh menyebabkan kerendahan ilmu sekadar maklumat semata-mata. Berguru membentuk sifat holistik dalam kalangan pelajar dari segi qudwah, adab dan kemahiran. Justeru, perlu satu usaha menjadikan seseorang guru bersifat kemahaguruan.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Tradisi Menuntut Ilmu Pelajar Pondok

Semangat cintakan ilmu dan pembudayaan ilmu dalam kehidupan adalah sinonim dalam kalangan pelajar keluaran daripada sekolah pondok. Kebanyakan daripada sekolah pondok tradisional tidak mengenakan bayaran, cukup dengan hanya meminta izin guru untuk menyertai pengajian yang ada. Semangat dan budaya ingin mempelajari ilmu datang dari dalam diri para pelajar sendiri. Mereka secara sukarela mendatangi guru mereka untuk menimba ilmu walaupun dengan hanya memberi khidmat tenaga kepada guru sebagai ganjaran.

Budaya menuntut ilmu di pondok-pondok selalunya tidak terus terhenti apabila pelajarinya tamat belajar di sana. Sebaliknya para pelajar ini pula yang akan membantu untuk mengajar pelajar yang lain atau setengahnya meneruskan pula pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Budaya

ilmu dalam kehidupan mereka juga tidak hanya terhad kepada pembacaan kitab-kitab sahaja. Bahkan setiap ilmu yang diperolehi diaplikasikan dalam kehidupan sama ada melalui aspek gaya percakapan, pemakaian serta pergaulan sosial mereka yang sentiasa bersikap positif dan cemerlang.

E. CADANGAN

- i. Memartabatkan kedudukan guru dari segi imej, saraan, penghormatan masyarakat.
- ii. Sambutan Hari Guru diorientasikan semula supaya memberi kesan kepada amalan berguru dan kecintaan ilmu dalam kalangan murid

5.5

PELAKSANAAN PENYELIDIKAN BERTERUSAN

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾

Maksudnya:

(lailu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri, duduk dan berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): “Wahai Tuhan kami! Tidaklah engkau menjadikan semuanya ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.” (Surah Ali ‘Imran, 3: 191).

Those people who develop the ability to continuously acquire new and better forms of knowledge that they can apply to their work and to their lives will be the movers and shakers in our society for the indefinite future (Brian Tracy, The Oxford Handbook of Meaningful Work, hlm. 191).

2. Zamakhshari berkata:

وعن الحسن العلماء ربانيين. وقيل علماء معلمين. وتعلمون من التعلم
تدرسون تقروءن. وتدرسون من التدرّس

Maksudnya:

Rabbani ialah seorang yang faqih, yang membina ilmunya daripada kajian yang dilakukan. (*Tafsir Al-Kasyyaf*).

B. MAKSUD

Pendidikan yang berkualiti perlu pengukuhan komponen penyelidikan yang bermatlamatkan penambahbaikan berterusan dan penemuan baharu.

C. HURAIAN

Ilmu tanpa penyelidikan tidak berkembang dan bersifat statik, tidak dapat memenuhi keperluan semasa. Justeru, budaya penyelidikan menjadi asas dalam perkembangan ilmu. Di samping berorientasi komersial, penyelidikan perlu bersifat penjana ilmu, intelek dan futuristik. Budaya penyelidikan perlu dikembangkan di semua peringkat.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Budaya universiti penyelidikan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), atau Universiti Malaya (UM) atau mana-mana *Research University (RU)* sepertimana budaya *Research and Development (R&D)* yang wujud di syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa.

E. CADANGAN

- i. Menyediakan geran dalam skala besar, kecil dan sederhana di semua peringkat.
- ii. Membentuk kumpulan penyelidik di semua peringkat.
- iii. Pemasaran dan pengkomersilan hasil penyelidikan.

PRINSIP 6


PEMBANGUNAN DAN PENGISLAHAN MASYARAKAT

MENDIDIK INDIVIDU KE ARAH MEMBANGUNKAN MASYARAKAT
DAN MELAKUKAN ISLAH

AMALAN TERBAIK



HASIL PELAKSANAAN



RUJUKAN AMALAN TERBAIK

6.1 PEMBANGUNAN HOLISTIK DAN SEIMBANG

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَلِيقُ بَشَرًا مِّنْ صَلْصَلٍ مِّنْ حَمَإٍ مَّسْنُونٍ
فَإِذَا سَوَّيْتُهُمْ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُّوحِي فَقَعُوا لَهُ سَاجِدِينَ ﴿٢٨﴾

Maksudnya:

Dan tatkala Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku ciptakan manusia dari tanah liat yang kering berasal dari lumpur yang berbentuk. Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari ciptaan-Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya. (Surah al-Hijr, 15: 28-29).

2. Firman Allah SWT:

لَا خَيْرَ فِي كَثِيرٍ مِّنْ نَّجْوَاهُمْ إِلَّا مَنْ أَمَرَ بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ
إِصْلَاحٍ بَيْنَ النَّاسِ ۗ وَمَن يَفْعَلْ ذَلِكَ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ
فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١١٤﴾

Maksudnya:

Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisikan mereka, kecuali (bisik-bisikan) orang yang menyuruh bersedekah, atau berbuat kebaikan, atau mendamaikan di antara manusia. Dan sesiapa yang berbuat demikian dengan maksud mencari keredhaan Allah, tentulah Kami akan memberi kepadanya pahala yang amat besar. (Surah al-Nisa', 4: 114).

2. Firman Allah SWT:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ﴿١٠﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan). Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat). (Surah al-Shams, 91: 9-10).

3. Peribahasa Melayu mengatakan:

“Ilmu itu pelita hati.”

Maksudnya:

Ilmu adalah cahaya yang menerangi kehidupan seseorang.

4. Peribahasa Melayu mengatakan:

“Pengetahuan itu kepada hati samalah seperti cahaya kepada mata.”

Maksudnya:

Menuntut ilmu adalah suatu kewajiban untuk menerangi hidup kita.

B. MAKSUD

Pembangunan modal insan secara menyeluruh, seimbang dan kompeten sehingga mampu memimpin dan menjadi contoh kepada masyarakat.

C. HURAIAN

Pembangunan individu berasaskan keperluan rohani, jasmani, intelek dan emosi yang mampu menggerak komuniti dan organisasi secara tertib ke arah melahirkan masyarakat bertamadun.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Pendidikan Pondok Gontor Indonesia

Pondok Moden Darussalam Gontor Ponorogo (PMDG) atau turut terkenal sebagai Pondok Moden Gontor merupakan sebuah pondok yang terletak di Kabupaten, Ponorogo, Jawa Timur. Pondok ini juga terkenal dengan orientasi pengajian yang menggabungkan pengajian agama seperti ilmu *Fiqh*, *Hadith*, *Usul al-Fiqh*, *Usuluddin*, *Syariah* dan lain-lainnya dengan pengajian umum seperti ilmu Matematik, Sejarah, Psikologi, Geografi, Biologi serta banyak lagi. Di samping itu, Pondok Gontor ini juga turut menerapkan pendidikan dan aktiviti kokurikulum seperti penggunaan komputer, pidato, sukan, penulisan khat dan lain-lain dalam orientasi pembelajaran mereka.

Perkara utama yang dititik beratkan di pondok ini ialah penerapan disiplin yang tinggi dan penguasaan bahasa asing terutamanya Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar. Sesuai dengan gelarnya sebagai pondok moden, pondok ini telah membawa suatu modul yang menarik untuk dicontohi kerana penggabungan tiga elemen dalam orientasi mata pelajaran mereka iaitu pengajian agama, pengajian umum dan juga kokurikulum. Gabungan ketiga-tiga elemen ini menjelaskan bahawa fokus utama pengajian pondok ini bukanlah untuk tujuan menuntut ilmu akhirat atau pengisian rohani semata-mata bahkan turut mementingkan pembangunan intelek dan jasmani para pelajarnya secara seimbang.

E. CADANGAN

- i. Kempen kesedaran terhadap keperluan dunia dan akhirat serentak.
- ii. Menggiatkan kemajuan masyarakat antara keperluan pembangunan dalaman dan luaran manusia.

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ
بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya:

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih terbaik. (Surah al-Nahl, 16:125).

2. Daripada ‘Abd Allah ibn Mas’ud RA:

ما أنت بمحدثٍ قومًا حديثًا لا تبلغه عقولهم، إلا كان لبعضهم فتنةً

Maksudnya:

Tidaklah kamu bercakap dengan sesuatu kaum satu percakapan yang tidak mampu difahami oleh akal mereka melainkan ia akan menjadi fitnah kepada sebahagian daripada mereka (Muqadimah Imam Muslim, *Sahih Muslim*, Bab al-Nahy ‘an al-Hadith bi Kulli ma Sama‘a).

3. Peribahasa Melayu mengatakan:

“Masuk kandang kambing mengembek,
masuk kandang kerbau menguak.”

Maksudnya:

Menyesuaikan diri dengan situasi dimana seseorang berada.

B. MAKSUD

Keupayaan melahirkan individu yang melaksanakan islah secara bijaksana menurut amalan yang selari dengan ajaran Islam.

C. HURAIAN

Pembangunan dan pengislahan adalah elemen penting dalam pembinaan tamadun sesuatu bangsa. Ia perlu dilakukan secara bijaksana dengan mengambil kira realiti dan keperluan semasa.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Metodologi Dakwah Rasulullah SAW Secara Beransur-ansur dan Berhikmah

Sirah Rasulullah SAW membuktikan bahawa Nabi Muhammad SAW adalah seorang yang cukup berhikmah, bersederhana dan berlemah lembut dalam setiap tingkahnya, begitu juga dengan dakwah baginda. Ujian yang paling besar bagi Nabi SAW adalah untuk menyebarkan dakwah kepada kaum Musyikin Quraisy di kota kelahiran baginda sendiri iaitu kota Mekah yang ketika itu sangat taksub dengan penyembahan berhala peninggalan nenek moyang mereka. Namun Nabi SAW tidak tergesa-gesa dalam menyahut seruan Allah SWT supaya berdakwah kepada mereka. Rasulullah SAW berdakwah secara berhikmah tanpa mengira siapa pun sasarannya. Sikap Rasulullah SAW yang sentiasa tenang dan tidak berputus asa untuk menyampaikan dakwah sedikit demi sedikit telah membuka hati para sahabat untuk menerima ajaran Islam. Ini dibuktikan dengan pengislaman Sayyidina 'Umar iaitu seorang yang digeruni oleh puak Quraisy dengan sikapnya yang tegas, garang dan bengis.

E. CADANGAN

- i. Melaksanakan program luar kawasan (outreach) di tempat sasaran dakwah.
- ii. Membangun individu sebagai pendakwah yang kompeten.

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٤﴾

Maksudnya:

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang demikian ialah orang yang berjaya. (Surah Ali 'Imran, 3: 104).

2. Firman Allah SWT:

لُعِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ دَاوُدَ وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿٧٨﴾ كَانُوا لَا يَتَنَاهَوْنَ عَنِ مُنْكَرٍ فَعَلُوهُ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

Maksudnya:

Orang kafir Yahudi dari Bani Israil telah dilaknat (di dalam Zabur dan Injil) melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa ibni Maryam. Yang demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan menceroboh. Mereka tidak saling melarang (sesama sendiri) dari perbuatan mungkar (derhaka dan ceroboh), yang dilakukan. Sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka telah lakukan. (Surah al-Ma'idah, 5: 78-79).

3. Daripada Abu Sa'id al-Khudri RA, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ.

Maksudnya:

“Sesiapa antara kalian yang melihat kemungkaran, maka berusahalah untuk mengubahnya dengan tangannya (kuasa), jika dia tidak mampu maka ubahlah dengan lisan, sekiranya dia tidak mampu melakukannya maka ubahlah dengan hatinya, dan ini adalah selemah-lemah iman” (Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Iman, Bab Bayan Kawn al-Nahy ‘an al-Munkar min al-Iman).

4. Daripada Nu'man ibn Bashir RA, sabda Rasulullah SAW:

مِثْلُ الْقَائِمِ عَلَى حُدُودِ اللَّهِ وَالْوَاقِعِ فِيهَا كَمِثْلِ قَوْمٍ اسْتَهَمُوا عَلَى سَفِينَةٍ فَأَصَابَ بَعْضُهُمْ أَعْلَاهَا وَبَعْضُهُمْ أَسْفَلَهَا فَكَانَ الَّذِينَ فِي أَسْفَلِهَا إِذَا اسْتَقَوْا مِنَ الْمَاءِ مَرُّوا عَلَى مَنْ فَوْقَهُمْ فَقَالُوا لَوْ أَنَّا خَرَقْنَا فِي نَصِينَا خَرْقًا وَلَمْ نُوذِ مِنْ فَوْقِنَا فَإِن يَتْرَكُوهُمْ وَمَا أَرَادُوا هَلَكُوا جَمِيعًا وَإِن أَخَذُوا عَلَى أَيْدِيهِمْ نَجَوْا وَنَجَوْا جَمِيعًا.

Maksudnya:

Perumpamaan orang yang mengingkari kemungkaran dan orang yang terjerumus dalam kemungkaran adalah seperti suatu kaum yang membuat undian dalam sebuah kapal. Sebahagian mereka berada di bahagian atas dan sebahagian lagi berada di bahagian bawah kapal tersebut. Mereka yang berada di bahagian bawah apabila ingin mengambil air, perlu melewati mereka di bahagian atas. Mereka berkata, sekiranya kita menebuk tempat kita ini maka tidak perlu lagi mengganggu mereka (yang di atas). Seandainya mereka yang berada di bahagian atas membiarkan sahaja orang-orang di bawah melakukannya maka semuanya akan binasa. Namun jika mereka di bahagian atas melarang orang di bawah daripada berbuat demikian, nescaya semua penumpang kapal tersebut selamat (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Sharikah, Bab Hal Yuqra'u fi al-Qismih wa al-Istifhamih).

B. MAKSUD

Melaksanakan Amar Makruf dan Nahi Mungkar adalah satu kewajipan ke atas setiap individu muslim dalam setiap segmen masyarakat sebagaimana diperintahkan oleh Allah SWT.

C. HURAIAN

Setiap individu muslim disemai sikap kebertanggungjawaban untuk melaksanakan tugas amar makruf dan nahi mungkar yang bermatlamat untuk memperbaiki masyarakat serta membangunkannya secara holistik dan seimbang. Agenda pendidikan mesti berpiawaian kepada amar makruf dan nahi mungkar.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Model Amal Jamaie

Amal Jama'ie ialah suatu perkara atau tindakan yang diputuskan sebulat suara oleh sekumpulan masyarakat secara berjemaah yang tersusun struktur organisasinya selaras dengan cara yang ditentukan atau dipersetujui bagi mencapai matlamat atau sasaran tertentu. Amal Jama'ie adalah suatu tuntutan syarak kepada seluruh masyarakat terutamanya dalam hal berkaitan dakwah dan Islam atau lebih tepat lagi dalam menyeru kepada kebaikan dan melarang kepada kejahatan (maksiat). Matlamatnya adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT serta menegakkan hukum Allah. Oleh itu, Amal Jama'ie yang sebetulnya adalah melalui tindakan secara praktikal yang dilaksanakan setelah mencapai kata sepakat dan bukannya dalam perbincangan secara lisan semat-mata.

Dalam konteks menyeru masyarakat kepada kebaikan serta melarang daripada melakukan kejahatan atau kemungkaran, badan NGO atau organisasi haruslah bekerjasama dengan ahli bawahannya yang lain dalam setiap tindakan atau pekerjaan yang dilakukan secara Amal Jama'ie supaya matlamat asal pengislahan masyarakat mudah untuk dicapai.

E. CADANGAN

- i. Membangun modul dakwah '*khayr ummah*'.
- ii. Mewujudan satu badan bersifat '*hisbah*' bagi memantau aktiviti selaras dengan syarak.

A. SUMBER

1. Daripada al-Wad'i:

مَنْ تَعَلَّمَ لُغَةَ قَوْمٍ أَمِنَ مَكْرَهُمْ

Maksudnya:

Sesiapa yang mempelajari bahasa sesuatu kaum, ia akan aman dari kejahatan mereka. (*al-Fatawa al-Hadithiyyah*, no. 2/362).

2. Daripada Zayd ibn Thabit RA:

أتى بي النبي صلى الله عليه وسلم مقدمه المدينة فعجب فقيل له: هذا غلام من بني النجار، وقد قرأ مما أنزل الله عليك بضع عشرة سورة، فاستقرأني فقرأت ق فقال لي: تعلم لي كتاب يهود، فإني ما آمن يهود على كتابي فتعلمته في نصف شهر حتى كتبت له إلى يهود، وأقرأ له إذا كتبوا إليه.

Maksudnya:

Aku (Zayd ibn Thabit RA) dihadapkan kepada Nabi SAW setelah baginda tiba di Kota Madinah. Mereka berkata, "Wahai Rasulullah, anak ini dari Bani al-Najjar. Dia hafal beberapa surah yang diturunkan kepadamu." Aku pun membacakannya kepada Rasulullah SAW dan baginda berasa kagum. Baginda bersabda, "Hai Zayd, belajarlah Bahasa Yahudi. Kerana demi Allah, sesungguhnya aku tidak percaya kepada orang-orang Yahudi atas suratku." Aku pun mempelajarinya. Tidak sampai setengah bulan, aku sudah menguasainya. Aku yang menulis surat Rasulullah SAW kalau baginda berkirim surat kepada mereka, dan aku juga yang menterjemahkan surat mereka untuk baginda SAW. (*al-Nasa'i, Sunan al-Nasa'i*, no. 9082).

B. MAKSUD

Mempelajari bahasa selain daripada bahasa ibunda adalah satu keperluan untuk meningkatkan kompetensi seseorang di samping dapat mengembangkan jaringan sosial.

C. HURAIAN

Keperluan mempelajari dan menguasai pelbagai bahasa dapat merapatkan jurang komunikasi dalam pelbagai lapisan masyarakat majmuk. Ini dapat memupuk semangat muhibbah dan sikap toleransi anggota masyarakat.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Sultan Muhammad al-Fatih dan Penguasaan Bahasa Asing

Sultan Muhammad II mendapat gelaran 'al-Fatih' (pembukaan) setelah berjaya membuka kota Constantinople seawal usia 21 tahun (ada pendapat lain mengatakan 19 tahun), sehingga berjaya menghancurkan empayar Rom Byzantine. Bahkan, ketika usianya masih kecil lagi, bapanya Sultan Murad memanggil puteranya itu dengan gelaran 'al-Fatih'. Sultan Muhammad al-Fatih berkebolehan menguasai enam bahasa asing iaitu bahasa Turki, Greek, Hebrew, Arab, Parsi dan Latin. Ini memberi peluang untuk dirinya berkomunikasi dengan masyarakat persekitaran dan sangat disenangi oleh rakyat serta negara-negara lain yang berhubung dengan kerajaan 'Uthmaniyyah ketika itu.

Dr. Muhammad 'Ali al-Salabi (1963), menjelaskan tentang peribadi al-Fatih sepertimana berikut:

Sultan Muhammad al-Fatih menguasai dengan baik bahasa Rom. Ini supaya muncul kebangkitan intelektual daripada rakyatnya. Sultan Muhammad al-Fatih memerintahkan supaya aktiviti penterjemahan khazanah-khazanah klasik dalam bahasa Yunani, Latin, Parsi, dan Arab ke bahasa Turki. Satu daripada buku yang diterjemahkan itu adalah *Mashahir al-Rijal* atau *Orang-orang Terkenal* karya Poltark. Buku lain yang diterjemahkan ke bahasa Turki adalah buku karangan Abu al-Qasim al-Zahrawi yang berjudul *al-Tasrif fi al-Tibb*. Buku ini kemudiannya diberi perbahasan tambahan oleh penulis-penulis 'Uthmaniyyah berbangsa Turki perihal alat-alat bedah dan posisi pesakit ketika pembedahan dilakukan.

E. CADANGAN

- i. Menawarkan mata pelajaran Bahasa Mandarin atau Tamil atau Siam di sekolah yang sesuai.
- ii. Mewujudkan makmal bahasa di setiap sekolah.
- iii. Memberi keutamaan kepada calon yang menguasai tiga bahasa dalam sektor pekerjaan.

6.5

BERKEMAHIRAN DALAM PENYELESAIAN MASALAH

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا لِمُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

Maksudnya:

Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan; apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata. (Surah al-Ahzab, 33: 36).

2. Firman Allah SWT:

وَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ وَأَخِيهِ أَنْ تَبَوَّءَا لِقَوْمِكُمَا بِمِصْرَ بُيُوتًا وَاجْعَلُوا بُيُوتَكُمْ قِبْلَةً وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٢٧﴾

Maksudnya:

Dan (setelah itu) Kami wahyukan kepada Nabi Musa serta saudaranya (Nabi Harun): “Hendaklah kamu berdua mendirikan rumah-rumah di Mesir untuk menempatkan kaum kamu, dan

jadikanlah rumah-rumahmu tempat sembahyang, serta dirikanlah sembahyang di dalamnya; dan sampaikanlah berita gembira kepada orang yang beriman (bahawa mereka akan diselamatkan dari kezaliman Fir'aun dan kaumnya)." (Surah Yunus, 10: 87).

3. Imam Abu Ja'far al-Tabari berkata:

أن الرباني المنسوب الى الربَّان: الذي يربُّ الناس، وهو الذي يصلح
أموارهم ويربِّها، ويقوم بها.

Maksudnya:

Perkataan Rabbani yang dinisbahkan kepada *rabb* merujuk kepada orang yang mendidik manusia; iaitu orang yang menambahbaik segala urusan mereka, mendidik dan membangunkannya.

4. Peribahasa Melayu mengatakan:

“Bagai menghela tali jala, rasa tegang dikendurkan,
rasa kendur ditegangkan.”

Maksudnya:

Bersikap bijak dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

5. Peribahasa Melayu mengatakan:

“Bagai menarik rambut dalam tepung, rambut jangan putus,
tepung jangan berserak.”

Maksudnya:

Bersikap bijaksana dalam menyelesaikan sesuatu masalah berbeza menyelesaikan sesuatu masalah dengan adil sehingga kedua-dua belah pihak berpuas hati.

B. MAKSUD

Berkeupayaan menyelesaikan masalah secara bijaksana dengan berpandukan nilai-nilai universal dan prinsip keadilan sejagat.

C. HURAIAN

Kehidupan manusia tidak pernah sunyi dari dirundung masalah dan cabaran. Justeru, perlu ada kemahiran dalam mengurus dan menyelesaikan permasalahan yang dihadapi bagi memastikan kelangsungan hidup yang sejahtera.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Strategi Tariq ibn Ziyad Semasa Pembukaan al-Andalus

Tariq ibn Ziyad (620-720M) adalah salah seorang tokoh panglima perang Islam yang banyak memberi sumbangan kepada kegemilangan Islam. Beliau pada asalnya adalah seorang hamba yang kemudiannya dibebaskan dan dilantik menjadi panglima perang oleh Musa ibn Nusayr. Kemahiran dan kepintaran Tariq dalam mengatur strategi peperangan dapat dilihat dalam siri pertempuran beliau termasuklah ketika pembukaan Andalus.

Sebelum Andalus dikuasai oleh Islam, tanah tersebut dikuasai oleh seorang raja yang zalim dan dibenci oleh rakyatnya sendiri iaitu Raja Roderick. Berita tentang keadilan Umat Islam dikatakan telah masyhur dalam kalangan masyarakat seberang selat Gibraltar ini sehingga orang-orang al-Andalus meminta pertolongan dan memberi jalan kepada tentera Islam untuk menggulingkan Roderick dan membebaskan mereka daripada kezaliman. Mendengar hal itu, Roderick bersama 100,000 pasukan tentera dengan peralatan lengkap telah bersiap sedia bagi menghadapi kemaraan tentera Islam.

Tariq ketika melancarkan serangannya, telah mengatur strategi dengan membahagikan pasukan tentera Islam kepada dua kumpulan. Pasukan pertama diletakkan di dataran tinggi bahagian selatan di sekitar lereng dan telaga. Manakala pasukan kedua pula ditempatkan di sekitar Pantai Traducta Julia sebagai barisan pertahanan dan perlindungan kepada pasukan pertama. Pembentukan strategi ini adalah bertujuan untuk melindungi Thariq dan pasukannya jika Roderick melancarkan serangan. Akhirnya peperangan tamat dengan kemenangan berpihak kepada Tariq ibn Ziyad yang begitu bijak dalam mengatur strategi pertahanan. Kemenangan ini juga menjadi penerus kepada tersebarnya kuasa Islam di al-Andalus. Mereka bukan sahaja berjaya mengalahkan pemerintah yang zalim, malah turut berhasil menyampaikan dakwah bahawa Islam adalah agama yang mulia dan memuliakan manusia tanpa mengira status, bangsa dan warna kulit. Musa dan Tariq juga telah berjaya menanam nilai tauhid dalam jiwa rakyat Andalusia serta memurnikan penyembahan hanya kepada Allah SWT semata-mata.

E. CADANGAN

- i. Menyuburkan budaya membuat keputusan bersama (*musyawarah*) dalam membuat sebarang keputusan.
- ii. Membina modul latihan kemahiran penyelesaian masalah.

6.6

PENGUKURAN BERTERUSAN SECARA SAINTIFIK

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوا اللّٰهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَّاتَّقُوا
اللّٰهَ ۚ اِنَّ اللّٰهَ خَبِيْرٌۢ بِمَا تَعْمَلُوْنَ ﴿١٨﴾ وَلَا تَكُوْنُوْا كَالَّذِيْنَ نَسُوا اللّٰهَ
فَاَنْسَهُمْ اَنْفُسَهُمْ ۗ اُولٰٓئِكَ هُمُ الْفٰسِقُوْنَ ﴿١٩﴾

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya; dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang telah ia sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (Hari Akhirat). Dan (sekali lagi dingatkan): Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan. Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang telah melupakan (perintah-perintah) Allah, lalu Allah menjadikan mereka melupakan (amal-amal yang baik untuk menyelamatkan) diri mereka. Mereka itulah orang-orang yang fasik (derhaka). (Surah al-Hashr, 59:18-19).

2. Sayyidina ‘Umar ibn al-Khattab RA berkata:

حٰسِبُوْا اَنْفُسَكُمْ قَبْلَ اَنْ تُحٰسِبُوْا، وَزِنُوْا اَنْفُسَكُمْ قَبْلَ اَنْ تُوزَنُوْا، فَاِنَّهٗ اَخْفُ
عَلَيْكُمْ فِى الْحِسَابِ غَدًا اَنْ تُحٰسِبُوْا اَنْفُسَكُمْ الْيَوْمَ وَتُرِيْتُوْا لِلْعَرْضِ الْاَكْبَرِ،
كَذَا الْاَكْبَرِ يَوْمَئِذٍ تُعْرَضُوْنَ لَا تَحْفَىٰ مِنْكُمْ خَافِيَةٌ

Maksudnya:

Hisablah diri kamu sebelum kamu dihisabkan, dan timbanglah sebelum kamu ditimbang supaya ia lebih mudah bagi kamu semua di hari hisab kelak, untuk menghisab diri kamu pada hari ini; persiapkanlah diri kamu untuk pertemuan yang lebih besar ketika saat amalan-amalanmu dipamerkan dan tidak sedikit pun yang dapat disembunyikan darimu (Ibn Kathir, *Musnad al-Faruq*, jil. 2, hlm. 168).

B. MAKSUD

Semua gerak kerja yang dilaksanakan hendaklah diukur dan dinilai dari semasa ke semasa untuk mengenalpasti sejauhmana pencapaiannya untuk penambahbaikan.

C. HURAIAN

Aspek kualiti hendaklah diberi penekanan dalam setiap amalan. Oleh itu perlu ada penilaian dan pengukuran saintifik untuk menentukan tahap kesahan dan keberkesanan sesuatu amalan yang dilakukan.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Indeks Amalan Sosio Taqwa Negeri Kelantan

Hasil Indeks Indikator Amalan Sosio Taqwa Rakyat Negeri Kelantan mendapati masyarakat umumnya berada pada tahap 6.25 (baik) dari sudut nilai-nilai ketaqwaan. Kajian ini dibuat hasil kerjasama kumpulan pakar ilmunan dan perunding luar. Antara nilai yang dilihat ialah amalan ibadah, budaya Islami, ekonomi, pendidikan, pentadbiran dan kemasyarakatan. Indeks ini boleh dijadikan model penilaian secara berterusan bagi menggambarkan keadaan sebenar masyarakat.

E. CADANGAN

- i. Mewujudkan kecenderungan budaya saintifik dalam setiap gerak kerja.
- ii. Menyemarakkan program yang berorientasikan “*output*” (hasil).

PRINSIP 7

KEBERSAMAAN TANGGUNGJAWAB

INDIVIDU YANG MENYEDARI SIFAT KEBERTANGGUNGJAWABAN DALAM
MEMBANGUNKAN DIRI DAN MASYARAKAT SECARA BERSAMA

AMALAN TERBAIK



HASIL PELAKSANAAN

1. Kemahiran keibubapaan yang positif dalam pembangunan jati diri dan kementerian anak-anak.
2. Perkongsian tanggungjawab sosial dalam kemajuan pendidikan masyarakat.
3. Berkelayakan dan kompeten dalam memimpin institusi pendidikan.
4. Kesungguhan menjiwai dunia pendidikan.
5. Keupayaan menjana sumber kewangan dan pengurusan perbelanjaan secara berhemah.
6. Hubungan baik sesama organisasi di peringkat negeri dan persekutuan.

RUJUKAN AMALAN TERBAIK

7.1

KEUTAMAAN PERANAN IBU BAPA

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوًا أَنفُسِكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka. (Surah al-Tahrim, 66: 6).

2. Daripada Abu Hurayrah RA:

قال النبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ما من مولودٍ إلا يولدُ على الفِطْرَةِ، فأبواه يُهودونه أو يُنصرانه أو يُمجسانه

Maksudnya:

Nabi SAW bersabda, “Tidak ada seorang anak yang lahir melainkan dalam keadaan fitrah. Maka kedua orang tuanya yang menjadikannya Yahudi, atau Nasrani, atau Majusi.” (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Jana’iz, Bab Idha Aslam Asbiy Faqamat Hal Yusalla ‘alayh).

3. Peribahasa Melayu mengatakan:

“Melentur buluh biarlah dari rebungnya.”

Maksudnya:

Mendidik anak biarlah semenjak dari awal usia.

4. Peribahasa Melayu mengatakan:

“Bagaimana acuan begitulah kuihnya / Bagaimana rupa begitulah bayangnya.”

Maksudnya:

Bagaimana kelakuan ibu bapa begitulah juga kelakuan anaknya.

5. Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia (UDHR), Fasal 26, Majlis Umum PBB 1948:

- a. Setiap orang berhak atas pendidikan
- b. Pendidik harus diarahkan kepada perkembangan sepenuhnya dari keperibadian kemanusiaan.
- c. Ibu bapa/penjaga berhak untuk terlebih dahulu memilih jenis pendidikan yang harus diberikan kepada anak-anak.

6. Konvensyen Hak Kanak-Kanak Kebangsaan (SUHAKAM) 2005, Perkara 8(2) menyatakan:

Negara-negara pihak hendaklah menggunakan usaha terbaik mereka untuk memastikan pengiktirafan prinsip bahawa kedua-dua ibubapa mempunyai tanggungjawab bersama bagi didikan dan perkembangan kanak-kanak.

Ibubapa atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, penjaga di sisi undang-undang mempunyai tanggungjawab utama bagi didikan dan perkembangan kanak-kanak. Kepentingan terbaik kanak-kanak akan menjadi perhatian asas.

B. MAKSUD

Peranan ibu bapa dalam pendidikan diperkukuhkan semula sebagai peranan utama selepas guru. Pemerikasaan institusi kekeluargaan ini wajar menjadi keutamaan dalam proses pendidikan khususnya pada peringkat awal kanak-kanak.

C. HURAIAN

Dalam sistem dan budaya pendidikan hari ini peranan guru seolah-olah telah mengambil alih peranan ibu bapa menyebabkan anak-anak tidak mendapat pendidikan yang sempurna. Sebenarnya, peranan guru hanya terhad dalam waktu formal, kawasan sekolah dan dalam tempoh masa selama lebih kurang lima hingga enam jam sahaja. Selebihnya adalah menjadi tanggungjawab ibu

bapa untuk membentuk kehidupan seseorang pelajar. Kecuaian ibu bapa dalam memandu dan mendidik anak-anak mereka dengan pendidikan yang baik, atas alasan kesibukan ibu bapa dan menyerahkannya kepada guru menyebabkan mereka kerugian masa yang sangat berharga bersama anak-anak. Institusi kekeluargaan perlu dibangunkan dan dijadikan aspek utama dalam komuniti agar mereka menyedari kepentingan dan tanggungjawab tersebut.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Intisari Wasiat Luqman al-Hakim

Wasiat Luqman al-Hakim kepada anaknya yang direkodkan dalam al-Quran adalah contoh terbaik kepada ibu bapa sebagai modul bagi mendidik anak-anak. Perkara utama yang ditekankan oleh Luqman dalam mendidik anak-anak adalah penekanan terhadap ilmu pengetahuan, keteguhan akidah, adab dalam bersosial serta pengukuhan jati diri sebagai anak, manusia dan hamba Allah. Persoalan akidah dan ibadat utama seperti solat perlu didahulukan sebelum mendidik anak-anak dengan nilai yang lain seperti sabar, sentiasa merendah diri dan tidak sombong, bersederhana dalam percakapan, serta mengerjakan amalan kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Peranan aktif dalam kalangan ibu bapa akan berhasil melahirkan anak-anak yang berjiwa muslim secara profesional dan praktikal.

E. CADANGAN

- i. Menggalakkan penyertaan aktif ibu bapa dalam aktiviti persekolahan.
- ii. Penglibatan majikan dalam latihan keibubapaan di tempat kerja dan menjadi penyelesaian dalam sebahagian urusan sosial kekeluargaan.
- iii. Mewujudkan Pusat Pembangunan Keluarga di setiap kampung atau mukim dengan kerjasama sekolah.
- iv. Kesedaran pendidikan pemakanan, emosi dan bimbingan kaunseling kanak-kanak.

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya:

Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. (Surah al-Ma'idah, 5: 2).

2. Peribahasa Melayu mengatakan:

“Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat.”

Maksudnya:

Kata sepakat dalam sesuatu perkara adalah bergantung kepada kesatuan yang ada.

3. Peribahasa Melayu mengatakan:

“Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing.”

Maksudnya:

Bersama-sama dalam menghadapi dan mengerjakan sesuatu pekerjaan.

B. MAKSUD

Kemajuan masa depan pendidikan bergantung kepada kerjasama dan kesungguhan antara institusi masyarakat, swasta dan pihak kerajaan yang mempunyai pengaruh besar dalam dasar pendidikan.

C. HURAIAN

Tanggungjawab pendidikan bukan hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata tetapi turut dibangunkan dan dimajukan oleh pihak swasta dan masyarakat. Kerajaan berperanan dalam menentukan dasar yang baik, berkeadilan dan mengutamakan pembangunan insan. Perincian tanggungjawab boleh dilihat dalam aspek pengawalan dan penguatkuasaan perundangan pendidikan, pembangunan sistem, penggajian, pembiayaan, pembangunan latihan dan kemahiran, pembentukan peribadi pelajar, penilaian dan pengiktirafan. Kehadiran dan peranan kerajaan sebagai pemberi pendidikan tidak seharusnya menjadi pesaing kepada pemberi pendidikan yang lain.

Ketiga-tiga pihak perlu menyedari seperti berikut:

- i. **Kerajaan:** Kekuasaan adalah milik masyarakat yang memberikan kepercayaan.
- ii. **Masyarakat:** Tanggungjawab ke atas hak individu secara bersama.
- iii. **Swasta:** Tidak melupai tanggungjawab sosial dalam mencari keuntungan.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Kerajaan Saljuq semasa Pemerintahan Nizam al-Mulk

Nizam Al-Mulk adalah merupakan seorang pemerintah yang terkenal dalam kerajaan Saljuq iaitu sebuah kerajaan dalam Kerajaan 'Abbsiyyah. Kegemilangannya tidak menjejaskan peranan sekolah milik masyarakat kerana ianya diperlukan oleh kerajaan pada masa tersebut. Malah kedudukannya sebagai *wazir* sangat terkenal sebagai seorang yang suka menyebarkan keadilan dan keamanan serta banyak menubuhkan madrasah dan masjid-masjid sebagai institusi keilmuan. Sebagai orang yang terlibat dengan politik atau lebih tepat lagi sebagai wakil bagi kerajaan, Nizam al-Mulk telah banyak memberi sumbangan kepada rakyat dari pelbagai segi. Antaranya ialah:

- i. **Ekonomi:** Beliau telah menghapuskan sistem pajak yang tidak bertepatan dengan syariat.
- ii. **Pembangunan:** beliau telah memperluas Masjid al-Haram dan meningkatkan kemudahan bagi jemaah haji.
- iii. **Pendidikan:** beliau telah mendirikan Madrasah Nizamiyyah pada tahun 1607 di Baghdad dengan menjadikan al-Quran, sunnah, sirah Nabi SAW serta ilmu hisab sebagai kurikulum asasnya. Ilmu *fiqh* juga turut

menjadi keutamaan memandangkan Madrasah Nizamiyyah ketika itu cenderung kepada *fiqh* Imam Shafi'i.

Sebagai seorang ahli politik yang bijak dan mementingkan ilmu pengetahuan, Nizam al-Mulk telah mempromosikan pembelajaran dan pengetahuan ke seluruh pelusuk kerajaan ketika itu. Bahkan beliau memperluas fungsi madrasah dan masjid menjadi pusat ilmu, budaya, seni Islam serta perdagangan. Nizam al-Mulk juga menggalakkan rakyat supaya belajar dan membaca sehingga kemudiannya Madrasah Nizamiyyah telah dibuka ke beberapa cawangan sekitar negara ketika itu. Beliau tidak teragak-agak untuk mengeluarkan belanja yang besar daripada dana kerajaan demi kepentingan dan kemajuan pendidikan.

Hasilnya, Madrasah Nizamiyyah telah banyak memberi pengaruh kepada masyarakat baik dari sudut politik, ekonomi, dan juga sosial serta keagamaan. Maka tidak hairanlah sehingga kini madrasah ini masih lagi dijadikan sebagai inspirasi dan prototaip oleh madrasah-madrasah Islam serta lembaga pendidikan sekarang.

E. CADANGAN

- i. Mengiktiraf dan membantu sistem pendidikan milik masyarakat dan swasta seiring dengan peranan kerajaan seperti yang sedang diusahakan oleh sekolah persendirian, lembaga pengelola sekolah, badan bukan kerajaan, badan dakwah dan individu.
- ii. Pengukuhan Jaringan Pendidikan Masyarakat seperti Pusat Pembangunan Pondok Berhad, Majlis Pengetua Sekolah-Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Negeri, Persatuan Sekolah-Sekolah Persendirian Kelantan (PERSIAP), Ikram-Musleh, Yayasan Takmir Pendidikan, Persatuan Maahad Tahfiz (PERMATA) dan SRITI Cawangan Kelantan dan setiap lembaga pengelola sekolah.
- iii. Bantuan latihan kepada guru dan pelajar Sekolah Persendirian dan milik masyarakat.

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَكُمْ هُزُوءًا وَلَعِبًا مِّنَ
الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِن قَبْلِكُمْ وَالْكَفَّارَ أَوْلِيَاءَ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ
كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

Maksudnya:

Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang yang menjadikan agama kamu sebagai ejek-ejekan dan permainan dari orang yang telah diberikan Kitab sebelum kamu, dan orang kafir menjadi penolong; dan bertakwalah kepada Allah, jika kamu benar-benar beriman. (Surah al-Ma'idah, 5: 57).

2. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ
النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ
سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat. (Surah al-Nisa', 4: 58).

3. Daripada Umm al-Hasin al-Mahsiyyah RA:

وَلَوْ اسْتُعْمِلَ عَلَيْكُمْ عَبْدٌ يَقُودُكُمْ بِكِتَابِ اللَّهِ، فَاسْمَعُوا لَهُ وَأَطِيعُوا

Maksudnya:

Sekalipun hanya seorang hamba yang dijadikan pemimpin yang memerintah kamu tetapi sesuai dengan kitabullah, maka hendaklah kamu dengar dan mentaatinya. (Muslim, *Sahih al-Muslim*, Kitab al-Imarah, Bab Wujub Ta'at al-Umara' fi Ghayr Ma'siyyat wa Tahrimuha fi Ma'siyyat).

3. Peribahasa Melayu mengatakan:

“Pemimpin yang baik ibarat kayu besar di tengah padang, tempat bernaung ketika panas, tempat berlindung ketika hujan.”

Maksudnya:

Pemimpin sentiasa menjadi penaung dan pelindung pada pimpinannya.

B. MAKSUD

Barisan kepimpinan dan pentadbiran pendidikan yang dilantik mestilah individu yang berwibawa, kompeten, berkebolehan dan memenuhi kelayakan yang diperlukan.

C. HURAIAN

Sesebuah institusi pendidikan perlu dipimpin oleh mereka yang berkelayakan, dipilih dan dilantik secara telus. Sebarang kesilapan dalam proses pemilihan pemimpin pendidikan boleh merugikan perjalanan pendidikan yang sentiasa bersaing pada masa depan. Kekuatan pemimpin untuk mentadbir institusi pendidikan bukan terletak kepada pemerhatian mata kasar dari sudut kepetahan percakapan dan populariti dan pengaruh dalam masyarakat sahaja. Sebaliknya ia banyak bergantung kepada keupayaan individu, pengalaman berorganisasi, latihan kepimpinan yang dilalui dan pembuktian cabaran dalam menyelesaikan masalah pendidikan.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Pendidikan Rasulullah SAW kepada Para Sahabat Baginda

Rasulullah SAW adalah merupakan guru dan contoh teladan yang terbaik untuk seluruh manusia. Keperibadian dan kepimpinan Baginda SAW yang begitu sempurna menjadikan Baginda SAW sebagai model yang wajar untuk diikuti oleh setiap pendidik. Dasar utama yang menjadi teras dalam pendidikan Rasulullah SAW kepada para sahabat ialah al-Quran dan *hadith*. Antara metod pendekatan yang digunakan oleh Baginda SAW ialah:

- i. Membina interaksi dan hubungan komunikasi yang baik.
- ii. Berdialog dan berkongsi pandangan dengan meraikan perbezaan sosial.
- iii. Teguran secara berhikmah dan kasih sayang.
- iv. Tidak memarahi dan tidak mencela.
- v. Perbetulkan kesalahan dengan berlemah lembut dan bijaksana.
- vi. Menunjukkan contoh dan pengaruh yang positif.
- vii. Memlilih waktu yang sesuai dan tidak membosankan.

Pendekatan ini sangatlah wajar untuk dihayati oleh para pendidik sebagai langkah pertama sebelum mengaplikasikannya dalam pembelajaran dan pengajaran.

E. CADANGAN

- i. Setiap pemimpin dan pentadbir pendidikan perlu melalui latihan kepemimpinan pendidikan yang mencukupi.
- ii. Kelayakan sebagai seorang pemimpin hendaklah meliputi setiap komponen kompetensi pemimpin pendidikan.
- iii. Keperluan pendidik mempunyai sekurang-kurangnya tiga modul latihan kepemimpinan jangka panjang seperti Modul Asas Kepemimpinan, Modul Kepemimpinan Lanjutan dan Modul Kepemimpinan Utama.

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۗ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya:

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat, “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.” Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata), “Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?” Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.” (Surah al-Baqarah, 2: 30).

2. Sejarah latar belakang pendidikan Nizam al-Mulk sebelum menjadi pentadbir dan perdana menteri kerajaan Saljuk. Iaitu beliau sangat cintakan ilmu dan jiwanya sentiasa dekat dengan ilmu sehingga bila masuk ke dalam pentadbiran beliau sedaya upaya cuba melestarikan pendidikan dengan penubuhan masjid-masjid serta madrasah yang menjadi pusat penyebaran ilmu. (Sirah Islam).

B. MAKSUD

Seseorang yang terlibat dalam pentadbiran pendidikan perlu menjiwai dan memahami dunia pendidikan yang menekankan proses pembangunan insan secara menyeluruh.

C. HURAIAN

Mereka yang terlibat dalam pentadbiran pendidikan dan bukan berasal dalam organisasi sekolah seharusnya menghayati kepentingan matlamat pendidikan dalam urusan kerja harian.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Kenyataan Wakaf Nizam al-Mulk

Pembangunan Madrasah Nizamiyyah adalah berasaskan kepada harta wakaf yang berada di bawah kuasa urus tadbir Nizam al-Mulk selaku pengasasnya. Untuk itu, beliau dalam suatu kenyataan rasmi telah menetapkan beberapa syarat dan garis panduan kepada sistem pengurusan madrasah tersebut. Syarat-syarat tersebut merangkumi urusan penyeliaan madrasah, pegangan akidah dan kecenderungan *fiqh* yang dibenarkan, kategori pengajar yang diperlukan, penyelarasan harta wakaf dan lain-lain. Antara kandungan utama kenyataan wakaf Nizam al-Mulk terhadap Madrasah Nizamiyyah ialah:

- i. Nizam al-Mulk dan anak-anaknya serta penggantinya bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penyeliaan Madrasah Nizamiyyah dan sumber wakafnya.
- ii. Wakaf Madrasah Nizamiyyah adalah diperuntukkan manfaatnya secara khusus bagi setiap anggota yang mempunyai kecenderungan kepada aliran Mazhab Shafi'i sama ada dari sudut *usul al-fiqh* ataupun *fiqh*.
- iii. Jawatan-jawatan berikut perlu diisi oleh kumpulan ilmunan yang mendukung Mazhab Shafi'i sama ada dalam *usul al-fiqh* atau *fiqh*; iaitu *Mudarris* (pengajar, khususnya ilmunan *fiqh*), *Wa'iz* (pembimbing), dan *Khazin* atau *Ami'n* (penyelia perpustakaan).
- iv. Setiap Madrasah Nizamiyyah perlu mempunyai ilmunan al-Quran untuk mengajar segala ilmu berkaitan dengan al-Quran.
- v. Setiap Madrasah Nizamiyyah juga perlu memiliki ilmunan Bahasa Arab untuk mengajar ilmu-ilmu yang berkaitan dengan Bahasa Arab.
- vi. Setiap anggota Madrasah Nizamiyyah layak dan harus menerima bahagian-bahagian yang bersesuaian daripada wakaf Madrasah Nizamiyyah yang diagihkan.

Kenyataan rasmi Nizam al-Mulk berkenaan wakaf ini adalah bertujuan untuk menjamin kelancaran pengurusan Madrasah Nizamiyyah dalam usaha untuk melestarikan aktiviti penyebaran ilmu yang berlangsung di madrasah

tersebut. Ini kerana jiwa pentadbir yang ada pada diri Nizam al-Mulk sangat dekat dan cinta akan ilmu dan pendidikan.

E. CADANGAN

- i. Pemilihan Pemimpin, Pengetua, Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengerusi sesebuah organisasi besar dalam pendidikan hendaklah dalam kalangan mereka yang menjiwai dalam bidang pendidikan.
- ii. Menggalakkan penglibatan pegawai bukan pendidikan dalam aspek bukan pengajaran seperti pembangunan makro pendidikan.
- iii. Tanggungjawab kepimpinan, pengurusan dan kepegawaian negeri hendaklah dilibatkan bersama dalam pembangunan pendidikan secara tidak langsung.

7.5

KELESTARIAN PENGURUSAN DANA

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya:

Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya. (Surah al-Baqarah, 2: 261).

2. Firman Allah SWT:

وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَثْبِيتًا مِّنْ
أَنْفُسِهِمْ كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَآتَتْ أُكُلَهَا ضِعْفَيْنِ
فَإِن لَّمْ يُمْسِكْهَا وَابِلٌ فَطُلَّتْ وَأَلَّفُ اللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرًا

Maksudnya:

Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat akan apa yang kamu lakukan. (Surah al-Baqarah, 2: 265).

B. MAKSUD

Penjanaan dana pendidikan berasaskan pelbagai sumber seperti wakaf pendidikan, zakat, cukai, yuran dan derma secara telus. Di samping itu, pengurusan agihan yang menekankan pengurusan kewangan yang efisien, perbelanjaan berhemah dan akauntabiliti.

C. HURAIAN

Pembiayaan pendidikan berasaskan sumber wakaf perlu dibangunkan semula dengan penyesuaian aplikasi semasa yang melibatkan pendaftaran, perundangan, governan dan amalan terbaik terkini. Asas kepada pembangunan wakaf ialah perlu ada nilai pertambahan dan saham pelaburan yang kukuh tanpa statik. Pengagihan zakat asnaf dalam pendidikan perlu diperincikan selain *asnaf Fi Sabilillah*. Agihan percukaian bagi tujuan pendidikan juga perlu ditambahbaik dengan sistem kewangan pendidikan yang bersasaran untuk membangunkan insan. Manakala dalam konteks pengurusan kewangan, ia perlu dibantu oleh akauntan yang berkelayakan, penasihat dan pentadbir kewangan yang bertanggungjawab dan sangat menghayati keterhadan sumber pendidikan dengan mematuhi peruntukan perbelanjaan dan saluran yang betul.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

i. Universiti al-Azhar sebagai Insitusi Wakaf

Institusi wakaf adalah merupakan salah satu institusi sosial yang dimanfaatkan sebagai pembiayaan kepada projek kebajikan yang menguntungkan bagi pembangunan masyarakat Islam. Antaranya termasuklah wakaf pendidikan sepertimana penubuhan Universiti al-Azhar di Mesir. Bermula dengan sebuah masjid, universiti ini adalah merupakan sebuah Institusi Pendidikan Wakaf (IPW) yang terulung dibina oleh Kerajaan Fatimiyyah pada tahun 975M dan dibangunkan semula pada tahun 1960 oleh Kerajaan Mesir sehingga menjadi sebuah universiti yang tersohor di dunia sehingga hari ini.

Universiti al-Azhar yang dibina semenjak 1000 tahun yang lalu ini telah menyediakan peluang pendidikan secara percuma kepada semua pelajar Islam dengan pengurusan dan perbelanjaannya ditanggung dengan menggunakan wang sumbangan wakaf tanpa sebarang yuran dikenakan. Pengurusan dana wakaf pendidikan ini telah melahirkan ramai ilmuan Islam dan pakar-pakar yang tersohor. Para graduannya yang datang daripada pelbagai negara pula keluar sebagai duta al-Azhar yang secara tidak langsung membantu umat Islam untuk lebih menghayati nilai-nilai Islam.

ii. Model Pengurusan Gontor

Di Indonesia, kegiatan wakaf turut melambangkan pengembangan tahap dakwah di nusantara ini. Pentadbiran dan pengurusan dana wakaf di Indonesia berkembang dengan agak pesat dengan adanya Tabung Wakaf Indonesia (TWI) yang bertindak sebagai nazir atau pengurus harta wakaf termasuklah wakaf pendidikan. Pondok Moden Darussalam atau dikenali juga sebagai Pondok Gontor adalah antara salah satu pondok dan yang berada di bawah kelolaan badan pengurusan wakaf Indonesia. Dalam pelaksanaan pentadbiran dan pengurusannya, Badan Wakaf adalah merupakan lembaga yang tertinggi yang berkuasa dalam segala perkara secara keseluruhan terutamanya dalam aspek pendidikan dan pengajaran di pondok tersebut.

Badan wakaf ini mula ditubuhkan pada 12 Oktober 1958 iaitu ketika Pondok Gontor yang sebelum ini hak milik peribadi keluarga Kiyai Santono Anom Besari telah diwakafkan kepada umat Islam. Proses perpindahan hak milik ini secara tidak langsung telah membentuk Lembaga Badan Wakaf yang diamanahkan kepada seramai 15 orang alumni yang benar-benar memahami dasar serta matlamat penubuhan pondok tersebut. Setiap lima tahun, seramai tiga orang daripada ahli Lembaga Badan Wakaf ini akan dipilih bagi memimpin pengurusan seluruh ahli lembaga pentadbiran di pondok ini. Manakala ahli-ahli yang lain pula akan bertanggungjawab terhadap kepimpinan dan pengurusan pendidikan serta pengajaran di pondok. Selain

itu, Badan Wakaf juga turut bertindak sebagai pemantau bagi segala aktiviti di Pondok Gontor termasuklah dalam urusan pendidikan dan pengajaran, prasarana dan sarana, pengagihan dan pengurusan dana, pengkaderan serta kesejahteraan dan kelangsungan pondok ini.

iii. Pengurusan Masjid di Singapura

Sistem wakaf turut diaplikasikan dalam sistem pengurusan dan pentadbiran masjid-masjid di Singapura. Pengurusan Masjid di Singapura akan membuat potongan gaji pekerja sebagai dana/sumbangan wakaf bagi setiap pekerja kerajaan mereka mengikut kadar gaji individu. Dana ini kemudiannya akan digunakan bagi menampung program pembangunan kemasyarakatan, aktiviti-aktiviti atau program keagamaan serta apa-apa perkara yang melibatkan aktiviti sosial dan keilmuan di sana. Hal yang sama boleh dilihat sepertimana yang pernah dilaksanakan oleh Sayyidina 'Umar suatu masa dahulu.

E. CADANGAN

- i. Wakaf korporat pendidikan bagi syarikat milik agensi kerajaan negeri dan syarikat lain.
- ii. Pemilihan syarikat pelaburan pendidikan yang diyakini dan berpengalaman dalam bidang diceburi.
- iii. Penilaian semula fatwa zakat asnaf untuk pendidikan di bawah MAIK.
- iv. Peningkatan yuran pendidikan ibubapa sesuai dengan bebanan semasa di samping pendidikan percuma kepada pelajar dalam golongan miskin.
- v. Penglibatan syarikat, tokoh individu dan alumni dalam kemajuan sekolah.
- vi. Modal atau geran tahunan diberikan sebagai galakan kepada Lembaga Sekolah.

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ رَهِينَةٌ ﴿٣٨﴾

Maksudnya:

Tiap-tiap diri terikat, tidak terlepas daripada (balasan buruk bagi amal jahat) yang dikerjakannya. (Surah al-Muddaththir, 74: 38).

2. Peribahasa Melayu mengatakan:

“Kendur mengusut, tegang memutus.”

Maksudnya:

Pentadbiran yang kurang baik atau lemah akan menyebabkan kekacauan dan kalau keras akan menimbulkan kerusuhan.

B. MAKSUD

Usaha dan tanggungjawab bersama dalam bidang pendidikan antara entiti kerajaan negeri dengan kerajaan persekutuan bagi tujuan pengukuhan penyelarasan termasuk organisasi, kumpulan dan individu.

C. HURAIAN

Perkara yang berkaitan dengan agama termasuk institusi Pendidikan Islam adalah tanggungjawab kerajaan negeri. Manakala perkara yang berkaitan pendidikan adalah tanggungjawab persekutuan. Amalan yang sedang dilaksanakan hari ini ialah khususnya di Negeri Kelantan ialah kerajaan negeri bertanggungjawab sepenuhnya terhadap institusi pendidikan termasuk akademik. Keadaan ini telah membebankan negeri dan wujud ketidakseragaman dalam agihan kewangan pendidikan. Walaupun Kerajaan Persekutuan juga bertanggungjawab dalam pelajaran agama Islam formal dalam sistem pendidikan kebangsaan, namun bebanan tersebut hanya dalam aspek pembangunan mata pelajaran sahaja bukan institusi pendidikan secara keseluruhannya. Perkara lain yang sangat besar impaknya dalam mengambil

kira tanggungjawab pendidikan ialah tanggungjawab pengurusan sumber guru, pembangunan kurikulum, latihan guru dan pembangunan infrastruktur. Sesuai dengan semangat demokrasi dan kelebihan sistem pendidikan desentralisasi, kerajaan persekutuan perlu memperkukuh peranan negeri dalam merancang dan mengurus pendidikan.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Perlantikan Mu'az Sebagai Gabenor

Daripada Mu'az ibn Jabal RA:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ مَعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ فَقَالَ كَيْفَ تَقْضِي فَقَالَ أَقْضِي بِمَا فِي كِتَابِ اللَّهِ قَالَ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِي كِتَابِ اللَّهِ قَالَ فَبِسُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِي سُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَجْتَهِدُ رَأْيِي قَالَ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَ رَسُولَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya:

Nabi SAW mengutuskan Mu'az ke Yaman. Maka Nabi SAW bertanya kepadanya, "Bagaimana kamu akan memutuskan hukum apabila dibawa kepada kamu sesuatu permasalahan?". Mu'az menjawab: "Saya akan memutuskan hukum berdasarkan kitab Allah SWT". Nabi SAW bertanya lagi: "Sekiranya kamu tidak mendapatidi dalam kitab Allah?". Jawab Mu'az: "Saya akan memutuskan berdasarkan Sunnah." Tanya Nabi SAW lagi: "Sekiranya kamu tidak menemui di dalam Sunnah?". Mu'az menjawab: "Saya akan berijtihad dengan pandanganku. Nabi SAW pun bersabda: "Segala puji bagi Allah SWT yang telah memberi taufiq kepada utusan Rasulullah SAW." (Abu Dawud, *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-Aqdiyyun, Bab Ijtihad al-Ra'y fi al-Aqda').

E. CADANGAN

- i. Perkongsian pintar guru dan pelajar dalam memanfaatkan sumber daripada agensi persekutuan.
- ii. Menggalakkan kerjasama antara organisasi bawahan di bawah dua sistem organisasi pendidikan yang berbeza pentadbiran.

- iii. Galakan penggunaan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Universiti Awam dan Swasta kerana Kerajaan Negeri juga menerima pakai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dan lain-lain Pelan Tindakan sebagai rujukan dalam perancangan pendidikan di Kelantan.

PRINSIP 8

BERTEPATAN REALITI SEMASA

PENDIDIKAN YANG MELAHIRKAN INDIVIDU PEKA TERHADAP
PERKEMBANGAN TERKINI DAN BERGERAK SEIRING DENGAN ACUAN ISLAM

AMALAN TERBAIK

- 1. Kecukupan keperluan fardu kifayah dalam kehidupan**
- 2. Pengukuhan amalan pengajaran dan pembelajaran semasa**
- 3. Penggunaan teknologi terkini**
- 4. Cakna kepada realiti kehidupan**

HASIL PELAKSANAAN

- 1. Keperluan memenuhi tuntutan ilmu fardu kifayah bagi seorang Muslim**
- 2. Kemampuan menggunakan teknologi terkini**
- 3. Aplikasi kaedah pembelajaran semasa yang sesuai untuk pelajar**
- 4. Peka terhadap keperluan pelajar berdasarkan tuntutan semasa**

RUJUKAN AMALAN TERBAIK

8.1

KECUKUPAN KEPERLUAN FARDU KIFAYAH DALAM KEHIDUPAN

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Maksudnya:

Allah tidak membebankan seseorang melainkan apa yang sesuai terdaya olehnya. (Surah al-Baqarah, 2: 286).

2. Syed Qutb berkata:

كونوا ربانيين؛ منتسبين إلى الرب، عبادا له وعبيدا، توجهوا إليه وحده بالعبادة، وخذوا عنه وحده منهج حياتكم.

Maksudnya:

Rabbani diertikan dengan menyakini kita sebagai hamba-Nya, Allah itu sebagai Rabb. Ini berasaskan kepada apa yang telah dipelajari dalam al-Quran dan menjadikannya sebagai manhaj kehidupan (*Fi Zilal al-Quran*).

3. Al-Qurtubi berkata:

والربانيّ الذي يجمع إلى العلم البصر بالسياسة.

Maksudnya:

Rabbani ialah orang yang mampu menghimpunkan bersama ilmu yang dimilikinya dan kemampuan untuk memahami siasah semasa (*Al-Jami' al-Ahkam fi al-Quran*).

B. MAKSUD

Bidang-bidang ilmu yang perlu dipelajari bagi memenuhi tuntutan keperluan masyarakat.

C. HURAIAN

Ilmu yang dipelajari perlu memenuhi tuntutan semasa masyarakat agar segala keperluan masyarakat dapat dipenuhi. Ia juga menggambarkan kecukupan yang selalu berubah mengikut zaman dan keperluan masa hadapan. Ini bagi melengkapkan ilmu fardu ain dan memenuhi kepentingan masyarakat secara berhemat serta bijaksana.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

i. Meneladani Tokoh-tokoh Ilmuwan Islam

Tokoh-tokoh ilmuwan Islam mempunyai kepakaran dalam kedua-dua bidang ilmu fardu ain dan fardu kifayah seperti al-Ghazali (ulama, ahli tasawwuf, ahli falsafah dan pakar psikologi), Ibn Sina, al-Biruni, Ibn Haytham dan lain-lain.

ii. Universiti Cordova, Sepanyol

Pemerintahan Bani Umayyah di Cordova telah menunjukkan pengaruh peradaban Islam yang cukup menyerlah dalam proses pencarian ilmu yang selari dengan pembentukan keperibadian. Universiti Cordova menjadi jambatan kepada pelajar dari barat dan timur. 'Abd al-Rahman III (929-961M) telah membina Universiti Cordova sebagai pusat penyebaran ilmu pengetahuan. Antara pelajaran yang diperkenalkan ketika itu termasuklah bidang Undang-undang, Kimia, Falsafah dan Astronomi. Di sana juga terdapat banyak perpustakaan yang didirikan sehingga dirwayatkan terdapat ratusan ribu buku di perpustakaananya.

iii. Universiti Darussalam, Indonesia (UNIDA)

Universiti Darussalam Gontor atau singkatannya UNIDA, merupakan sebuah universiti yang ditubuhkan sekitar tahun 2014 sebagai sebuah institusi pengajian tinggi lanjutan kepada lepasan daripada Pondok Moden Darussalam Gontor. Sistem asrama yang terdapat di sini adalah unik kerana ianya adalah berasaskan kepada sistem pondok yang membentuk suatu tradisi keilmuan. Oleh itu segala kegiatan yang melibatkan pengajian, keagamaan termasuk solat berjemaah adalah di bawah pengurusan pihak universiti. Bahasa utama yang digunakan adalah Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab.

Selari dengan realiti semasa, program yang ada di sini adalah berfokus kepada penyepaduan ilmu agama dengan ilmu sains. Setiap kursus umum seperti kerja sosial, agroteknologi, pengurusan perniagaan dan sebagainya akan dikembarkan dengan mata pelajaran yang berhubung dengan agama seperti ilmu Hadith, Pengajian Al-Quran dan lain-lain bagi menjelaskan kepada para pelajar bahawa segala ilmu adalah berasal daripada Allah.

E. CADANGAN

- i. Mengkategorikan ilmu kepada kepada dua kelompok iaitu ilmu yang wajib dipelajari oleh semua individu (ilmu teras) dan ilmu yang boleh dipilih (ilmu elektif) untuk dipelajari oleh kelompok yang terpilih.
- ii. Menjadikan agenda penguasaan ilmu *fardu kifayah* sebagai satu agenda utama yang perlu dititikberatkan oleh pihak berwajib secara terancang dan sistematik.

8.2

PENGGUNAAN TEKNOLOGI TERKINI

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

مَثَلُ الَّذِينَ أَخَذُوا مِنَ دُونِ اللَّهِ أَوْلِيَاءَ كَمَثَلِ الْعَنْكَبُوتِ
 اتَّخَذَتْ بَيْتًا وَإِنَّ أَوْهَنَ الْبُيُوتِ لَبَيْتُ الْعَنْكَبُوتِ لَوْ كَانُوا
 يَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾ إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا يُدْعُونَ مِنْ دُونِهِ مِنْ شَيْءٍ
 وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٤٢﴾ وَتِلْكَ الْأَمْثَلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ وَمَا
 يَعْقِلُهَا إِلَّا الْعَالِمُونَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya:

Misal bandingan orang yang menjadikan benda-benda yang lain dari Allah sebagai pelindung (yang diharapkan pertolongan-Nya), adalah seperti labah-labah yang membuat sarang (untuk menjadi tempat perlindungannya); padahal sesungguhnya sarang yang sehabis-habis reput ialah sarang labah-labah, kalaulah mereka orang yang berpengetahuan.

Sesungguhnya Allah mengetahui (kepalsuan) apa jua yang mereka sembah yang lain daripada-Nya, dan Allah jualah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. Allah mencipta langit dan bumi dengan cara yang layak dan berhikmat; sesungguhnya yang demikian itu mengandungi satu tanda (yang membuktikan Kebijaksanaan Allah) bagi orang-orang yang beriman. (Surah al-'Ankabut, 29: 41-43).

2. Firman Allah SWT:

قَالَ الَّذِي عِنْدَهُ عِلْمٌ مِّنَ الْكِتَابِ أَنَا آتِيكَ بِهِ قَبْلَ أَنْ يَرْتَدَّ
إِلَيْكَ ظَرْفُكَ فَلَمَّا رآه مُسْتَقِرًّا عِنْدَهُ قَالَ هَذَا مِن فَضْلِ رَبِّي
لِيَبْلُوَنِي أَأَشْكُرُ أَمْ أَكْفُرُ وَمَن شَكَرَ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ ۗ وَمَن كَفَرَ
فَإِنَّ رَبِّي غَنِيٌّ كَرِيمٌ ﴿٤١﴾

Maksudnya:

Berkata pula seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan dari Kitab Allah: “Aku akan membawanya kepadamu dalam sekelip mata!”. Setelah Nabi Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di sisinya, ia berkata: “Ini ialah dari limpah kurnia Tuhanku, untuk mengujiku adakah aku bersyukur atau ingkar (dengan nikmat pemberian-Nya). Dan (sebenarnya) sesiapa yang bersyukur maka faedah syukurnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya, lagi Maha Pemurah.” (Surah al-Naml, 27: 40).

3. Firman Allah SWT:

يَمْعَشَرِ الْجِنَّ وَالْإِنْسِ إِنِ اسْتَطَعْتُمْ أَنْ تَنْفُذُوا مِنْ أَقْطَارِ السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ فَانْفُذُوا ۚ لَا تَنْفُذُونَ إِلَّا بِسُلْطَانٍ ﴿١٣﴾

Maksudnya:

Wahai sekalian jin dan manusia! Kalau kamu dapat menembus keluar dari kawasan langit dan bumi (untuk melarikan diri dari kekuasaan dan balasan Kami), maka cubalah kamu menembus

keluar. Kamu tidak akan menembus keluar melainkan dengan satu kekuasaan (yang mengatasi kekuasaan Kami; masakan dapat) (Surah al-Rahman, 55: 33).

4. Daripada Anas ibn Malik RA:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ بِقَوْمٍ يُلْقِحُونَ فَقَالَ لَوْ لَمْ تَفْعَلُوا لَصَلَحَ
قَالَ فَخَرَجَ شَيْصًا فَمَرَّ بِهِمْ فَقَالَ مَا لِنَخْلِكُمْ قَالُوا قُلْتَ كَذَا وَكَذَا قَالَ
أَنْتُمْ أَعْلَمُ بِأَمْرِ دُنْيَاكُمْ.

Maksudnya:

Bahawa Nabi SAW pernah melewati suatu kaum yang sedang mengahwinkan pohon kurma. Lalu baginda SAW bersabda: “Sekiranya mereka tidak melakukannya, kurma itu akan (tetap) baik.” Tapi setelah itu, ternyata kurma tersebut tumbuh dalam keadaan rosak. Hingga suatu ketika, Nabi SAW melewati mereka lagi dan melihat hal itu. Baginda SAW bertanya: “Ada apa dengan pohon kurma kalian?”. Mereka menjawab: “Bukankah tuan telah katakan hal ini dan itu? Baginda SAW lalu bersabda: “Kalian lebih mengetahui urusan dunia kalian” (Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Fada’il, Bab Wujub Imtiithal ma Qalahu Shar’an, no. hadith: 2363).

B. MAKSUD

Memanfaatkan penggunaan teknologi terkini bagi meningkatkan mutu, memantapkan kecekapan dan keberkesanan dalam memenuhi keperluan hidup.

C. HURAIAN

Teknologi merupakan aplikasi pengetahuan sains yang boleh dimanfaatkan dalam mengurus dan menyelesaikan masalah kehidupan seharian manusia. Kemahiran menggunakan teknologi terkini perlu dikuasai untuk meningkatkan kualiti hidup.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Negara Jerman dan Jepun adalah antara negara yang paling maju dalam mengaplikasikan teknologi terkini dalam sistem pendidikan mereka. Bahkan Kementerian Teknologi dan Maklumat mereka memainkan peranan yang cukup penting dalam menyelaraskan sistem pendidikan mereka.

E. CADANGAN

- i. Mewujudkan mekanisme bagi tujuan meningkatkan pengetahuan dan penggunaan secara berterusan tentang perkembangan teknologi terkini.
- ii. Mewujudkan kesedaran perlunya pengawalan penggunaan teknologi secara sistematik bagi mengelakkan penyalahgunaan.

8.3

PENGUKUHAN AMALAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEMASA

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

كَمَا أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِّنكُمْ يَتْلُوا عَلَيْكُمْ آيَاتِنَا وَيُزَكِّيكُمْ
وَيُعَلِّمُكُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ ﴿١٥١﴾

Maksudnya:

(Nikmat berkiblatkan Kaabah yang Kami berikan kepada kamu itu), samalah seperti (nikmat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat), dan yang mengajarkan kamu kandungan Kitab (al-Quran) serta hikmat kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui. (Surah al-Baqarah, 2: 151).

2. Firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ
وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢﴾

Maksudnya:

Dialah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang yang 'ummiyyin, seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah, dan membersihkan mereka, serta mengajarkan mereka Kitab Allah (al-Quran) dan hikmah. Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata. (Surah al-Jumu'ah, 62: 2).

B. MAKSUD

Mengukuhkan sistem latihan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bertepatan dengan keperluan semasa.

C. HURAIAN

Pendidik perlu diberi latihan dengan pengetahuan dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran terkini secara berterusan bagi memastikan mutu pengajaran dan pembelajaran dapat diperkukuh dan dilaksana secara berkesan.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Konsep Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21)

Dalam proses pembelajaran pada abad ke-21, konsep 4C (*critical, collaborate, creative and communication*) dalam pembelajaran sudah tidak lagi relevan. Sebaliknya, pendidikan pada abad ini adalah menekankan kepada 6C dalam pembelajaran. Enam elemen yang terkandung dalam Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) atau 6C adalah merujuk kepada enam kemahiran yang perlu ada dan perlu diterapkan kepada para pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran sama ada di luar atau pun dalam bilik darjah.

Enam kemahiran yang terkandung dalam 6C, PAK-21 ialah:

1. *Critical Thinking* (Pemikiran Kritis), iaitu kemahiran yang membantu manusia menyelesaikan sesuatu masalah dengan berkesan dan menyesuaikan diri dengan persekitaran.
2. *Creative Thinking* (Pemikiran Kreatif), iaitu kecekapan menggunakan minda untuk menghasilkan idea yang baru, asli, luar biasa, pelbagai dan bernilai.
3. *Collaboration* (Kolaborasi), iaitu satu proses yang melibatkan kerjasama oleh beberapa individu dalam satu kumpulan bagi mencapai hasil yang diinginkan sekaligus melahirkan kepercayaan antara ahli-ahli yang terlibat.
4. *Communication* (Komunikasi), iaitu proses penyampaian maklumat, perkongsian pendapat dan interaksi antara dua belah pihak.
5. *Character* (Perwatakan), iaitu satu corak tingkah laku, fikiran dan perasaan berdasarkan prinsip-prinsip kekuatan moral dan integriti.
6. *Country* (Kenegaraan), iaitu sikap patriotisme dalam diri iaitu cinta kepada negara dan mempunyai identiti nasional.

E. CADANGAN

- i. Membina, melaksana dan memantau polisi serta panduan untuk memastikan keserasian dan kesesuaian teknologi pendidikan.
- ii. Menyedia dan memastikan bahawa para guru dan kakitangan mendapat peluang pembelajaran yang profesional dan berkualiti berasaskan teknologi.

8.4 CAKNA KEPADA REALITI KEHIDUPAN

A. SUMBER

1. Sayyidina 'Umar ibn al-Khattab RA berkata:

عَلِّمُوا أَوْلَادَكُمْ فَإِنَّهُمْ سَيَعِيشُ فِي زَمَانِهِمْ غَيْرَ زَمَانِكُمْ فَإِنَّهُمْ خُلِقَ لِرَمَانِهِمْ
وَنَحْنُ خُلِقْنَا لِرَمَانِنَا

Maksudnya:

Ajarlah anak-anakmu sesuai dengan zamannya kerana mereka hidup pada zaman mereka bukan zamanmu. Sesungguhnya mereka dilahirkan untuk zaman mereka, sedangkan kamu dilahirkan untuk zaman kamu.

2. Al-Baghawi berkata:

الربانيون الذين جمعوا مع العلم البصائر بسياسة الناس.

Maksudnya:

Rabbani adalah mereka yang dapat mengadunkan ilmu yang dimiliki dengan realiti kehidupan manusia. (*Ma'alim al-Tanzil*).

B. MAKSUD

Prihatin, peka, bertanggungjawab dan bertindak balas terhadap suasana dan perubahan semasa dalam masyarakat.

C. HURAIAN

Setiap anggota masyarakat perlu memahami kepelbagaian sosio-budaya dan ekonomi masyarakat serta sensitif kepada realiti semasa. Mereka hendaklah bersedia memikul tanggungjawab untuk berkhidmat kepada komuniti yang memerlukan dan berusaha menangani pelbagai masalah yang timbul.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Meneladani Keprihatinan Sayyidina 'Umar ibn al-Khattab

Sayyidina 'Umar ibn al-Khattab ketika beliau memegang jawatan sebagai khalifah tidak pernah mengabaikan tugas beliau dalam memastikan kemakmuran rakyatnya. Atas dasar cakna dan prihatin beliau terhadap kehidupan rakyatnya, setiap malam Sayyidina 'Umar RA akan membuat rondaan untuk melihat sendiri kehidupan seharian dan hal-hal yang berlaku dalam kalangan mereka. Pada suatu malam, beliau telah melewati sebuah rumah pondok dan terdengar perbualan di antara seorang gadis penjual susu dengan ibunya. Oleh kerana hasil susu kambing yang diperolehi mereka pada hari itu adalah sedikit, si ibu menyuruhnya supaya susu tersebut dicampurkan dengan air. Namun gadis tersebut membantah cadangan ibunya kerana perbuatan tersebut adalah satu penipuan dan tetap dilihat dan diketahui oleh

Allah SWT walaupun tersembunyi dari pandangan manusia. Biarpun hidup dalam keadaan miskin, menipu dalam hal jualan tetap menjadi suatu kesalahan yang besar. Si ibu terkejut dengan kata-kata anaknya lalu dia pun diam.

Mendengar perbualan itu, Sayyidina 'Umar berasa kagum dengan kejujuran gadis tersebut dalam jualan dan menyuruh pembantunya menandakan rumah tersebut untuk beliau kembali keesokan harinya. Keesokannya, Sayyidina 'Umar kembali bersama dengan anak lelakinya dan meminang gadis penjual susu tersebut sebagai menantu beliau. Ternyata sikap prihatin dan cakna yang dimiliki oleh Sayyidina 'Umar al-Khattab ini sangatlah wajar untuk diteladani oleh kita semua.

Kisah ini menjelaskan bahawa Sayyidina 'Umar RA adalah seorang yang cakna kepada realiti kehidupan yang ada iaitu suasana kehidupan masyarakat yang hidup dalam keadaan miskin dan sanggup untuk menipu perihal jualan mereka demi mendapatkan untung yang lebih lumayan. Kerana itu, beliau berasa kagum dengan sifat gadis tersebut yang jujur dan tidak bersetuju dengan cadangan ibunya yang jelas bercanggah dengan amalan jual beli dalam Islam.

E. CADANGAN

- i. Membina kerjasama strategik dengan badan-badan sukarela bagi memperkukuh nilai dan semangat kesukarelawanan dalam setiap anggota masyarakat.
- ii. Mewujudkan Kelab Amal Malaysia (KAM) di semua peringkat institusi pendidikan.

PRINSIP 9

KELESTARIAN ILMU

KUALITI PENDIDIKAN YANG MENEKANKAN KESAHIHAN SUMBER,
PENGINTEGRASIAN DAN PERUBAHAN DISIPLIN ILMU YANG BERTERUSAN

AMALAN TERBAIK

1. Penyepaduan akal dengan wahyu

2. Pengiktirafan sumbangan ilmuan silam

3. Pengintegrasian disiplin ilmu


4. Keperluan memenuhi fitrah manusia sejagat

5. Jaminan kesahihan sumber ilmu

6. Pendokumentasian ilmu

7. Pengawalseliaan kualiti institusi pendidikan

HASIL PELAKSANAAN



RUJUKAN AMALAN TERBAIK

9.1

PENYEPADUAN AKAL DENGAN WAHYU

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَحْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ
لِّأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿١٩٠﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya pada penciptaan langit dan bumi dan pertukaran malam dan siang, terdapat tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah) bagi orang yang berakal. (Surah Ali 'Imran, 3: 190).

2. M. Quraish Shihab berkata:

Terus menerus membahas dan mempelajari kitab suci kerana firman Allah luas kandungan maknanya sehingga semakin digali semakin banyak yang dapat diperoleh. Walaupun alam raya ciptaan-Nya tidak berubah, namun rahsia al-Quran tidak pernah berhenti, dari saat ke saat ditemui ilmu baru yang belum ditemui sebelum ini. (*Tafsir al-Misbah*).

B. MAKSUD

Akal dan ilmu berfungsi secara harmonis berpandukan sumber wahyu.

C. HURAIAN

Wahyu hendaklah memandu akal fikiran dalam memahami semua bidang ilmu. Ia hendaklah menjadi rujukan dalam proses mempelajari dan menghayati ilmu agar tidak terpesong dari landasan kebenaran yang hakiki.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Falsafah, Visi dan Misi USIM

Falsafah dasar USIM adalah tentang paduan di antara ilmu naqli dan aqli serta budi pekerti mulia yang menjadi teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu. Usaha misi bertekad untuk menjadi sebuah institusi ilmu terkehadapan yang berteraskan pengajian islam dan menjadi peneraju ilmu baharu yang menggunakan teknologi terkini.

Pengintegrasian ilmu naqli dan aqli dengan penjenamaan USIM ini dilaksanakan dengan menjadikan kurikulum naqli dan aqli yang unik sebagai teras pembelajaran dan pembelajaran dalam program akademik iaitu;

- i. Meningkatkan bilangan ahli akademik yang mempunyai elemen integrasi ilmu naqli dan aqli.
- ii. Meningkatkan penawaran program Pendidikan Sepanjang Hayat (PSH) bagi penjanaan pendapatan.
- iii. Pengantarabangsaan Peringkat Asia (Global Citizen & Global Prominence)

E. CADANGAN

- i. Membentuk modul latihan perguruan berkaitan pengislaman ilmu.
- ii. Memasukkan elemen naqli dan aqli secara bersepadu dalam proses pengajaran dan pembelajaran

9.2 PENGINTEGRASIAN DISIPLIN ILMU

A. SUMBER

Firman Allah SWT:

سَنُرِيهِمْ آيَاتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحَقُّ ۗ
أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿٥٦﴾

Maksudnya:

Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata kepada

mereka bahawa al-Quran adalah benar. Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belum cukupkah (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu? (Surah Fussilat, 41: 53).

B. MAKSUD

Merentas disiplin ilmu dan tiada pemisahan antara bidang.

C. HURAIAN

Hakikatnya disiplin ilmu adalah saling berkaitan antara satu sama lain. Bagi memahami sesuatu disiplin secara holistik, disiplin lain perlu dipelajari. Seseorang perlu memahami pelbagai disiplin ilmu untuk membolehkannya menyelesaikan sesuatu permasalahan dari pelbagai sudut. Konsep pengintegrasian disiplin ilmu yang lebih ampuh merangkumi beberapa elemen seperti falsafah, agama dan sains. Ia juga memberi maksud kombinasi dan penyepaduan antara ilmu ketuhanan, ilmu kemanusiaan dan ilmu sains tulen.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Model Graduan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Kurikulum pendidikan yang wujud di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah berjaya menghasilkan graduan yang berkebolehan dalam menguasai dan menyepadukan dua disiplin ilmu untuk diaplikasikan dalam kerjaya dan kehidupan.

Falsafah UIAM telah diilhamkan daripada saranan yang dibuat semasa Konvensyen Pendidikan Muslim Sedunia yang pertama di Mekah dalam tahun 1398 H (1977) diilhamkan berdasarkan kepada ayat al-Quran, khususnya ayat 1-5 Surah al-'Alaq, di mana setiap ilmu pengetahuan hendaklah disebarkan dalam semangat tauhid yang membawa kepada pengakuan bahawa Allah itu Esa, Maha Pencipta dan Tuhan sekalian alam. Kesemua cabang ilmu pengetahuan pula hendaklah mengarahkan kepada pengabdian kepada kebenaran. Ini kerana ilmu itu adalah amanah daripada Allah kepada manusia dan manusia hendaklah menggunakannya sebagaimana yang dikehendaki-Nya dalam menjalankan tugas sebagai hamba dan juga khalifah di muka bumi ini.

UIAM meletakkan visinya sebagai pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa dalam penyepaduan ilmu pengetahuan Islam di dalam semua disiplin dan mengembalikan peranan umat Islam dalam semua cabang ilmu pengetahuan. Visi ini diusahakan menerusi empat aspek penekanan melalui misi

universiti iaitu integrasi, pengislaman ilmu, pengantarabangsaan dan kecemerlangan menyeluruh (*Islamisation, intergration, internationalisation and comprehensive excellence - IIICE*).

E. CADANGAN

- i. Mewujudkan kursus dan mata pelajaran yang merentas kepelbagaian bidang ilmu.
- ii. Memasukkan nilai-nilai dan kemahiran insaniah ke dalam kurikulum.

9.3

KEPERLUAN MEMENUHI FITRAH MANUSIA SEJAGAT

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَٰلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya:

(Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) “Agama Allah”- iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. (Surah al-Rum, 30: 30).

2. Firman Allah SWT:

قُلْ كُلٌّ يَعْمَلُ عَلَىٰ شَاكِلَتِهِ فَرَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَنْ هُوَ أَهْدَىٰ سَبِيلًا ﴿١٤٤﴾

Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad), “Tiap-tiap seorang beramal menurut pembawaan jiwanya sendiri; maka Tuhan kamu lebih mengetahui siapakah (di antara kamu) yang lebih betul jalannya.” (Surah al-Isra’, 17: 84).

3. Dr. Imam Shaykh Mawlana ‘Ali Jumu‘ah berkata:

Akal jika tidak diisi dengan ilmu, maka akan terisi dengan ketaksuban.

B. MAKSUD

Manusia mempunyai potensi ingin mengetahui sesuatu yang ada di sekeliling mereka secara fitrah.

C. HURAIAN

Manusia mempunyai naluri ingin tahu semua maklumat berkaitan dengan kehidupan mereka tetapi keinginan ini tidak mampu dipenuhi melainkan mereka menguasai ilmu pengetahuan. Oleh yang demikian penguasaan ilmu adalah penting bertujuan menjaga kepentingan fitrah manusia yang meliputi lima perkara utama iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Model Pendidikan Montessori

Model yang dilihat terbaik untuk diaplikasikan ialah Model Pendidikan Montessori yang diasaskan oleh Maria Montessori (1952-1970). Meskipun sasaran utama model ini adalah pendidikan awal kanak-kanak, namun penyusunan kaedah-kaedah serta matlamat dalam model tersebut adalah sesuai dengan fitrah keperluan manusia. Montessori dalam kaedahnya menekankan pembelajaran pendidikan kepada tiga perkara iaitu,

- i. Menggunakan kaedah dan alatan bantu mengajar yang sesuai dengan tahap serta masalah pembelajaran pelajar.
- ii. Menekankan kaedah ‘*Sensory Teaching and Learning*’, iaitu mengutamakan latihan dengan menggunakan daya penglihatan, pendengaran dan sentuhan supaya para pelajar mendapat pengalaman dan lebih cekap menguasai deria mereka.

- iii. Mengaplikasikan idea “The part to Intellectual development is through the hand” sebagai tema terpenting kerana tingkah laku kanak-kanak yang merasakan benda dan persekitaran dengan tangan mereka secara semulajadinya adalah salah satu usaha dalam pembelajaran.

Matlamat utama pendidikan Montessori adalah untuk membolehkan perkembangan potensi dan pembelajaran para pelajar berlaku secara stabil dan menyeluruh khususnya dari aspek fizikal, emosi, intelek serta pergaulan sosial sesuai dengan suasana persekitaran para pelajar. Aspek-aspek ini adalah selari dengan keperluan pembangunan diri pelajar di samping memenuhi keperluan fitrah sejagat manusia.

E. CADANGAN

- i. Mewujudkan kurikulum pendidikan berasaskan kemahiran insaniah (soft skills), kebolehan, potensi dan bakat.
- ii. Membina persekitaran sokongan yang kuat dari pelbagai pihak.

9.4

PENGIKTIRAFAN SUMBANGAN ILMUAN SILAM

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِأُولِي الْأَلْبَابِ ۗ مَا كَانَ حَدِيثًا
يُفْتَرَىٰ وَلَكِن تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ
وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿١١١﴾

Maksudnya:

Demi sesungguhnya, kisah nabi-nabi itu mengandungi pengajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang yang mempunyai akal fikiran. Bukanlah ia (Kisah Nabi-Nabi) suatu cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam Kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman. (Surah Yusuf, 12: 111).

2. Pantun Melayu mengatakan:

Pulau pandan jauh ke tengah, gunung daik bercabang tiga.
Hancur badan dikandung tanah, budi yang baik dikenang jua.

Maksudnya:

Penghargaan dan terima kasih segala jasa baik atau pertolongan yang dihulurkan.

B. MAKSUD

Menghargai sumbangan ilmuan terdahulu dalam pelbagai bidang ilmu.

C. HURAIAN

Ilmuan silam telah memberikan sumbangan dan inspirasi besar dalam perkembangan ilmu. Pengiktirafan boleh dijemakan menerusi kefahaman tentang susur galur pengajian dan pembangunan semula idea-idea mereka bersesuaian dengan keperluan semasa.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Model Pendidikan Ilmu Turath di Pondok-pondok

Kewujudan institusi pondok sendiri adalah merupakan hasil daripada warisan daripada ilmuan, dan guru-guru yang terdahulu. Sistem pengajian yang menjadi teras dalam pengurusannya. Konsep pengajian pondok masih lagi teguh dipraktikkan iaitu secara menadah kitab (talaqqi) daripada guru-guru dan juga secara hafalan. Kitab-kitab yang digunakan juga adalah daripada sukatan kitab-kitab jawi klasik karya ulamak terdahulu yang mencakupi pelbagai bidang keilmuan termasuk Bahasa Arab. Namun, Bahasa Melayu tetap digunakan sebagai bahasa ilmu sebagai perantaraan. Waktu pengajian juga masih lagi dikekalkan iaitu pengajian di siang hari dan di malam hari.

E. CADANGAN

- i. Pensejarahan keilmuan ulama nusantara dan sumbangan mereka diolah semula untuk dijadikan sebahagian dari kandungan kurikulum.
- ii. Mewujudkan satu institusi yang berperanan untuk mengembangkan pemikiran ulama tersohor dalam perkembangan tamadun manusia.

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

ن وَالْقَلَمِ وَمَا يَسْطُرُونَ ﴿١﴾

Maksudnya:

Nuun. Demi Pena dan apa yang mereka tulis. (Surah al-Qalam, 68: 1).

2. Daripada ‘Abdullah ibn ‘Amru RA:

اَكْتُبْ فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ مَا خَرَجَ مِنْهُ إِلَّا حَقٌّ

Maksudnya:

Tulislah, demi Dzat yang jiwaku ada di tangannya. Tidaklah keluar darinya melainkan kebenaran. (Abu Dawud, *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-‘Ilm, Bab Fi Kitab al-Ilm).

3. Suatu ungkapan mengatakan:

الْعِلْمُ فِي الصِّغَرِ كَالنَّقْشِ عَلَى الْحَجَرِ.

Maksudnya:

Ilmu pengetahuan yang diajar sejak dari kecil umpama ukiran di atas batu. (Ibn Taymiyyah, *Manhaj al-Sunnah*, jil. 7, hlm. 526).

4. Nabi SAW bersabda:

قِيدُوا الْعِلْمَ بِالْكِتَابِ.

Maksudnya:

Ikatlah ilmu dengan menulisnya. (*Silsilah Ahadith al-Sahihah*, no. 2026).

5. Imam al-Shafi'i berkata:

العلم صيد والكتابة قيده قيد صيودك بالحبال الوثيقة
فمن حماقة أن تصيد غزالة و تتركها بين الخلائق طالقة

Maksudnya:

Ilmu adalah buruan, sedangkan tulisan adalah pengikat. Maka ikatlah buruan mu dengan tali yang kuat.

Adalah sebuah kebodohan jika kau berburu kijang, lalu kau biarkan ia terlepas pergi bersama haiwan yang lain (*Diwan al-Shafi'i*).

6. Sayyid Qutb berkata:

Satu peluru hanya mampu menembusi satu kepala. Namun, satu tulisan mampu menembusi ribuan kepala.

B. MAKSUD

Ilmu hendaklah ditulis dan didokumentasikan supaya menjadi rujukan dan untuk menjaga nilai keabsahannya.

C. HURAIAN

Salah satu kaedah penyebaran ilmu yang berkesan ialah melalui penulisan dan pendokumentasian. Buku-buku dan laporan yang dihasilkan daripada penulisan dapat menjadi rujukan generasi kemudian dan boleh dikembangkan ke seluruh dunia. Menerusi perkembangan teknologi maklumat, pendokumentasian ilmu boleh dilakukan dengan menggunakan teknologi terkini dan disimpan dengan selamat dan sistematik.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Arkib Negara Malaysia

Arkib Negara Malaysia (ANM) adalah merupakan badan penyimpan dan pemelihara khazanah negara. Pemeliharaan rekod dan bahan arkib menjadi tanggungjawab ANM daripada terdedah kepada bencana dan kerosakan. Oleh itu, ANM telah mewujudkan Prosedur Pendigitalan Bahan Audiovisual (PPBA). Pendigitalan bahan audiovisual merupakan satu kaedah bagi

menghasilkan salinan digital daripada bahan arkib fizikal yang terdiri daripada pita video, piring hitam, pita rakaman, cakera padat serta gambar.

Arkib Negara Malaysia bertanggungjawab menyimpan dan memelihara bahan arkib dalam pelbagai format dan bentuk. Tujuan pemeliharaan bahan-bahan ini adalah untuk membolehkan ia dirujuk pada bila-bila masa yang diperlukan. Selari dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi, maklumat dan kandungan bahan-bahan wajar disebar luas tanpa mengira sempadan dan waktu. Aktiviti rujukan dan akses tidak lagi terbatas di Dewan Penyelidikan, malah ia boleh dilakukan di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja. Justeru bahan arkib khususnya bahan audiovisual dalam format analog telah melalui proses pendigitalan bagi memenuhi tujuan tersebut.

E. CADANGAN

- i. Melengkapkan perpustakaan negeri, daerah dan institusi pendidikan negeri Kelantan yang merekod sumbangan ilmuwan Islam nusantara.
- ii. Mengumpul dan mendokumentasi sumbangan ilmuwan Islam nusantara dan memperkenalkan mereka kepada masyarakat.
- iii. Mewujudkan perpustakaan digital.

9.6

PENGAWALSELIAAN KUALITI INSTITUSI PENDIDIKAN

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَخُوْنُوْا اللّٰهَ وَالرَّسُوْلَ وَتَخُوْنُوْا اٰمَنٰتِكُمْ وَاَنْتُمْ

تَعَلَّمُوْنَ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya). (Surah al-Anfal, 8: 27).

2. Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمَانَاتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ

Maksudnya:

Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya. (Surah al-Mu'minun, 23: 8)

3. Daripada 'A'ishah RA:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَّقِنَهُ.

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah menyukai apabila seseorang itu melakukan amalan dia melakukannya dengan tekun (*itqan*). (Shu'ab al-Iman, jil. 4, hlm. 1867).

B. MAKSUD

Kualiti institusi pendidikan hendaklah dikawal selia oleh badan yang berautoriti, dan dalam masa yang sama, mengambil kira pandangan masyarakat serta pemegang taruh (*stakeholders*).

C. HURAIAN

Institusi pendidikan perlu dikawal selia oleh agensi pengawalan kualiti yang diiktiraf secara berterusan bagi memastikan jaminan kualiti perkhidmatan diyakini oleh pemegang taruh. Ini bertujuan agar ia kekal berperanan sebagai pusat penyebaran ilmu kepada pelbagai lapisan masyarakat.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Peranan utama MQA adalah untuk melaksanakan Rangka Kerja Kelayakan Malaysia (MQF) sebagai asas jaminan kualiti pengajian tinggi dan sebagai rujukan bagi kriteria dan piawaian untuk kelayakan negara. MQA bertanggungjawab untuk memantau dan mengawasi jaminan kualiti serta akreditasi pendidikan tinggi negara. Misi dan Visi MQA adalah untuk menjadi kuasa global jaminan kualiti pendidikan tinggi dan mewujudkan sistem jaminan kualiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Antara fungsi MQA sebagai badan jaminan kualiti ialah:

- i. Untuk melaksanakan MQF sebagai titik rujukan kelayakan Malaysia.
- ii. Untuk membangunkan piawaian kredit dan instrumen lain yang relevan sebagai rujukan kebangsaan untuk pengurniaan penghargaan dengan kerjasama pihak berkepentingan.
- iii. Untuk memastikan kualiti institusi dan program pendidikan tinggi.
- iv. Memperoleh akreditasi kursus yang memenuhi kriteria dan piawaian yang ditetapkan.
- v. Untuk memudahkan pengiktirafan dan artikulasi kelayakan.
- vi. Untuk mengekalkan Daftar Kelayakan Malaysia (MQR).

E. CADANGAN

- i. Mewujudkan standard kualiti pendidikan Rabbani negeri Kelantan.
- ii. Mewujudkan agensi pengawalan kualiti pendidikan negeri Kelantan.
- iii. Memastikan institusi pendidikan di negeri Kelantan mematuhi standard kualiti pendidikan yang digubal.

9.7

JAMINAN KESAHIHAN SUMBER

A. SUMBER

1. Firman Allah SWT:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا
بِجَهْلَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾

Maksudnya:

Wahai orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.” (Surah al-Hujurat, 49: 6).

2. Firman Allah SWT:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami-lah yang menurunkan al-Quran, dan Kami-lah yang memelihara dan menjaganya. (Surah al-Hijr, 15: 9).

3. Imam al-Shafi'i berkata:

أصل العلم الثابت وثمرته السلامة.

Maksudnya:

Asal usul ilmu sentiasa kekal, hasilnya adalah keselamatan.

B. MAKSUD

Sumber ilmu yang diperoleh perlu dipastikan kesahihannya dan perlu diselidiki daripada sumber yang benar.

C. HURAIAN

Ilmu yang diperolehi daripada pelbagai sumber hendaklah disaring supaya terjamin kesahihannya. Setiap individu perlu mempunyai sistem saringan yang utuh untuk menghadapi pelbagai ledakan maklumat dan ilmu yang disebarkan tanpa diketahui kesahihan sumber asalnya.

D. MODEL AMALAN TERBAIK

Kaedah penelitian pentashihan sumber hadis (*al-Jarhu wa al-ta'dil*) dilakukan oleh perawi hadis seperti Imam al-Bukhari dan Muslim supaya sumber tersebut sempurna dan terjaga. Tahap jaminan kesahihan sangat tinggi kerana mengambil kira kedudukan, kelayakan dan keupayaan seseorang individu yang merawi hadis dan proses riwayat tersebut (*sanad*). Ia memberi maksud individu yang menerima dari sumber pertama hingga terakhir mempunyai kredibiliti, kebertanggungjawaban dan adil terhadap keutuhan setiap isi kandungan dan persekitaran pemahaman sesuatu hadis. Sifat seseorang perawi akan menentukan penerimaan riwayatnya dengan syarat individu yang melazimi ketaqwaan, menjaga maruah, bebas daripada sifat fasiq dan memiliki kekuatan hafalan. Tahap keyakinan dan kebolehpercayaan ini menentukan status hadis sama ada *sahih*, *hasan*, *dhaif*, *matruk* dan sebagainya.

E. CADANGAN

- i. Mewujudkan kesedaran dalam kalangan pelajar dan masyarakat tentang perlunya menyaring maklumat dan memastikan kesahihan sumber ilmu yang diperoleh.
- ii. Mengawal dan memantau sumber maklumat yang tidak benar dan menyeleweng melalui agensi-agensi penguatkuasa yang berkaitan.

RUJUKAN

Al-Quran

- Abdullah Basmeih. Sheikh t.th. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Terj. Oleh Dar Kitab Malaysia.
- Abu Dawud Sulayman Ibn al-Ash'ath al-Azdi as-Sijistani (205-250 H). 1435 H/2009 M. *Sunan Abu Daud*. Jil.5. Beirut: Dar Ar-Risalah Al-'alamiyah.
- Abu Ghuddah, 'Abd Al-Fattah. 1992. *Qimat Al-Zamar 'Inda Al-Ulama'*. 7th ed. Halab: Maktab Al-Matbu'at Al-Islamiyah.
- Abu Mazaya Al-Hafiz. 2014. *Sejarah Lengkap Nabi dan Rasul Dalam Al-Quran Al-Karim*. Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Ahmad bin Hanbal. Abu Abdullah Ahmad Ibn Muhammad Ibn Hanbal Al-Shaybani. 2008. *Musnad Al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Juzuk1-12. Lebanon: Dar Al-Kitab Al-Ilmiyyah.
- Al-Alusi (1802-1854M/1216-1270H), Abu Fadhil Shihabuddin Sayyid Mahmud. t.th. *Tafsir Ruh Al-Ma'ani*. Juz.3. Beirut: Ihya' Al-Turath Al-'Arabi. Ms.208.
- Al-Attas. Syed Muhammad Naquib. 1999. *Concept of Education in Islam: A Framework For an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: International of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Al-Baghawi (1042-1122M/433-516H), Imam Ahmad Abu Muhammad Al-Husain Ibn Mas'ud Al-Syafi'i. 1993 M /1414 H. *Tafsir al-Baghawi*. Juz.1. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiah. ms 248-249.
- Al-Baihaqi. Abu Bakar Ahmad bin Al-Husain Al-Baihaqi. 1410H. *Syu'abul Iman*. Juzuk 1-7. Cet.1. Beirut: Dar Kitab Al-Ilmiyyah.
- Al-Bani.Muhammad Nasiruddin Al-Bani.1415H. *Silsilah Al-Hadis As-Sahihah Wa Syai'in Min Fiqhiha Wa Qawa'iduha*. Jil.3. Maktabah Al-Maarif.
- Al-Bukhari. Imam Abi Abdillah bin Muhammad bin. Ismail (194-206H). 1423H. *Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibnu Kathir.
- Al-Ghazali. Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad Al-Ghazali. 2015. *Ringkasan Ihya' Ulumuddin*. Terj. Al-Mursyid Al-Amin Ila Mau'izhatil Mu'minin: Mukhtasar Ihya' Ulumuddin. Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali. Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad Al-Ghazali. 2016. *Ihya' Ulumuddin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nasa'i. Imam Abi Abdul Rahman Ahmad Ibn Syu'aib Ibn Ali. t.th. *Sunan Al-Nasa'i*. t.tp: Maktabah Al-Ma'aruf Linnasyr Wa Al-Tanzil.

- Al-Qurtubi (1214-1273M/610-671H), Abi Ahmad Abdullah Muhammad Bin Ahmad al-Ansari.1967M/1387H. *Jami' al-Ahkam al-Qur'an*. Juz.4. Kaherah: Dar al-Kitab al-'Arabi. Ms 121-123.
- Al-Tabari (839-923M/224-310H), Abu Ja'afar Muhammad bin Jarir. 1419H/1999M. *Jami' al Bayan fi Takwil Ayat al-Quran*. Juz. 3. Beirut: Dar al-Fikr. Ms.440-446.
- Al-Tarmizi.Muhammad Isa bin Surah. 1993. *Tarjamah Sunan At-Tirmizi*. Terj. H. Moh. Zuhri. Dipl. Tafl. Jil.4. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Al-Thabarsi (1073-1153M/468-548H), Abu Fath Ibn Hasan. 1939M. *Majma' Al-Bayan Fi Tafsir Al-Quran*. Jil. 1. Beirut: lhya' al-Thurath al-'Arabi. Ms. 465-466.
- Al-Tirmizi. Imam Al-Hafiz Muhammad Isa bin Surah Al-Tirmizi. 1996. *Sunan Al-Tirmizi*. Cet.1. t:tp: Maktabah Al-Ma'aruf Linnasyr Wa Al-Tanzil.
- Al-Zamakhshari (1075-1144 M/467-538 H). Imam Abi Qasim Mahmud Umar bin Muhammad. 1995 M /1415 H. *Tafsir al-Kasyaf*, Beirut: Dar Al-Kitab Al-Ilmiyah. Ms 370-371.
- As-Suyuthi (1445-1506M/849-911H), Jamaluddin Abu Al-Fadl 'Abdurrahman Ibn Abi Bakr Muhammad. 1990M/1411H. *Dar al-Mansur fi Tafsir al-Ma'thur*. Juz.3. Beirut: Dar Kitab Al-Ilmiyah.. ms 72-73.
- Barbara Isaacs. 2015. *Bringing The Montessori Approach to Your Early Practice*. 3th ed. London: Routledge Taylor & Francis Group.
- Brian Tracy. *The Oxford Handbook of Meaningful Work*. 2019. United Kingdom: Oxford University Press.
- Daud Sulayman. Imam Al-Hafiz Abi Daud Sulayman Ibn Al-Ash'ath Ibn Ishaq Al-Azdi Al-Sijistani. 2009. *Sunan Abi Daud* Jil.1-7. Beirut: Dar Al-Risalah Al-A'alamiyyah.
- Ensiklopedia Al-Quran: Kajian Kosakata*. 2007. Jil.3. Jakarta: Lentera Hati & Pusat Studi Al-Quran Yayasan Paguyuban Ikhlas.
- Hamka (1908-1981M/1326-1401H), Prof. Dr. Haji Abdul Malik bin Haji Abdul Karim Amrullah. 1984M. *Tafsir Azhar*. Ms. 818-821.
- Harry R. Lewis. 2006. *Excellence Without A Soul: How A Great University Forgot Education*. United States: Public Affairs.
- Hu Jing.Jing. 2014. *A Critical Review of Pedagogical Content Knowledge's Components: Nature, Principle and Trend*. International Journal of Education & Research. Vol.2(4). April 2014. 411-424.
- Ibn 'Arabi (1076-1148M/468-543H). Abu Bakr bin Muhammad bin Abdullah Al-Ma'arifi. 1958M/1376H. *Ahkam Al-Quran*. Jil. 1. t:tpt: Dar lhya' Kutub Al-'Arabi. Ms. 365.

- Ibn al-Jauziy, Jamaluddin Abi al-Faraj (2015) .*Adaab al-Hassan al-Basriy wa Zuhduhu wa Mawa'zuhu*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah. (ms.66).
- Ibn Hajar Al-Asqalani (773-802H). 1996. Abi Al-Fadhil Ahmad bin Ali bin Hajar Al-Asqalani. *Fath Al-Bari bi Syarh Sahih Al-Bukhari*. Juz.8. Kaherah: Dar Abi Hayyan.
- Ibn Hajar Al-Asqalani (773-802H). 2006. Abi Al-Fadhil Ahmad bin Ali bin Hajar Al-Asqalani. *Fathul Baari: Penjelasan Kitab Shahih Al-Bukhari*. Terj. *Fath Al-Bari bi Syarh Sahih Al-Bukhari*. Oleh Amiruddin. Jil.17. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Ibn Hajar Al-Haithami. Ahmad Syihabuddin bin Hajar Al-Haithami. 1937. *Al-Fatawa Al-Haditsiyah*. Mesir: Meushtafa Al-Baby Al-Halaby.
- Ibn Kathir (1300-1373M/701-774H), Imam Abi al-Fida'i al-Hafiz. 1997M/1419 H/. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut: Dar al-Fikr. Ms. 424-425.
- Ibn Kathir. Ismail Bin Umar. 1992. *Musnad Al-Faruq Amir Al-Mukminin Abi Hafsi Umar Al-Khattab Wa Aqwalu 'Ala Abwabal Ilmi*. 2nd ed. Egypt: Dar Al-Wafa.
- Ibn Majah. Abi Abdillah Muhammad bin Yazid Al-Qarwayhi. t.th. *Sunan Ibn Majah*. Cet.1. t.tp: Maktabah Al-Ma'aruf Linnasyr Wa Al-Tanzil.
- Ibn Muflih al-Maqdisi Muhammad. 1996. *Al-Adab Asy-Syar'iyah*. Riyad: Dar Nazar Mustafa Al-Baz.
- Ibn Qayyum Al-Jauziyyah. Imam Al-Hafiz Abi Qasim Ismail bin Muhammad bin Al-Fadhil Al-Jauzi. 1993. *Al-Targhib Wa Al-Tarhib*. Qaherah: Dar Al-Hadith.
- Ibn Taymiyyah. Abu Al-Abbas Ahmad bin Abd Halim bin Taymiyyah. 1903. *Manhaj Al-Sunnah Al-Nabawiyyah fi Naqd Al-Kalam Syiah Wal Qadariyah*. Beirut: Dar Kutub Al-'Ilmiyah.
- Juliana Osong, Norafidah dan Noralidin. t.th. *21st Century Knowledge and Skills in Education Preparation: Persediaan Pengetahuan dan Kemahiran Guru Abad 21*. Sabah: Institut Pendidikan Guru Gaya, Kota Kinabalu.
- Laila, Qumruin. 2015. *Pemikiran Pendidikan Moral Albert Bandura*. Jurnal Program Studi PGMI. Vol.III(1). Mac 2015. 21-36.
- M. Quraish Shihab (1944M). 2010. *Tafsir Al-Misbah: Pesan, Kesan, dan Keserasian al-Quran*. Indonesia: Penerbit Lentera Hati. 158-162
- Malik bin Anas. Imam Malik Bin Anas bin Malik bin Abi Amir. 1985. *Al-Muwatta'*. Jil.1-2. Beirut: Dar lhyar Al-Turath Al-Arabiy.
- Mohammad Qayyum Bin A. Badaruddin. 2015. *Mendidik Anak Cara Al-Fateh*. Cet.2. Selangor: Casamas Resources Sdn Bhd.

- Mohd Ali Muhammad Don. 2016. *Peranan Wakaf Untuk Pembangunan Pendidikan Tinggi: Sejarah Silam dan Pelaksanaan di Malaysia*. Prosiding 3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization (ICASIZ 2016). 14-15 Mac. 188-194.
- Mohd Syakir Mohd Taib, Wan Kamal Mujani, Ermy Izzaty Razali dan Kartini Abu Talib@Khalid. 2017. *Perkembangan Wakaf Pendidikan Tinggi di Malaysia Development of Waqf Higher Education in Malaysia*. International Journal of West Asian Studies. Vol.9(1). 82-89.
- Muhammad Nur Abdul Hafizh Suwaid. 2016. *Prophetic Parenting: Cara Nabi s.a.w Mendidik Anak*. Cet.3(Terj.). Farid Abdul Aziz Qurusy. Selangor: Alam Raya Enterprise Sdn. Bhd.
- Muhammad Bakar Ismail. t.th. *Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah Baina Al-As'ilah Wa Al-Tarjih*. t.tp. Dar Al-Munar.
- MUIS. 2008. *Mosque Financial Regulations (MFR) 2008*. Singapore: Majlis Ugama Islam Singapura. 23-24.
- Muslim. Imam Abi Al-Husayn bin Al-Hajjaj. 2006. *Sahih Muslim*. Saudi: Dar Thoiiyibah.
- Nabil Hashim Abdullah Al-Ghamri. 1999. *Fathul Manan Syarh Musnad Al-Jami': Syarh Wa Tahqiq Kitab Al-Darimi Musamma bi Musnad Al-Jami'*. Juzuk 2. Kitab Ilmi. t.tp: Islam Kotob.
- Naim Zarzur. 2016. *Diwan al-Imam al-Syafie*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah (ms. 99).
- Perlembagaan Persekutuan. 2010. Cet.2. Malaysia: Peseuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia.
- Said Hawa (1935-1989M/1354-1410H), Said Muhammad Dib Hawwa. 2003M/1424H. *Asas fi Tafsir*. Jil.2. Kaherah: Dar As-Salam. Ms.810-811
- Salahuddin Abdullah Omar Khalid. 2009. *Tafsir al-Mubin*. Juz.3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Ms 262-263
- Sayyid Qutb (1906M-1966M/1323-1385H). t.th. *Tafsir fi Zilal al-Quran*. 1412H/1992M. Juz 2. Darul Syuruq: Beirut
- Shulman, Lee S. 1987. *Knowledge and Teaching: Foundations of The New Reforms*. *Havard Educational Review*. Vol.57(1). Februari 1987. Havard College.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Hassan. 2011. *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna & Nilai*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia (UPM).
- <https://www.muis.gov.sg/mosque/Mosque-Infrastructure/About-MBMF/About/> 27September 2018.

Portal Rasmi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Kementerian Pendidikan Malaysia (Sektor Pendidikan Tinggi).
<http://www.mqa.gov.my/pv4/bm/index.cfm>. 17 Ogos 2018.

Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. <http://www.arkib.gov.my/web/guest/fungsi>. 17 Ogos 2018.

Portal Rasmi International Islamic University of Malaysia (IIUM).
<http://www.iium.edu.my/my/page/philosophy>. 10 Ogos 2018.

Portal Rasmi Jabatan Agama Islam Selangor. Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi. <http://www.mitstklang.edu.my/>. 27 September 2018.

Portal Rasmi. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
<https://www.usim.edu.my/ms/moto-falsafah-visi-misi/>. 10 Ogos 2018.

United Nations. Universal Declaration of Human Right.
<https://www.un.org/en/universal-declaration-human-rights/>. 17 Ogos 2018.

LAMPIRAN



Pelancaran Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan, 25 Februari 2018.



Pelancaran Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan, 25 Februari 2018.



Pelancaran Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan, 25 Februari 2018.



Forum Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan, 25 Februari 2018.

